

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 4</b>	<b>Khamis</b>	<b>19 Julai 2018</b>
---------------	---------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 9)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong  
- *Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)* (Halaman 39)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 19 Julai 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Lim Lip Eng [Kepong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik bilangan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR/IC Merah), Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS/IC Hijau) dan orang tanpa warganegara (*stateless*) mengikut negeri. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan sama ada golongan-golongan tersebut yang berumur 60 tahun ke atas boleh diberikan kewarganegaraan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas soalan ini. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Yang Berhormat Pagoh yang merupakan Menteri Dalam Negeri *is on medical leave*, dengan izin dan saya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun dipertanggungjawabkan untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 2018, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah merekodkan seramai 269,586 orang pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dan 33,688 orang pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS). Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>MyPR</b>	<b>MyKAS</b>
Johor	38,239	1,709
Kedah	5,535	207
Kelantan	5,019	1,878
Melaka	6,423	242
Negeri Sembilan	7,800	261
Pahang	10,565	1,061

Perak	11,065	487
Perlis	1,079	38
Pulau Pinang	10,845	849
Sabah	44,288	21,140
Sarawak	2,399	1,507
Selangor	75,440	2,417
Terengganu	2,515	419
Kuala Lumpur	44,995	1,137
Labuan	3,281	330
Putrajaya	98	6
Jumlah (orang)	269,586	33,688
<b>JUMLAH</b>	<b>303,274</b>	

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pun sudah tamat.

**Datuk Liew Vui Keong:** Berhubung dengan - Sudah habis masa ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah tamat Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah ini begitu ramai, serius dan rumit, saya hendak tanya sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas (*special task force*) dengan izin, yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen daripada semua parti untuk menangani masalah ini? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan Pakatan Harapan memandang serius dan berat mengenai masalah ini. Satu jawatankuasa khas yang mengendalikan dokumen pengenalan diri dan juga kewarganegaraan masyarakat kaum India telah pun ditubuhkan dan telah pun dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pagoh.

#### ■1010

Seperti yang telah pun saya katakan tadi Yang Berhormat Pagoh pada masa ini dalam *medical leave* dengan izin, maka mesyuarat tidak dapat dijalankan buat setakat ini. Akan tetapi kita doakan bahawa Yang Berhormat Pagoh akan kembali dan akan menjalankan mesyuarat itu dengan seberapa cepat yang boleh. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri baru-baru

ini ialah tentang kelulusan warganegara seramai 200,000 orang telah menimbulkan rasa kebimbangan terhadap kedaulatan negara.

Sejauh manakah kelulusan kewarganegaraan yang banyak ini dapat menjamin identiti Malaysia, Islam, Melayu dan Institusi Raja Melayu selain tidak merosakkan struktur keharmonian Malaysia yang berbilang kaum terutama dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terjamin. Apakah langkah dan syarat yang ditetapkan oleh kementerian sebelum mereka diberi kewarganegaraan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kerajaan ini memang menegaskan bahawa pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang untuk memberikan kewarganegaraan dan juga dianugerahkan kepada individu-individu yang berkelayakan sahaja, berkualiti dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Akan tetapi kepada golongan yang melebihi 60 tahun ini, kerajaan akan memberi sedikit banyak kelonggaran kepada mereka daripada segi pengetahuan bahasa sahaja. Akan tetapi ini adalah *specific cases* kepada individu-individu yang berkenaan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, hanya 106 *approval* dengan izin, yang telah pun diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri pada 2 Julai tahun ini. Ini telah pun mematuhi undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

**2. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Kewangan menyatakan perihal pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang akan diperkenalkan pada 1 September 2018. Adakah pada jangkaan kerajaan harga barang akan naik dan apakah pula langkah-langkah berkesan untuk memastikan SST tidak menyebabkan harga barang naik dan membebaskan rakyat.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai jualan pada kadar lima peratus dan 10 peratus dikenakan ke atas produk dikilangkan dan produk yang diimport yang terpilih sahaja dan bukan ke atas semua produk yang telah diproses seperti yang diamalkan dalam sistem cukai GST. Pada masa yang sama, cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus dikenakan ke atas perkhidmatan yang terpilih juga dan bukan semua jenis perkhidmatan seperti yang diamalkan dalam sistem cukai GST.

Sebagai kesimpulan, sistem cukai GST merupakan sistem dengan izin, *cradle to the grave tax*. Secara ringkas, GST dikenakan ke atas 60 peratus produk yang terdapat dalam bakul produk dan perkhidmatan ataupun CPI *basket of goods* dengan izin.

Manakala SST hanya dikenakan ke atas 38 peratus. So, bawah GST 60 peratus, SST 38 peratus. Contoh barangan yang dikenakan GST tetapi kini tidak akan lagi tertakluk kepada cukai di bawah SST adalah seperti sardin, produk susu, kopi, teh, sos cili, sos tomato, bijirin, dadih, seri kaya, marjerin, motosikal di bawah 250cc dan basikal.

Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan yang baru telah kembali ke sistem cukai lama, pra GST sebelum 1 April 2015 dengan pelaksanaan SST ini. Sebelum 1 April 2015, SST tidak menjadi suatu isu baik dalam arena politik mahupun dalam fikiran rakyat. SST merupakan cukai seperingkat ataupun *single stage tax* yang secara amnya dikenakan ke atas pihak pengilang dan bukannya pengguna.

Sebaliknya GST adalah cukai berperingkat atau *multistage tax* yang terpaksa dibayar dan dikutip pada setiap peringkat rantai bekalan atau *supply chain*. Misalnya jika seekor anak patung beruang dijual oleh pengilang kepada pemborong, kepada pengedar, kepada peruncit dan akhirnya kepada pengguna GST akan dikenakan di setiap peringkat. Sebaliknya SST hanya akan dikenakan kepada pihak pengilang sahaja. Justeru, perlu diingatkan impak SST adalah lebih kepada peniaga khususnya dalam sektor pengilangan kerana cukai tersebut tidak dikenakan ke atas pengguna akhir.

Secara teknikal, kita perlu ingat pihak pembekal boleh menuntut pengembalian GST yang telah dibayar sebagai *input tax* daripada kerajaan. Akan tetapi proses ini telah menimbulkan masalah yang besar kepada aliran tunai operasi kerana susah dapat *refund* GST. Saya akan membongkar apakah sebabnya GST *refund* tidak dapat dikembalikan. Ini sekali gus menaikkan harga barangan kerana susah untuk dapat *refund*.

Saya hendak akhirkkan dengan menyatakan bahawa SST yang dikutip hanya pada tahap RM21 bilion setahun. Sedangkan GST akan kutip RM44 bilion setahun. Bermakna kerajaan akan kurang kutip RM23 bilion. Inilah RM23 bilion adalah hadiah yang Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan berikan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada satu ketika, cukai jualan adalah 10 peratus. Kita tahu bahawa pengilang utama ataupun pengimport utama ini biasanya membuat *imputation of tax into pricing*, dengan izin. Ini yang dilakukan. Kemudian cukai perkhidmatan pada tahun 2008 pula, *threshold* kalau dahulunya RM150,000 setahun *annual revenue*, sekarang jadi RM0. RM1 pun dia kena bayar. Jadi soalnya, adakah perluasan skop SST akan dibuat? Apakah *threshold* akan diturunkan atau dinaikkan *threshold*? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam. Akan tetapi tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam akan dijawab apabila Rang Undang-undang SST diperkenalkan kepada Dewan. Kalau saya hendak perelaskan satu-persatu saya rasa dua minit tidak cukup. Akan tetapi jangan bimbang, semua akan diperelaskan dengan terang sama ada skop dan juga *threshold* seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Perlu disebutkan tadi kerana saya tidak sempat.

Tentang *impact*. Kita tidak nafikan, kita bukan macam Barisan Nasional yang menyatakan bahawa GST akan menyebabkan harga barang turun, tidak. Kita tidak akan nafikan hakikat yang sebenarnya berlaku. *[Ketawa]* Saya tidak sebut nama pun.

So, oleh sebab itu adalah perlu bahawa kita tidak nafikan ada *impact*. Tentu ada kesan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah *impact* daripada SST adalah lebih kurang daripada GST. Ini kerana seperti yang saya sebut tadi GST kita kutip RM44 bilion, SST sebanyak RM21 bilion iaitu pengurangan RM23 bilion. So, *impact* ada tetapi mestilah separuh daripada ada yang rakyat menderita di bawah GST. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Di dalam Dewan ini, KPDNKK memaklumkan pada 30 Oktober 2017, KPDNKK memaklumkan bahawa 223 barang turun harga kerana GST. Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin sesuatu yang *transparent*. SST adalah cukai yang tidak *transparent*. Rakyat kena bayar tetapi tidak ada dalam resit. GST *transparent*. Apa komen?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tentu Yang Berhormat Pontian lebih faham tentang kesan daripada GST. Akan tetapi saya akan berhati-hati apabila dapat nasihat daripada Yang Berhormat Pontian. Apa yang penting Dewan yang mulia ini memang tahu bahawa kita tidak nafikan ada masalah dari segi penguatkuasaan, ada masalah dari segi ketirisan di mana pihak pengilang akan cuba cari *loophole*, dengan izin.

#### ■1020

Saya telah meminta pihak kastam untuk memastikan bahawa semua *loopholes* ataupun kaedah-kaedah yang mereka akan gunakan untuk lari daripada pembayaran SST dapatlah diatasi dan ini tentu adalah isu pelaksanaan. Tentang ketelusan, kita tak nafikan juga hakikat kalau kita sebut yang mana lebih telus, tentu GST lebih telus. Akan tetapi bila kita sebut GST telus, maknanya dia boleh kutip lebih banyak cukai dengan lebih meluas dan juga mempunyai kesan ke atas rakyat. Sedangkan SST sungguhpun tidak setelus, tidak efisien seperti GST tetapi kesan kepada rakyat khususnya pengguna

akhir, khususnya rakyat biasa yang kita berikan tumpuan dan berikan keprihatinan, itulah yang kurang kena ke atas mereka.

Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita kena lihat kos kepada pengguna. *Stage* berperingkat, satu sahaja SST tapi untuk GST pelbagai peringkat. Itulah sebabnya harga tidak akan turun, harga akan naik dan itulah sebabnya kita...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pelbagai *stage* itu boleh *claim* balik, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ha! Itu yang saya sebut tadi. Ya, betul boleh *claim* balik tetapi masalahnya mereka tak dapat *refund*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tak dapat *refund* itu sebab mereka tipu *refund*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bila mereka tak dapat *refund*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri hanya ada 13 minit 13 saat untuk menjawab ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Itulah yang menyebabkan kosnya selalu ditambah naik dan saya akan dedahkan mengapa *refund* ini tidak dapat dibayar dan juga jumlahnya pada satu masa akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Peraturan Mesyuarat 24(5).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu Gajah. Mengemukakan soalan ketiga.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 24(5).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini MQT, tak timbul peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Ya, ya ini MQT. Saya nak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada soalan tambahan MQT ini, dua-dua soalan tambahan di sebelah sana kah atau satu di sini, satu di sana? *[Dewan riuh]* Sebab tadi dua soalan tambahan semua berdiri di sebelah sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita teruskan sahajalah. Ini bukan perkara Aturan Mesyuarat. Biasanya kalau ditanya oleh pihak pembangkang, soalan kedua ialah pihak pembangkang dan soalan ketiga adalah pihak kerajaan.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Akan tetapi dua-dua soalan tambahan tadi diberikan kepada pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada orang yang ingin bangun tadi. Ya, teruskan. Yang Berhormat Batu Gajah, silakan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* yang dirujuk tadi 34(5) tak tertulis dalam sini. [Merujuk kepada Buku Peraturan Mesyuarat] Tak ada 34(5), Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Saya sebut 24 bukan 34.

**3. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan pendirian kerajaan untuk menurunkan peruntukan pengurusan bagi lebih kurang 200 buah prasekolah yang melibatkan 500 orang guru dan 7,000 orang kanak-kanak seluruh negara yang pernah dibantu oleh SEDIC sejak tahun 2016.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah di seluruh negara termasuklah prasekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sehingga sekarang, jumlah keseluruhan kelas prasekolah di SJKT adalah sebanyak 212 sekolah melibatkan 277 kelas.

Langkah ini adalah bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan prasekolah yang berkualiti sebelum mengikuti pendidikan wajib di sekolah rendah. Pada dasarnya, semua institusi prasekolah di bawah KPM termasuk prasekolah SJKT akan disediakan peruntukan mengurus berdasarkan keperluan yang diluluskan dalam anggaran belanja mengurus tahunan. Bagi peruntukan mengurus SJKT bantuan kerajaan (SBK) termasuk yang mempunyai prasekolah, kerajaan menampung perbelanjaan emolumen dan pembayaran bil utiliti.

Kerajaan juga menyalurkan peruntukan bantuan prasekolah kepada prasekolah di SJKT bertaraf SBK iaitu sekolah bantuan kerajaan. Penyaluran peruntukan berdasarkan kadar dan syarat yang ditetapkan, enrolmen murid di sekolah serta peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan ini semua bagi yang diselenggarakan oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan kerajaan terdahulu menunjukkan ada peruntukan khas diturunkan terus oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) kepada SJKT dan bukan melalui KPM. Kedudukan terkini SEDIC masih lagi dalam pertimbangan kerajaan. Walau bagaimanapun, KPM amat menghargai jika ada pihak lain termasuk badan bukan kerajaan dan swasta yang berhasrat membantu pihak sekolah terutamanya pembangunan prasekolah yang ada di bawah kawalan kementerian. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Masalahnya sekarang ialah pada tahun ini, peruntukan yang telah

disediakan untuk tahun ini adalah sebanyak RM7.03 juta untuk program ini di bawah SEDIC dan saya difahamkan setakat bulan lima, sebahagian daripada peruntukan sudah pun diturunkan dan bakinya telah dihantar balik ke ICU. Saya difahamkan ICU tidak akan mengeluarkan peruntukan ini untuk program ini dan jika ia tidak diturunkan, ini bermaksud kesemua prasekolah ini akan terpaksa diberhentikan dan ini akan melibatkan lebih kurang 7,000 murid-murid di prasekolah.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkan supaya baki wang ini diturunkan sekurang-kurangnya sehingga hujung tahun ini dan mungkin kita akan lihat bagaimana kita nak laksanakan program ini pada tahun hadapan.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ahli Yang Berhormat, hak untuk menurunkannya bukan di bawah KPM dan masih lagi di bawah ICU tetapi KPM akan komited untuk memastikan peruntukan tersebut akan diperturunkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sarawak, Sarawak sini. Batang Sadong.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highland]:** Ini berkaitan dengan masyarakat India.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya nak tahu tadi menyentuh mengenai prasekolah SJKT tetapi saya menyentuh mengenai prasekolah secara keseluruhannya iaitu sama ada kementerian melihat kepada keseluruhan daripada segi peruntukannya sahaja untuk pengurusannya diturunkan atau kita memberi keutamaan kepada kualiti pengurusan sesebuah prasekolah itu? Hal ini kerana kalau dilihat terutama sekali di luar bandar, saya rasa ini perlu diberi keutamaan. Saya harap pihak kementerian melihat kepada perkara ini dan memberi keutamaan kepada prasekolah di luar bandar. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ahli Yang Berhormat, kementerian komited dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti guru-guru di bawah KPM sama ada mereka di peringkat prasekolah ataupun di peringkat sekolah. Maka di dalam era baharu ini, kita akan mempertingkatkan dengan izin, *in-service training* ataupun latihan dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa demi memberikan jaminan pendidikan berkualiti kepada semua guru kita termasuk yang berada di luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini.

*[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan menteri tamat]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah janji-janji Kerajaan Pakatan Harapan 100 hari setelah menang PRU-14 dan berjaya menjadi kerajaan, apakah janji-janji yang telah, sedang dan belum ditunaikan lagi serta sebab-sebabnya lewat ditunaikan.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam pada 19 Julai 2018 kerana menyentuh isu yang sama iaitu status pelaksanaan semua janji di bawah manifesto Pakatan Harapan.

#### **■1030**

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 70 hari pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan bermula daripada 10 Mei 2018 hingga ke hari ini, dua daripada sepuluh janji Pakatan Harapan telah mula dilaksanakan, enam janji sedang ditunaikan dan dua janji belum dimulakan langkah pelaksanaannya. Kerajaan komited untuk merealisasikan kesemua sepuluh janji tersebut atas dasar *accountability* kami kepada rakyat.

Harus diingat, tumpuan kerajaan bukanlah pada sepuluh janji ini sahaja. Dalam masa 100 hari ini juga, banyaklah kerja lain perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Apa yang diutamakan ialah tindakan membersihkan kerajaan dari kerosakan hasil dari gejala rasuah dan salah guna kuasa yang melanda jentera kerajaan yang terdahulu... *[Tepuk]* Tindakan undang-undang terhadap jenayah yang dikesan dalam kerajaan, usaha untuk mengesan dan mendapat balik wang yang hilang, menyusun semula jabatan-jabatan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk menunaikan 60 janji dan 42 iltizam yang terkandung dalam Buku Harapan sebagaimana yang terdapat dalam buku berkenaan. Usaha melaksanakan sepuluh janji telah dibuat tetapi hasilnya tidak semua boleh dicapai dalam 100 hari. Bagi memastikan janji-janji yang dibuat dapat dilaksanakan secara teratur dan mengikut undang-undang, kajian serta perancangan yang teliti perlu dibuat yang sekali gus memerlukan masa.

Walau bagaimanapun, kesemua janji di atas telah dikaji mekanisme pelaksanaan dan sedang dalam penelitian jabatan dan agensi terlibat. Umpamanya, janji caruman

KWSP RM50 untuk suri rumah sedang dikaji oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada masa yang sama, janji-janji yang boleh dilaksanakan terus tanpa melibatkan kos seperti menghapuskan senarai hitam keluar negara untuk peminjam PTPTN memang telah dilaksanakan. *[Tepuk]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memantau perkembangan sepuluh janji yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan? Ini kerana rakyat yang mengundi memandangkan janji Pakatan Harapan ialah satu harapan Malaysia baru. Juga, adakah kerajaan akan mengedarkan Buku Harapan kepada semua agensi kerajaan untuk memastikan bahawa urusan lebih licin dalam kerajaan ini? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, menteri-menteri dan Kabinet juga memantau pelaksanaan sepuluh janji dalam 100 hari ini. Namun demikian, kita belum sampai 100 hari. Oleh sebab itu, ada yang belum diselesaikan lagi. Akan tetapi, kita tidak akan biar sesuatu itu tidak dipantau kerana tugas-tugas lain kerana kita memang berpegang kepada janji kita dalam manifesto. Terima kasih.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat sendiri telah menyebut bahawa manifesto itu bukan kitab suci tetapi ia panduan sahaja dan ada janji yang tidak dapat ditunaikan sepenuhnya seperti pelantikan Speaker tidak di kalangan Ahli Dewan Rakyat.

Jadi saya hendak tahu daripada Yang Amat Berhormat, berapa banyak lagi janji yang akan jatuh dalam kategori tersebut iaitu bukannya kitab suci tetapi hanya panduan sahaja? Semalam saya tanya Menteri Pendidikan berkenaan dengan janji PTPTN hanya perlu bayar apabila gaji mencecah RM4,000 sebulan. Itu pun masih lagi dalam kajian. Tinggal lagi 30 hari Yang Amat Berhormat dan ada janji yang mungkin Yang Amat Berhormat sendiri rasa boleh memudaratkan ekonomi negara seperti gaji minimum pada paras RM1,500 dan sebagainya. Jadi saya minta jawapan daripada Yang Amat Berhormat, yang mana janji yang dikatakan janji akan ditunaikan dan yang mana hanya panduan sahaja?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa Ahli Yang Berhormat anggap manifesto itu sebagai buku suci. Akan tetapi, walaupun dia menganggap demikian, kami di sebelah sini menganggap ini adalah manifesto, tidaklah mengikat kita sehingga tidak boleh bergerak. *[Dewan riuh]* Apabila

kita cuba laksanakan, kita dapati banyak rintangan. Umpamanya, undang-undang lama yang digubal oleh bekas kerajaan dahulu juga menjadi halangan. Pegawai-pegawai yang dahulu bersih daripada bermacam jenayah, sekarang ini tidak dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dan mereka perlu ditukar dan ada pula pegawai yang mengganti tidak mempunyai pengalaman secukupnya.

Semua ini menjadi halangan terhadap pelaksanaan janji kami dan kalau kami berdosa, kami tanggunglah. *[Dewan riuh]* Kita sama-sama... *[Disampuk]* Akan tetapi kita tidak anggap manifesto sebagai Quran ataupun *Bible*. Jadi bila kita sampai kepada rintangan, kita perlu cari jalan lain untuk mengatasinya. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita boleh benarkan lagi satu soalan tambahan ketiga.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang, wanita.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Dari Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang, sila.

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *Alhamdulillah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin soalan tambahan ialah di antara janji kepada rakyat ialah pemberian royalti kepada negeri-negeri yang berhak. Saya ingin bertanya Perdana Menteri, sejauh mana janji ini akan dilaksanakan dan bila akan dilaksanakan dan apakah mekanisme? Apakah realiti lima peratus royalti ini akan dibayar terutama kepada Kelantan dan juga Terengganu ini? *[Disampuk]* 20 peratus kepada Kelantan dan Terengganu. Minta penjelasan.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami berjanji untuk memberi royalti seperti yang dijanjikan dahulu. Tidak akan ada penyelewengan dalam usaha ini. Akan tetapi kami berharap bahawa royalti ini diguna untuk kebaikan negeri-negeri berkenaan dan tidak disalah guna untuk memperkuat parti dan lain-lain. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit dari Sarawak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah. Tiga soalan tambahan sahaja yang saya benarkan. Sekarang soalan kedua, dijemput Yang Berhormat Ketereh.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimana dengan janji untuk Sarawak ini? Termasuk juga ya Sarawak? Sarawak dan Sabah.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Sabahlah, Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. *[Mengetuk tukul]* Saya sudah putuskan hanya tiga soalan tambahan. Semalam dua sahaja soalan tambahan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ya, saya faham saya tahu tetapi untuk Sarawak, saya pasti bersuara untuk Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri dalam Dewan minta— bolehlah, Yang Amat Berhormat.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Untuk Sarawak 20 peratus itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya? Kemukakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tadi janji itu untuk Sarawak dan Sabah dapat. Sarawak dapat juga?

**Seorang Ahli:** Dapat juga.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat.

#### ■1040

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat, dia tidak boleh lebih daripada tiga soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, untuk satu soalan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ini mudah saja. Saya mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah membenarkan Yang Berhormat Kapit untuk mengemukakan soalan. Jadi, yang lain tolong duduklah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Soalan saya Yang Amat Berhormat, tadi Yang Berhormat daripada Rantau Panjang mohon untuk Kelantan dan Terengganu 20 peratus. Jadi saya mohon juga sebab dijanji juga untuk Sarawak 20 peratus dan Sabah juga saya ingat. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalnya Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Itulah soalan dia. Apa tindakan ataupun jawapan daripada Yang Amat Berhormat. Ini senang saja. Terima kasih. Ada dapatkah?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah hak untuk Kelantan sahaja ataupun Terengganu sahaja. Ia terkena kepada semua kawasan, semua negeri yang mengeluarkan minyak. *[Dewan tepuk]* Keuntungan...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** 20 percent daripada keuntungan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, Sarawak sudah dibagi. Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan tambahan lagi. Sila duduk, duduk.

2. **Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian kerajaan dan berhubung tuntutan pembubaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta turut mempertikaikan pemberian dana awam dalam pembangunan Islam di negara ini dan apakah tindakan agar isu melibatkan sensitiviti agama Islam terus dibendung.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ketereh serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Parit pada 23 Julai, Yang Berhormat Kuala Krau pada 1 Ogos dan Yang Berhormat Tasek Gelugor pada 6 Ogos 2018 dan Yang Berhormat Marang pada 14 Ogos 2018 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan kajian semula fungsi dan peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memandang serius akan keberadaan ataupun kewujudan dan kepentingan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam struktur pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Justeru, kerajaan tidak berhasrat untuk membubarkan JAKIM. Namun, peranan, fungsi dan struktur JAKIM akan dikaji semula bagi memperkasa kedudukannya sebagai agensi Islam, agensi agama di peringkat persekutuan.

Dalam erti kata lain, kita ingin menjadikan JAKIM lebih efektif, lebih efisien dan lebih diperkasakan. Dalam hal ini, usaha ke arah memperkasa dan memartabatkan Islam dari semua sudut sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Ini adalah selaras dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai agama bagi persekutuan. Akan tetapi di masa yang sama, menjanjikan bahawa agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam persekutuan.

Ia juga selaras dengan peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan istimewa agama Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan khususnya sumpah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 37 dan Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan untuk memelihara Agama Islam pada setiap masa. Manakala berhubung isu pemberian dana awam bagi tujuan pembangunan Islam, perkara ini juga adalah selari dengan Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan persekutuan atau negeri untuk menubuhkan, menyelenggara, membantu dan menyenggarakan institusi Islam dan apa jua perbelanjaan ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu yang menyentuh sensitiviti umat Islam pula, kerajaan sentiasa peka terhadap sebarang usaha yang menghina agama Islam dan menyentuh sensitiviti umat Islam. Secara umumnya, kebenaran menganjurkan mana-mana program adalah tertakluk kepada peraturan di bawah pihak berkuasa negeri khususnya pihak berkuasa tempatan. Manakala bagi program berkaitan Islam sewajarnya mendapat pandangan daripada pihak berkuasa agama negeri.

Sebagai langkah untuk membendung dan mencegah berlakunya perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti umat Islam, beberapa inisiatif telah dan sedang diambil. Antaranya seperti berikut:

- (i) memantapkan penyelarasan antara agensi-agensi berkaitan bagi menggunakan peruntukan sedia ada di bawah bidang kuasa masing-masing khususnya dalam meluluskan pelaksanaan program;
- (ii) mengadakan program-program penjelasan dan kempen bagi menjelaskan dan menasihati orang awam untuk tidak menganjurkan program yang menyentuh sensitiviti umat Islam serta menghindari sebarang program yang bercanggah dengan ajaran Islam;
- (iii) memantau kumpulan dan individu yang didapati cenderung untuk menganjurkan program-program sebegini; dan
- (iv) mengambil langkah penguatkuasaan sekiranya perkara tersebut dianggap menghina agama dan melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan dalam satu ucapan rasmi untuk menghuraikan tanggungjawab menjaga agama dalam konteks JAKIM dan JPM itu di bawah prinsip

'*Hifz al-Din*' ditafsirkan sebagai menjaga semua agama dan Yang Berhormat Menteri telah memberikan alasan berdasarkan kepada prinsip Islam '*Rahmatan Lil Alamin*'. Adakah Yang Berhormat sedar kenyataan ini memberikan implikasi yang sangat besar kerana '*Rahmatan Lil Alamin*' itu berpunca daripada ayat... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang merujuk khusus, "*Tidaklah Aku utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk membawa rahmat bagi seluruh alam*" — dalam konteks membawa Islam. Jadi saya ingin bertanya kerana sekiranya Yang Berhormat Menteri berpegang kepada konsep yang sedemikian dan condong ke arah *pluralism*, ini sangat merbahaya. Jadi soalan saya, apakah ucapan Yang Berhormat Menteri itu yang bercanggah dengan semua tafsiran ulama muftakar tentang '*Hifz al-Din*' ini? Apakah pendirian kerajaan dan tidakkah kenyataan itu perlu ditarik balik atau sekurang-kurangnya diberikan penjelasan supaya tidak mengelirukan umat Islam?

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, saya kira kenyataan Yang Berhormat Menteri telah pun diputar belitkan oleh media sebab '*Hifz al-Din*' yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam ucapan beliau jelas menggariskan bahawa kita harus menjaga agama tetapi di masa yang sama, harus berlaku *engagement* dengan agama-agama lain. Ini kerana sebelum ini Yang Berhormat Ketereh, agama Islam itu seolah-olah menyisihkan agama lain.

**Beberapa Ahli:** Tidak adalah.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh, saya belum siap...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Akan tetapi Yang Berhormat, itu bukan '*Hifz al-Din*'.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Saya belum...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Itu bukan '*Hifz al-Din*'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Konsep toleransi agama bukan '*Hifz al-Din*'.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat Ketereh. Jadi yang saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri pada ketika itu ialah memang untuk menjaga agama dan untuk memastikan bahawa orang bukan Islam dan seluruh orang Islam dapat mengamalkan agama Islam. Di masa yang sama, yang bukan Islam dapat rasa bahawa Islam tidak menggugat kedudukan mereka. Dalam pada itu, secara *in-direct* menjaga agama Islam daripada disilap tafsir dan disilap faham oleh

golongan ataupun orang-orang bukan Islam. Itu yang saya faham daripada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam 'Hifz al-Din' itu. Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

[*Dewan tepuk*]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu. Kota Bharu Yang Berhormat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merujuk kepada sebuah Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (ISIM) yang ditubuhkan untuk menunaikan hasrat dan aspirasi umat Islam bagi mewujudkan sebuah institut pemikiran yang bebas khususnya dalam agenda memelihara kedaulatan Raja-Raja Melayu serta kedaulatan Islam sebagai Agama Persekutuan dan pertubuhan atau penubuhan ISIM ini sebagai sebuah badan yang ditubuhkan di bawah perkenan Majlis Raja-Raja serta bebas daripada pengaruh politik kepartian.

#### ■1050

Akan tetapi apa yang telah berlaku kami bahawa IKSIM menjadi satu sarang untuk kepentingan sebuah parti politik menyerang parti pembangkang pada penggal yang lepas dan penyalahgunaan duit yang diberikan kepada institut ini sangat menakutkan dan kita boleh buktikan dengan slaid-slaid ceramah-ceramah mereka di sana sini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pendirian kerajaan terhadap Institut Kajian Strategik Islam Malaysia ini selepas berlakunya perubahan kerajaan pada hari ini. Keduanya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memahami apa yang dimaksudkan oleh menteri itu ialah *hifzuddin* adalah sebahagian daripada kita menjaga *maqasid syariah* dan di dalamnya ada satu lagi istilah *hifzud tadayun*.

*Hifzud din* memelihara agama itu sendiri dan perbahasan di bawah *hifzud din* adalah perbahasan *hifzud tadayun* iaitu memelihara kebebasan seluruh penduduk dunia ini memilih agama mereka dan menjaga kepentingan agama mereka supaya tidak merosakkan, berlaku peperangan, perpecahan dan sebagainya Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Dua soalan itu Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan IKSIM ya. Tuan Yang di-Pertua, IKSIM ini kita sedar dan kita faham berkenaan dengan fungsi penubuhan IKSIM dan sejak kemasukan kami ke dalam jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama, IKSIM tidak pernah menunjukkan wajah mereka,

Saya ingin maklumkan di sini Yang Berhormat Hulu Langat bahawa IKSIM sedang dikaji semula dan kita tahu bahawa ianya ditubuhkan sebagai syarikat swasta. Namun kita sedang kaji dengan *detail* dan malah permohonan mereka untuk jumlah dana pun kita bekukan sekarang ini, kita tidak luluskan sehinggalah kita bersihkan dan nilai semula kedudukan mereka, sama ada kita nak tukar lembaga, kita nak teruskan atau kita nak bubarkan. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat,

Berkenaan dengan soalan kedua itu saya setuju sebab itu saya kata daripada awal tadi bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri memang sengaja diputar belitkan supaya seolah-olah kami dalam Pakatan Harapan tidak melindungi agama Islam. Saya tegaskan di sini bahawa hak orang Islam dan kedaulatan Islam itu kita akan junjung dan kita akan jaga sebaiknya, di masa yang sama hak orang bukan Islam juga kita akan pastikan terbela. *[Tepuk]* Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Satu lagi Yang Berhormat.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk berlaku adil sebab tadi terdapat dua soalan dalam satu. Jadi saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang berlaku ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh bukan isu yang kecil ya. Jangan lari daripada topik asal, topik asal ialah terjemahan kepada istilah *hifdzuddin*. Kalau kita belajar kaedah bahasa Arab, istilah *Addin* ialah hanya merujuk kepada Islam bukan agama lain. Adapun istilah yang cuba diketengahkan Yang Berhormat Hulu Langat soal *hifdzu ad-diyah* oleh agama memang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan, tidak timbul masalah.

Isu kita sekarang ialah mesti penghuraian ia menepati kaedah yang telah disepakati oleh para ulama dan saya setuju dengan Yang Berhormat Ketereh bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan harus membuat pembetulan atau menarik balik. Oleh sebab isunya, implikasi kepada istilah ini sangat besar dalam konteks negara. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalannya Yang Berhormat?. *[Dewan ketawa]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Soalannya ialah perlu penjelasan dan saya mohon supaya kenyataan itu diperbetulkan dan jawapan harus jelas terhadap pembedaan tersebut. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian sebab saya rasa memang portfolio kami ini sentiasa *under attack* dan sentiasa dicari kesilapannya. [*Dewan riu*] Yang Berhormat Kubang Kerian..

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Janganlah jawab macam itu, Yang Berhormat Menteri. Apa ni? Prasangka buruk.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ikut aturan. Apabila seorang Yang Berhormat bangun untuk menjawab, yang lain diamlah.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Kubang Kerian, saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri dan portfolio kami yang menjaga hal ehwal Islam amat terbuka kepada semua bentuk dialog dan semua bentuk *engagement*. Silalah, kita bersedia untuk forum, dialog, *engage* dalam apa saja platform. *Insya-Allah* dipersilakan, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

**3. Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]** minta Menteri Kesihatan menyatakan cara untuk memperbaiki keadaan di mana ramai graduan doktor terpaksa menunggu tempoh yang lama untuk diserap ke dalam perkhidmatan (*housemanship*).

**Menteri Kesihatan [Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** *Bismilahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Bagan Serai 30 Julai, soalan Yang Berhormat Bukit Bintang 31 Julai, soalan Yang Berhormat Paya Besar 1 Ogos, dan Tasik Gelugor 9 Ogos kerana punya tajuk dan tema yang sama, bersangkutan masa menunggu penempatan graduan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini isu-isu bersabit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mendapat perhatian umum dalam media tempatan. Salah satu isu hangat yang diketengahkan adalah isu tempoh menunggu yang lama yang dialami graduan perubatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rata-ratanya tempoh menunggu adalah lapan hingga 10 bulan, ada kadangkala menunggu lebih lama daripada itu 12 bulan atau lebih sebelum mereka mendapat berdaftar dengan Majlis

Perubatan Malaysia (MMC) dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Lalu mereka itu dipanggil Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) atau dengan izin *house officer*.

Ada dua kekangan utama mengapa tempoh menunggu jadi lebih lama mutakhir ini. Pertama, tempat atau slot latihan siswazah yang mampu disediakan KKM adalah terhad. Buat masa kini untuk setiap dua tahun pusingan latihan kerana diubah sejak tahun 2008 dulunya setahun, KKM hanya menyediakan 11,706 slot ataupun perjawatan. Ini pastinya tidak dapat menampung keluaran graduan perubatan yang kadangkala melepasi angka 6,000 setahun.

Kedua, menambah kerumitan lagi apabila 67 peratus Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) ini hanya 67 peratus saja yang berjaya menamatkan latihan dalam tempoh dua tahun. Manakala 33 peratus mengambil masa yang lebih lama daripada dua tahun atas apa jua sebab. Contoh sebab, sebab peribadi, kegagalan *posting* yang mereka perlu ulangi dan sebagainya. Justeru menyebabkan satu hambatan atau *back log* kepada kemasukan baru.

Justeru Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya, KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan ini dengan cara antara lainnyanya satu, perubahan dasar lantikan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Pendekatan ini sedikit sebanyak telah mengatasi kekangan lantikan graduan perubatan ini yang dulunya tertakluk kepada kekosongan perjawatan tetap sebab mereka boleh dilantik secara kontrak. Sehingga 25 Jun 2018, seramai 9,058 graduan perubatan telah dilantik secara kontrak bagi tempoh dua tahun dan kemudiannya diserap lagi dalam dua tahun sebagai pegawai perubatan secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, kekangan kedua adalah tidak semua hospital mampu menjalankan latihan PPS ini. Lalu apabila dapat KKM meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) ini daripada 38 pada tahun 2009 kepada 47 buah pada tahun 2018 dan tambahan bilangan penempatan alternatif daripada lima penempatan kepada sembilan penempatan di klinik-klinik kesihatan dan institusi kesihatan mental, lalu masalah ini dapat kita atasi sedikit sebanyak. Melalui pendekatan ini slot latihan siswazah saya sebutkan tadi di KKM dapat dipertingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 11,706 pada tahun 2018.

#### ■1100

Tuan Yang di-Pertua, kami berusaha untuk antara lainnyanya meningkatkan, pertama bilangan hospital latihan siswazah kerana hospital latihan siswazah ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya enam kepakaran asas seperti perubatan, O&G,

pediatrik, bedah am dan surgeri ortopedik, perubatan kecemasan, anestesia, psikiatri ataupun klinik-klinik kesihatan yang berdekatan yang boleh menyediakan *posting* kesihatan asas ataupun kesihatan primer, *primary care*. Ia juga perlu kepada nisbah, bilangan pegawai perubatan nisbah kepada siswazah mestilah satu kepada empat pegawai perubatan dan begitu juga dengan syarat-syarat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan khidmat kepakaran di hospital sedia ada juga adalah satu cara untuk kami meningkatkan khidmat pakar-pakar di hospital, adalah cara untuk kami meningkatkan kebolehan dan keupayaan hospital untuk menangani kekangan ini. Antara lainnya kita juga mengemukakan satu insentif. Insentif untuk PPS secara kontrak itu menamatkan latihan dalam dua tahun diserap langsung kepada pegawai perubatan andainya mereka punya prestasi yang baik.

Akhirnya untuk juga satu perancangan di mana kita lakukan satu *fast track* kepada PPS yang berprestasi tinggi. Untuk Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Tasek Gelugor saya menyebutkan di sini baki graduan yang perubatan yang berdaftar dengan SPA yang belum ditawarkan latihan siswazah sehingga Disember 2017 adalah seramai 1,333 orang. Graduan ini akan dilantik pada minggu ketiga bulan Ogos 2018, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, penantian itu satu penyeksaan, lalu sementara itu baki graduan yang berdaftar dan berjaya dalam tapisan SPA sehingga 27 Jun 2018 ialah seramai 1,847 orang. Urusan pelantikan mereka akan dilaksanakan secara berfasa setiap dua bulan sekali iaitu bermula Oktober 2018. Mudah-mudahan kita dapat mengatasi kekangan ini dalam masa terdekat dan dengan satu program yang lebih bersifat jangka jauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tanjong Malim untuk mengemukakan soalan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Soalan tambahan saya adalah demi mengatasi keadaan ini, adakah KKM akan membenarkan hospital daerah tanpa pakar dan hospital *military* untuk mengambil PPS ini dan adakah kementerian akan menghadkan *medical school intake* untuk memperbaiki keadaan?

Keduanya, sementara menunggu, adakah KKM mewajibkan bakal-bakal *houseman* ini, PPS untuk menghadiri *continuing medical education* (CME) untuk memastikan daya saing mereka sementara menunggu sebab saya dimaklumkan ramai di antara bakal PPS ini, mereka tidak bekerja ataupun mereka kerja *part time* sahaja.

Apabila mereka mendapat *posting* mungkin banyak pengetahuan yang mereka belajar itu sudah pun lupa. Terima kasih.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Ada beberapa aspek daripada soalan itu tadi. Pertama adalah bekalan siswazah graduan perubatan ini yang sedikit waktu melebihi keupayaan fasiliti hospital dan klinik KKM untuk menampung. Lalu kami bersama dengan Kementerian Pendidikan telah pun membuat persetujuan pelaksanaan *moratorium* dalam negara selama lima tahun sehingga tahun 2021. Dengan kata lain kita pastikan bahawa *supply* ataupun bekalan itu tidak melebihi keupayaan kami untuk menampung.

Keduanya, aspek untuk ataupun soalan untuk mendapatkan sama ada klinik-klinik ataupun hospital-hospital lain itu, tergantung dan tertakluk kepada keupayaan. Ini kerana saya telah terangkan bagaimana keperluan kepada enam kepakaran itu perlu ada dalam satu hospital. Adapun yang kita gunakan klinik kesihatan itu adalah untuk menampung ataupun memberikan *training* dalam apa yang kita katakan sebagai *primary care* yang merupakan satu penekanan visi saya supaya penekanan kepada *primary care*, *family medicine*. Diberikan keutamaan sebagai satu pendekatan kesihatan *preventive promotive* yang sekali gus akan dapat menangani *the heavy burden* dengan izin *the disease cost* dan *the disease burden* dengan izin pada rawatan ataupun *curative care* di peringkat *secondary* dan *tertiary* atau dengan kata lain NCD tentang *noncommunicable diseases* yang bersifat antara lainnya diabetes, hipertensi yang membuatkan kepada strok dan juga kanser.

Memang kita mahukan untuk pendekatan ini diteruskan, termasuklah jikalau kita ada LTAT dan juga yang lain itu, kita akan teruskan perbincangan untuk memanfaatkan fasiliti mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasek Gelugor, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tasek Gelugor dipersilakan.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasek Gelugor? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin mendapatkan sedikit penjelasan berkenaan dengan pendirian kerajaan berkenaan dengan kursus-kursus untuk kedokteran ini dari segi *supply and demand*.

Jadi adakah kerajaan sekarang ini mempunyai satu cadangan untuk membenarkan ataupun menambahkan lagi jumlah pelajar-pelajar yang mengikuti bidang

perubatan ini, sama ada di dalam ataupun di luar negeri ataupun ada perancangan untuk mengimbangi semula atau sebagainya? Terima kasih.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sebagai sebuah negara yang diistilahkan sebagai *upper middle income economy*. Dari sudut pentakrifan WHO seharusnya punya satu nisbah doktor dan *population* ataupun penduduk 1:400 orang penduduk.

Pada hari ini, kita hanya mampu untuk mempersiapkan ataupun membekalkan satu doktor kepada 632 orang penduduk. Lalu persoalan untuk mempertingkatkan, bukan sahaja dari sudut kuantiti doktor, pegawai perubatan tetapi lebih penting juga dari sudut kualiti mereka yang mempunyai kepakaran adalah satu yang sangat penting daripada sisi pandang saya sebagai Menteri Kesihatan. Lalu persoalan ini memang menjadi tumpuan kami untuk mempergiatkan *the continues medical education* dengan izin dan juga untuk *graduate* kan *our MO's to specializes* dalam *area* yang menjadi kepentingan negara, seumpama bukan sahaja aspek-aspek *curatives* seperti *tertiary* dan *secondary* seperti *oncology* tetapi juga *the primary care* ataupun *family medicine practice*, kesihatan keluarga dan seumpamanya. Ini akan kita berikan tumpuan.

Oleh sebab itu saya memandang serius persoalan kegagalan kontraktor mempersiapkan kontrak-kontrak hospital dan fasiliti-fasiliti kesihatan yang lain. Baru-baru ini saya terpaksa ambil tindakan itu terutama kalau mereka menjejaskan pencapaian matlamat untuk menyediakan nisbah katil kepada penduduk yang kita hanya pada paras 1.9 kepada 1,000 penduduk yang sepatutnya kita berada 2.2 sebagai *the middle income, high income, middle income economy* sepatutnya kita berada sama seperti kawan-kawan dan jiran-jiran yang lain.

Kita malu jikalau kita bandingkan, bukan sahaja dengan Singapura, dengan Indonesia, Vietnam dan Thailand pun kita masih ke belakang. Apa pun tindakan yang perlu dibuat untuk memberikan amaran dan isyarat yang tegas kepada kontraktor yang gagal itu adalah satu yang terpaksa saya ambil kerana antara lainnya kontraktor ini mendapat kontrak di atas runding langsung, maaf kata daripada kerajaan yang lama. Terima kasih.

#### ■1110

4. **Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah kadar gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara.

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan ini daripada Yang Berhormat Beaufort bersama-sama dengan enam lagi pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Rembau pada 25 Julai 2018, Yang Berhormat Kapar pada 2 Ogos 2018, Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Baling pada 6 Ogos 2018, Yang Berhormat Gerik pada 7 Ogos 2018 dan Yang Berhormat Sungai Siput pada 15 Ogos 2018 kerana ia berkaitan isu yang sama iaitu gaji minimum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah pun selesai menjalankan kajian semula Perintah Gaji Minimum 2016 dan syor ini akan dibentangkan kepada kerajaan dalam masa terdekat. Sekiranya tiada apa-apa halangan, perintah gaji minimum baru akan diwartakan di dalam masa sebulan, dua lagi. Penetapan gaji minimum baru yang seragam di seluruh negara akan tetap diteruskan dan pendirian ini adalah selaras dengan 10 janji kerajaan dalam 100 hari pertama pentadbiran seperti yang dinyatakan di dalam Manifesto Pakatan Harapan. Ini manifestonya. Dengan bertujuan untuk memastikan rakyat mendapat hak yang sama rata dari aspek gaji tanpa mengira wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, kadar gaji minimum ini akan dikaji sekurang-kurangnya setiap dua tahun dan diharap menjelang akhir satu penggal pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, gaji minimum akan dapat dinaikkan secara berperingkat-peringkat sehingga kadar gaji minimum mencapai RM1,500 seperti yang dihasratkan. Dalam membuat semakan semula perintah gaji minimum ini, pelbagai faktor diambil kira termasuk *indicator-indicator* sosial ekonomi iaitu antaranya perubahan indeks harga penggunaan, kadar pertumbuhan produktiviti, gaji penagak, keupayaan majikan untuk membayar gaji, kadar pengangguran, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya.

Di samping itu, perlu diambil kira dalam menetapkan gaji minimum baru, pandangan semua pihak melalui pendekatan berhemah iaitu *balance approach* dengan kepentingan majikan, pekerja dan kerajaan. Pelaksanaan gaji minimum tidak membezakan kewarganegaraan seseorang pekerja. Pendirian kerajaan dalam menetapkan kadar gaji minimum yang sama rata antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) dasar gaji minima hendaklah tidak mendiskriminasikan seseorang pekerja atas alasan kewarganegaraannya, selaras dengan Konvensyen ILO, Nombor 100 iaitu '*equal*

- remuneration'* yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997;
- (ii) seksyen 60L - Akta Pekerja 1955, seksyen 11(8)(b) - Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 109b - Ordinan Buruh Sarawak, tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing;
  - (iii) bagi menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas sekiranya dari segi dasar pekerja asing dikecualikan dari gaji minimum bakal timbul satu keadaan, di mana majikan bakal cenderung untuk memberi keutamaan penggajian kepada pekerja asing berbanding dengan pekerja tempatan kerana dapat membayar gaji yang lebih rendah. Ini adalah bertentangan dengan salah satu objektif pelaksanaan gaji minimum iaitu untuk mengurangkan penggantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir;
  - (iv) sebarang bentuk diskriminasi seperti membenarkan perbezaan gaji untuk pekerja asing dan rakyat tempatan adalah bertentangan dengan dasar kerajaan dalam aspek pemerdagangan orang dan buruh paksa, *human trafficking*. Sekiranya kerajaan membenarkan situasi ini, ia secara langsung akan menjejaskan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Di samping itu, masyarakat antarabangsa telah mengiktiraf komitmen Malaysia memerangi isu pemerdagangan orang atau buruh paksa; dan
  - (v) Malaysia juga telah meratifikasikan Konvensyen ILO iaitu *Convention No 131: Minimum Wage Fixing Convention 1970 (C131)* pada 7 Jun 2016 yang mana menetapkan Malaysia harus bertanggungjawab untuk memastikan tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi berhubung pelaksanaan dasar gaji minimum di negara ini.

Tidak dinafikan penguatkuasaan perintah gaji minimum baru untuk semua majikan sektor swasta di negara ini akan melibatkan pertambahan kos kepada majikan-majikan swasta dan kerajaan secara tidak langsung, terutamanya untuk kontrak

perolehan kerajaan, khususnya ke atas kerja-kerja yang disumber luarkan, *outsource* seperti perkhidmatan kawalan keselamatan, pencucian atau penyelenggaraan dan sebagainya. Sehubungan itu, kerajaan telah meneliti perkara ini bagi memastikan pelaksanaan dibuat secara berhemah agar selari dengan proses pemulihan kedudukan kewangan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya kerajaan akan memastikan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam membuat keputusan. Pada masa yang sama, dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan hendaklah bergerak selari dengan langkah-langkah pemulihan kedudukan kewangan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini adalah satu dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan sebelum ini yang sebenarnya untuk membela nasib rakyat, khususnya para pekerja dalam negara kita, Malaysia. Difahamkan bahawa kerajaan ini yang sekarang ini berhasrat untuk menaikkan terus gaji minimum ini kepada RM1,500 dan membahagikan cara pembayarannya 50/50 di antara majikan dan juga kerajaan.

Jadi soalan saya, selain daripada kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara, adakah kerajaan sudah mengadakan perbincangan secara khusus dengan para wakil daripada majikan, wakil daripada para pekerja dan lain-lain lagi *stakeholders*, dengan izin? Bagi memastikan bahawa hasrat ini akan menjadi satu kenyataan, dipatuhi, tidak membebankan majikan dan memberikan manfaat kepada para pekerja, khususnya pekerja tempatan kita, warganegara Malaysia, kaum belia dan juga graduan kita.

Keduanya, saya ingin bertanya oleh sebab ini melibatkan perbelanjaan kerajaan. Berapakah anggaran kosnya yang akan dibebankan kepada kerajaan bagi memastikan bayaran ini akan dilaksanakan? Oleh kerana ia bukan sahaja melibatkan pekerja tempatan kita yang harus kita bela tetapi juga seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ia juga akan melibatkan pekerja daripada negara asing. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Nombor satu, perkara ini sedang dan telah dibincangkan dengan semua *stakeholders*, termasuk pekerja, *union*, majikan, NGO dan lain-lain. Saya sendiri secara peribadi telah terlibat dengan perbincangan dengan semua pihak, selain daripada jawatankuasa teknikal. Mengenai *payment* yang akan dilakukan, jika ada pembayaran subsidi oleh kerajaan, ini masih sedang diteliti, belum ada satu keputusan yang muktamad telah dibuat. Akan tetapi sekarang, kita rasa ada kemungkinan RM1 bilion perlu dibayar jika subsidi itu dilakukan.

Akan tetapi yang menjadi *bottom line* adalah kenaikan itu bukan RM1,500 pada jangka masa yang terdekat, itu boleh dibuat secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar, Paya Besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar, silakan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Rembau, *turn* saya pulak. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memfokuskan kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan Yang Berhormat Menteri tentang gaji minimum yang telah pun menjadi satu agenda utama yang mewakili 11.3 juta rakyat pekerja bawahan. Saya merujuk kepada statistik syarikat dan perniagaan pada tahun 2018, sekitar 1,274,723 buah syarikat yang terlibat secara langsung dalam proses untuk mengimplementasikan gaji minimum secara *total*.

#### ■1120

MoF dan JPA telah menolak atas pelantikan 400 *labor inspector* yang mengawal selia atas mengikut Konvensyen ILO— yang selama ini kita dua tahun— yang dikatakan sebagai prosedur Konvensyen ILO yang telah diwartakan. Akan tetapi, kita tujuh tahun pun tidak tentu ulangan daripada siasatan dalaman syarikat yang sama. Jadi, saya ingin menanya Yang Berhormat Menteri apakah langkah kementerian untuk mengawal selia di bawah JTK yang dapat dilaksanakan kerana setakat ini 400 hendak mengawal 1.2 juta syarikat dapat ditangani dalam proses untuk memastikan isu pelaksanaan gaji minimum tanpa ada yang tercicir yang berlaku yang sebelum ini masih tidak diselesaikan sampai ke hari ini. Langkah kementerian yang efisien untuk pasti mereka tidak teraniaya dengan Akta Gaji Minimum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang cantik. Nombor satu, Yang Berhormat, kita sedar bahawa ada kekurangan pegawai di kementerian. Dalam perbincangan ini, satu keputusan telah diambil supaya kita memohon lebih pegawai supaya dapat menyasat jika ada penyelewengan oleh majikan di negara ini.

Saya ingin beritahu berita yang terbaru iaitu dari penyiasatan yang telah dibuat oleh kementerian, sebanyak 179,327 majikan yang telah diperiksa mengenai mengimplementasikan gaji minimum. Dari itu, 99 peratus iaitu 176,726 majikan telah patuh kepada Akta Gaji Minimum. Tidak ada penyelewengan langsung. Akan tetapi, ada satu peratus yang tidak mengikut atau tidak memberi gaji minimum tersebut. Maka tindakan telah diambil dan mereka telah dibawa ke mahkamah dan ramai di antara mereka telah dikenakan hukuman yang setimpal dengan perkara ini.

Kita perlu beritahu bahawa hasrat kerajaan adalah senang sahaja. Bahawa tidak ada kompromi mengenai kes-kes gaji minimum dan kita rasa ini adalah satu di antara proses yang perlu dibuat di mana-mana kerajaan juga bahawa pendirian kita gaji minimum perlu dinaikkan dan setaraf kepada produktiviti dan perkara yang sedemikian. Terima kasih.

**5. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan :-

- (i) langkah terkini kerajaan dalam menangani kebanjiran warga asing berdaftar dan tidak berdaftar; dan
- (ii) sama ada kerajaan sedang mempertimbangkan pelaksanaan sistem kuota, loteri atau kebenaran tempoh keberadaan yang ketat seperti yang dilaksanakan di negara-negara Eropah dan Amerika Utara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, suka untuk ditegaskan di sini bahawa majikan yang ingin menggaji pekerja asing perlu melalui proses permohonan penggajian sedia ada yang merupakan usaha berterusan oleh kerajaan. Permohonan penggajian pekerja asing yang dilaksanakan melalui saluran yang disediakan akan menjamin kelancaran prosedur di pihak majikan dan pekerja asing tersebut.

Dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin termasuk pekerja asing yang tidak didaftarkan, penggajian yang tidak melalui saluran yang ditetapkan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia secara konsisten menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap jumlah PATI tersebut di dalam negara. Sebanyak 34,426 operasi telah dijalankan dari tahun 2016 sehingga bulan Jun 2018. Melalui operasi tersebut, sejumlah 118,176 orang PATI dan 3,293 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen.

Mulai 1 Julai 2018, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkasa inisiatif penguatkuasaan jabatan dengan melancarkan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran atau dikenali sebagai Ops Mega 3.0 yang mana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri telah turun pada 1 Jun 2018 di Petaling Street bagi memburu pihak majikan dan PATI yang degil dan ingkar untuk mematuhi undang-undang dan peraturan di negara ini. Operasi penguatkuasaan ini dijalankan secara berterusan tanpa henti dan pihak majikan serta PATI yang ditangkap dalam operasi akan dikenakan tindakan yang tegas. Mulai 1 Julai 2018 sehingga 18 Julai 2018, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

telah memeriksa seramai 12,391 orang warga asing dan daripada jumlah tersebut, seramai 3,270 orang PATI dan 64 orang majikan ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan imigresen.

Selain daripada itu, sehingga 30 Ogos 2018, mana-mana PATI boleh menyerah diri secara sukarela ke Jabatan Imigresen dan kembali ke negara asal mereka melalui program penghantaran pulang PATI secara sukarela atau dikenali sebagai Program 3+1. Melalui program tersebut, mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran pas khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Peraturan-peraturan Imigresen. Mereka juga akan disenaraihitamkan daripada memasuki negara untuk tempoh lima tahun dan diambil rekod biometrik untuk rujukan Jabatan Imigresen Malaysia. Statistik terkumpul oleh Jabatan Imigresen menunjukkan seramai 523,795 orang PATI telah pun pulang ke negara asal melalui Program 3+1, dengan izin, sejak tahun 2016 sehingga bulan Jun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, dasar semasa kerajaan dalam menangani isu penggajian pekerja ialah dengan memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan. Penggajian pekerja asing di dalam negara diluluskan kepada tujuh sektor sahaja iaitu pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan termasuk subsektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja *resort* pulau peranginan, hotel, *caddy* spa,urut kaki, pembantu taman tema haiwan, kargo dan perlombongan dan kuari yang melibatkan pekerjaan asas serta perkhidmatan domestik.

Kerajaan pada 17 Mac 2011 telah menguatkuasakan tempoh maksimum penggajian pekerja asing kepada 10 tahun sahaja dan selepas daripada tempoh tersebut, pekerja asing akan dihantar pulang ke negara asal.

**Seorang Ahli:** Ringkaskan sedikit, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Kerajaan sedang meneliti polisi pengurusan pekerja asing dan pada masa yang sama mengadakan sesi *engagement* dengan *stakeholders* bagi mengambil kira input-input daripada mereka untuk tujuan penambahbaikan.

Berhubung isu penempatan kuota kepada pekerja asing. Kementerian Tenaga Manusia telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu bagi sektor yang dibenarkan dalam pemberian kuota pengambilan pekerja asing. Contohnya, sektor perladangan kelapa sawit, keluasan tanah lapan hektar untuk satu pekerja, dan getah pula keluasan tanah empat hektar untuk satu pekerja. Manakala untuk sektor perkilangan, bagi syarikat

dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah dua pekerja warganegara bagi satu pekerja asing.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Tahniah di atas usaha yang diberikan dalam menangani pendatang asing tanpa izin. Persoalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang 118,000 pendatang asing dalam tangkapan sejak tahun 2016 dan saya ingin menanyakan kerana isu mengenal pasti pendatang asing tanpa izin bukan isu baru. Persoalan saya menjurus kepada sistem-sistem yang telah diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu. Antaranya, sistem NERS menelan ratusan juta ringgit. Koneksi diberikan 12 tahun terpaksa digantikan dengan sistem MyIMMs bernilai RM10.3 bilion dengan koneksi selama 10 tahun dan ternyata menerusi Laporan Ketua Audit semuanya merupakan pembaziran. Akhirnya diperkenalkan juga sistem baharu SKIN *National Immigration Control System* dengan 15 tahun koneksi dan RM3.5 bilion

■1130

Persoalan saya, adakah kementerian mampu untuk menggarap dan juga menyelaraskan kesemua sistem dengan koneksi dengan nilai berbilion ringgit ini? Hal ini supaya kita ada sistem yang tuntas mengenal pasti menerusi sistem biometrik. Setiap pendatang asing yang dianggarkan oleh Kementerian Sumber Manusia mencecah tiga hingga empat juta orang kesemuanya. Jadi, walaupun saya hargai operasi dan sebagainya, sekiranya kita tidak melihat menerusi koneksi dan sistem terdahulu menyeragamkan, kita akan berhadapan dengan masalah yang sama. Mohon jawapan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebagaimana apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi. Untuk makluman semua, pihak kementerian sedang dalam proses mengkaji semula satu demi satu sistem yang ada di peringkat kementerian, di peringkat yang kita laksanakan pada hari ini, sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi. Sama ada ia perlu diteruskan, diubah ataupun diberhentikan sama sekali. Namun begitu, sebagai

mana Yang Berhormat sedia maklum, terdapat beberapa kekangan termasuklah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri yang mana sekarang ini sedang cuti sakit.

Akan tetapi jangan bimbang Yang Berhormat, pegawai-pegawai di peringkat kementerian secara agresif sedang membuat kajian terhadap keperluan untuk mengkaji semula sistem-sistem ini sama ada ia diteruskan ataupun diberhentikan sama sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua? Sebelah sini.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai. Kuala Krai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai, silakan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah kerajaan sedar tentang kehadiran pendatang asing ini bukan sahaja menjadi pekerja tetapi di sebahagian ataupun di sesetengah tempat, mereka adalah tauke ataupun pemilik di pasar-pasar ataupun di pusat perniagaan yang – kita sebagai rakyat tempatan, bila ke tempat tersebut kita merasakan seolah-olah kita berada di luar dari Malaysia. Jadi, adakah kerajaan dengan keberadaan mereka ini, tidak menjadikan Malaysia dalam keadaan bahaya dari sudut keselamatan dan juga dari sudut ekonomi negara? Apakah tindakan kerajaan untuk menangani isu seperti ini? Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekali lagi saya bersetuju dengan apa yang disebutkan sebentar tadi. Ia memang mempunyai risiko yang cukup tinggi kepada negara kita dengan lambakan pendatang tanpa izin yang ada di negara kita. Sebagai mana yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian sekarang ini terutama sekali Jabatan Imigresen Malaysia secara agresif tengah memburu pekerja-pekerja asing ini. Di samping itu juga, kita memperkenalkan Program *Re-hiring* di mana kita memberikan peluang kepada pekerja-pekerja asing ini untuk tampil ke hadapan mendaftarkan diri mereka...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat? Bukan bekerja, tauke. Sudah menjadi tauke ataupun pemilik kepada...

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Termasuklah tauke ini untuk mereka datang tampil ke hadapan mendaftarkan diri mereka supaya bagi mengelakkan diri mereka ini tidak dikenakan tindakan. Untuk makluman juga, bagi menjawab sebagai tambahan kepada soalan tadi, di peringkat kementerian ini bagi mengelakkan lambakan ini pihak Menteri telah menetapkan bahawa kita akan memberikan peluang kepada mereka sehingga 30 Jun 2018, untuk tampil ke hadapan. Selepas itu, jika mereka gagal

melaksanakan ataupun tampil ke hadapan untuk mendaftarkan diri mereka, kita akan mengenakan tindakan yang tegas terhadap mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelah sini ya. Yang Berhormat Keningau?

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pendatang tanpa izin ini amat serius terutama sekali di Sabah. Saya berterima kasih di atas jawapan Menteri sebentar tadi yang mereka akan menguatkuasakan undang-undang. Pendatang tanpa izin ini akan ditangkap sekiranya tiada dokumen. Jadi, persoalan saya, adakah tindakan yang sama akan dijalankan dikuatkuasakan di Sabah? Ini kerana, baru-baru ini diumumkan bahawa kerajaan negeri akan memberikan pas pekerja kepada pendatang-pendatang tanpa izin. Kenapa pendatang tanpa izin ini akan diberikan pas pekerja sedangkan mereka itu melanggar undang-undang?

Tangkaplah mereka dulu dan hantar mereka pulang. Setelah dapat dokumen balik, baru berikan mereka pas kerja. Jadi, tolong jelaskan. Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Keningau. Sebenarnya apa yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini adalah proses pemutihan. Sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini kita pun sedar dan tahu, di peringkat negeri Sabah, ramai PTI yang berlegar di negeri Sabah tanpa kerajaan tahu bilangan mereka. Kita tidak tahu di mana keberadaan mereka. Kita tidak tahu di mana mereka kerja.

Jadi, sebab itu kita menawarkan kepada PTI sebab kita tahu bahawa terdapat sektor-sektor industri khususnya di peringkat perladangan yang memerlukan pekerja-pekerja asing. Jadi daripada kita mengambil dari luar, lebih baik kita menggunakan apa yang ada di dalam negeri Sabah sekarang ini. Kita mengambil inisiatif untuk mendaftarkan mereka supaya kita tahu di mana kedudukan mereka. Di samping itu juga, dengan apa yang berlaku pada hari ini sebenarnya kerajaan kehilangan pendapatan dari segi levi. Hal ini apabila di mana pekerja-pekerja ini bekerja di negeri Sabah secara haram, kita tidak mengambil levi daripada mereka. Oleh sebab itu, kita menawarkan kepada mereka tampil ke hadapan, daftarkan diri anda supaya kita benarkan mereka bekerja secara *legal* di negara kita.

Akan tetapi perlu diingat, jangan disalah ertikan tentang usaha ini. Kita mendaftarkan mereka sebagai pekerja asing sahaja, bukan bertujuan untuk memberikan mereka kewarganegaraan ataupun kad pengenalan sebagai mana yang selalu disebut-

sebutkan di peringkat negeri Sabah untuk kepentingan politik. Itu jawapan kepada soalan Yang Berhormat Keningau tadi. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk menubuhkan balik Lembaga Padi Negara (LPN) bagi menggantikan BERNAS yang didapati tidak menguntungkan petani.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Haji Salahuddin bin Ayub]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Padang Serai, yang bertarikh 30 Julai 2017, Yang Berhormat Alor Setar pada 2 Ogos 2017, Yang Berhormat Bagan Serai pada 8 Ogos 2017 dan Yang Berhormat Bagan Datuk pada 15 Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab isu BERNAS ini bersangkutan dengan apa yang disebut, *in terms of security* dengan izin, maka kerajaan perlu untuk mengambil tanggungjawab memastikan isu *security* makanan ini diperhitungkan dengan tanggungjawab yang besar. Maka, oleh itu, saya yang mewakili kementerian ini telah mengambil kira dengan keputusan kabinet untuk menamatkan monopoli BERNAS dengan mengambil kira dua prinsip yang paling asas.

Pertama, tentang *security* makanan yang mesti terjamin. *Stockpile*, sama ada dalam kerajaan yang kita kenali sebagai *iron stockpile* dan juga stok yang disimpan oleh BERNAS dan juga stok yang berada di pasaran termasuklah pemborong-pemborong. Kedua, adalah bagaimana kita harus mengambil kira tentang *stakeholders* yang mesti diperhitungkan dengan cermat. Pertama, adalah pesawah-pesawah yang kita pastikan kebajikan mereka tidak akan terabai. Kedua, adalah tentang pemain industri, pengilang, pemborong dan peruncit -- dalam rantaian ini kita mesti pastikan mereka juga tidak akan terjejas. Ketiga, kepentingan kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian ini, MOA. Keempat, sudah pasti rakyat yang akan dapat membeli dan menikmati harga beras dengan kadar harga yang berpatutan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, apa pun model yang akan dikemukakan oleh pihak kerajaan akan mengambil kira semua pihak. Satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kabinet, jawatankuasa peringkat menteri bagi kajian semula dasar monopoli perkhidmatan dan bekalan ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang telah bermesyuarat pada 17 Julai yang lalu.

Kita akan mengambil tanggungjawab dengan memanggil semua pihak, semua kepentingan daripada pengilang, daripada pemain sampailah kepada NGO dan petani-

petani itu sendiri untuk memberikan pandangan-pandangan mereka sebelum kerajaan mengambil satu keputusan mengeluarkan satu model untuk menggantikan BERNAS. Terima kasih.

■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Ya, Setiu.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan yakin dengan penghapusan monopoli BERNAS ini, pengguna akan dapat beras dengan harga yang murah? Ini kerana kita bimbang, takut berulang sebagaimana janji kerajaan — kalau sudah sekiranya dihapuskan GST, rakyat akan membeli barang dengan harga yang murah. Akan tetapi hari ini, dengan penghapusan GST, harga masih pada kadar yang sama dan ada yang harga semakin meningkat, yang turunnya tomato sahaja.

Jadi saya nampak, kalau sekiranya kerajaan yakin dengan penghapusan BERNAS ini dapat mengurangkan harga beras, dapat menurunkan harga beras, saya rasa, harga beras ini berkaitan rapat dengan harga minyak. Itu sebab bila dihapuskan GST, barang tidak turun disebabkan harga minyak pada kadar yang tinggi. RM2.20 ini satu kadar yang tinggi sebab semua urusan urus niaga ini melibatkan minyak.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan yakin dengan penghapusan monopoli BERNAS ini dapat menurunkan harga beras dalam keadaan harga minyak masih pada kadar yang sama?

**Tuan Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, tentang GST itu, ada Menteri yang lain yang akan menjawab dalam forum yang berlainan. Saya hargai keprihatinan Yang Berhormat Setiu tentang adakah rakyat akan menikmati harga yang lebih murah ataupun kita boleh menurunkan harga.

Saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, komponen ini ada empat. Kami bukan sahaja menjaga rakyat, kita juga menjaga pesawah, kita menjaga rantaian-rantaian seperti pemborong, pembekal dan juga kerajaan. Kita tidak boleh kompromi tentang sekuriti makanan. Negara kita tidak boleh bertolak ansur tentang hanya beri pada satu syarikat, satu individu untuk menjaga *stockpile* kita. Ini tidak boleh. Biar kita lebarkan, buka dua atau tiga nanti supaya *security* ini boleh dikongsi bersama. Apabila kita membuka ini menjadi lebih luas, maka akan berlakulah dengan izin, *fair competition*. Maka kita akan mendapati industri padi dan beras negara ini akan menjadi lebih kompetitif. Ini bagus.

Contohnya, kalau dulu kita melihat industri telekomunikasi, dulu Telekom sahaja. Sekarang ada Digi, ada Celcom, ada Maxis. Kerajaan dijaga kepentingan melalui Suruhanjaya Komunikasi. Hak rakyat semua *stakeholders* itu akan terjaga. Oleh itu, kita menjaga semua pihak dan jangan bimbang Yang Berhormat, oleh kerana kajian ini penting dan teliti, kami memberikan jaminan bahawa semua aspek itu akan diambil semua sebagai satu perkiraan dan semua pihak akan mendapat kepentingan. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mohon Menteri jelaskan apakah langkah-langkah segera kerajaan yang baru untuk mengatasi kerugian yang ditanggung petani disebabkan kadar pemotongan penjualan padi yang tinggi dan kos-kos input pertanian dalam kos persawahan yang semakin meningkat? Sekian.

**Tuan Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kena mengena dengan isu asal BERNAS. Akan tetapi untuk menjawab persoalan itu, saya akan memastikan bahawa dalam era dan pendekatan baharu kementerian ini, isu-isu berkaitan dengan petani ini akan diselesaikan oleh satu pendekatan yang lebih holistik.

Ini kerana ia bukan satu punca yang menyebabkan apa masalah yang disebut tadi tetapi ia memerlukan kepada suatu pendekatan dan suatu strategi jangka pendek dan jangka panjang supaya isu tentang harga padi ini akan dapat kita atasi pada akan datang.

Tidak sempat untuk saya jawab dalam masa dua, tiga minit ini tetapi oleh kerana isu itu ialah isu yang *a long-standing issue*, dengan izin ia memerlukan satu pendekatan yang lebih komprehensif. Terima kasih.

**7. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan. Apakah dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains akan diperkenalkan semula.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan di sini. Pertamanya mengenai apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan dan keduanya, berkaitan dengan apakah dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains PPSMI akan diperkenalkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dan Pelan Tindakan

Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di universiti awam 2016-2020 ataupun dikenali sebagai MBMMBI yang bertujuan untuk memartabatkan pendidikan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan.

Antara inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan untuk tujuan tersebut ialah yang pertama menyediakan kerangka standard bahasa Melayu. Kedua, membangunkan kerangka holistik pembangunan profesionalisme guru-guru bahasa Melayu. Ketiga, menaik taraf Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGK) untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bahasa Melayu di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Di samping itu juga, KPM akan melancarkan Dekad Bahasa Kebangsaan yang akan melakar pelan komprehensif untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama di tanah air di kalangan penutur bahasa Melayu di rantau ASEAN dan juga agar menjadi bahasa popular di persada dunia.

Bagi tujuan tersebut, peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam pengembangan bahasa kebangsaan akan diperkasakan. Selaras dengan itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui DBP dan semua agensi dan institusi di bawah kementerian akan melancarkan Kempen Membaca Kebangsaan yang seterusnya akan membawa kepada Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 dengan memberikan penumpuan kepada peningkatan penghasilan karya-karya ilmiah bahasa kebangsaan.

Untuk soalan kedua pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan Dasar Pemartabatan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan kohort murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan sebentar tadi.

Sebenarnya, soalan ini saya tanyakan kerana setiap kali isu bahasa timbul dalam perbincangan umum, kita sering mengulang jawapan-jawapan yang sangat umum. Kita akan cakap tentang hendak memperkukuhkan Bahasa Melayu dan sambil itu kita juga akan bercakap betapa pentingnya untuk menguasai bahasa Inggeris. Akan tetapi, kebanyakan penyelesaian yang saya lihat hanyalah bersifat orang kata menyelesaikan *presenting problem*, dengan izin dan bukanlah menyelesaikan *root of the problem* ataupun masalah sebenar.

Ini kerana – kalau kita tengok dalam realiti pada hari ini berbeza dengan dulu. Penerbitan-penerbitan karya ilmiah dalam bahasa Melayu memang sangat — orang kata semakin berkurangan. Jadi dalam suka ataupun tidak suka dengan perkembangan ilmu dan teknologi, ramai orang terpaksa memilih untuk merujuk kepada bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Inilah yang berlaku apabila PPSMI dulu dalam kajian salah satu rujukan saya dalam satu jurnal di UKM bahawa pelajar-pelajar aliran sains lebih menggemari subjek perubatan diajar dalam bahasa Inggeris. Manakala mereka boleh menerima sekiranya subjek seperti Pendidikan Agama Islam diajar dalam bahasa Melayu.

Saya juga pernah berbincang dengan pensyarah di beberapa universiti. Menurut mereka tidak ada insentif dari segi aspek kenaikan pangkat ataupun gaji untuk mereka menulis karya ilmiah. Jadi mungkin Menteri boleh menjelaskan agenda-agenda yang mungkin dirancang untuk memperkukuhkan aspek ataupun penyediaan bahan-bahan rujukan dalam bahasa Melayu di samping tentang tadilah aspek bahasa Inggeris yang kini sudah jadi bahan rujukan utama dalam aspek sains dan teknologi. Terima kasih.

#### ■1150

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengukuhan bahasa Inggeris, saya kira telah dijawab pada jawapan semalam secara lisan. Saya ingin menumpukan kepada pemartabatan bahasa Melayu dengan menghasilkan banyak lagi karya-karya ilmiah di dalam bahasa Melayu.

Pertamanya, usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dan juga menghasilkan banyak lagi karya-karya ilmiah adalah melalui agensi utama di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ITBM (Institut Terjemahan & Buku Malaysia) yang mana langkah utama dilakukan ialah dengan penstrukturan semula DBP itu sendiri dan kita telah memilih seorang pengerusi yang merupakan seorang *psychiatrist* tetapi telah menghasilkan buku-buku, karya-karya ilmiah dengan DBP sendiri secara banyak dalam bahasa kebangsaan. Di samping itu, usaha berterusan untuk menghasilkan karya-karya rujukan pelbagai disiplin dan penterjemahan bahan-bahan rujukan dan karya-karya utama adalah sebahagian daripada Kempen Membaca Kebangsaan yang kita hidupkan semula yang akan membawa seterusnya kepada Dekad Membaca Kebangsaan.

Keduanya, IPGK Bahasa Melayu yang telah saya sebutkan di dalam jawapan tadi, secara aktif sehingga kini menghasilkan banyak buku rujukan di dalam merentas disiplin, di dalam pelbagai disiplin untuk kegunaan guru-guru. Di samping itu, *in-service training* yang berterusan akan sentiasa dilakukan dengan izin, iaitu latihan dalam

perkhidmatan untuk guru-guru Bahasa Melayu terutamanya yang bukan opsyen sentiasa dilakukan demi memastikan kualiti pedagogi dan kualiti penguasaan bahasa Melayu di tahap yang tinggi. Ini akan dilakukan secara berterusan.

Di samping itu sebelum saya terlupa, berkaitan DBP, penstrukturan semula DBP menyasarkan dalam tempoh 10 tahun agar DBP akan berada setaraf dengan *British Council* bagi Kerajaan United Kingdom dan juga Goethe-Institut bagi Kerajaan Jerman. Kementerian Pendidikan Malaysia juga selaras dengan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, menggalakkan sekolah-sekolah untuk mengadakan Hari Bahasa Kebangsaan pada setiap minggu dan juga mengadakan Sudut Pidato agar murid-murid meningkatkan kualiti *public speaking* dengan izin, ataupun pengucapan awam di dalam bahasa kebangsaan dan juga dalam bahasa Inggeris.

Di peringkat IPT pula, Kementerian Pendidikan akan memastikan para sarjanawan akan terus aktif menghasilkan karya-karya ilmiah mereka di dalam bahasa Inggeris dan juga diterjemahkan ke bahasa kebangsaan. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Puteh, silakan.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang baik dan saya berkongsi dalam Dewan yang mulia ini untuk memartabatkan lagi sistem pendidikan negara terutamanya dalam bidang yang membabitkan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri berkenaan dengan agenda-agenda yang jelas dan terang yang dibuat oleh kerajaan yang baharu sebab agenda yang disebut oleh Menteri tadi adalah agenda yang lama yang telah dirangka oleh kerajaan yang lepas. Jadi untuk jaminan bahasa Melayu ini diberi kedudukan yang baik dan dijadikan satu bahasa yang ada autoriti dalam bidang ilmiah dan kajian, maka saya harap Yang Berhormat Menteri dapat sebut satu rangka yang telah dilaksanakan di bawah kerajaan yang baharu yang berbeza dengan kerajaan yang lama. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat, benda yang baik yang telah dilakukan, kita akan teruskan. Begitu juga usaha penambahbaikan, itulah antara perkara-perkara yang baharu. Akan tetapi saya tidak

jangkakan bahawa Hari Bahasa Kebangsaan dan juga Sudut Pidato telah dilakukan secara serius oleh pemerintahan yang lama. Begitu juga dengan usaha pemartabatan DBP agar menjadi setaraf dengan Goethe-Institut dan juga *British Council* di luar negara yang mana antara perencanaan Kementerian Pendidikan ialah untuk mempertingkatkan fungsi *education Malaysia* selaras dengan *British Council* dan juga Goethe-Institut dengan membawa DBP untuk berperanan di luar negara demi menyebarkan bahasa kebangsaan itu sendiri.

Di samping di peringkat sekolah seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, penghasilan karya-karya— Minta maaf.

Di peringkat universiti pula, penghasilan karya-karya bahasa Melayu amat kurang dipertingkatkan sebelum ini dan akan dipastikan usaha menghasilkan banyak lagi karya dan juga penterjemahan karya-karya oleh sarjanawan kita di IPTA akan berterusan dan akan diperhebatkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan satu lagi soalan tambahan.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat Jerai sudah jawab tadi?

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasek Gelugor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tidak, ini soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah beri peluang tadi.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat...

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Ini yang tadi.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kubang Kerian, silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang bertindak untuk meningkatkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka, satu pencapaian yang saya fikir perlu pada tahap ini untuk kita memperkasakan pendidikan Bahasa Melayu. Cuma saya ingin dapat penjelasan berhubung dengan mekanisme kawalan terhadap penggunaan bahasa Melayu di kolej-kolej swasta dan universiti swasta yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu juga dapat dipertingkatkan di kolej-kolej dan universiti-universiti swasta. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk memartabatkan bahasa Melayu di universiti-universiti swasta, kita akan cuba memperkenalkan kepada universiti-universiti swasta pembelajaran ataupun pelajaran Bahasa Melayu di universiti-universiti dan kolej-kolej swasta. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaary [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu, selesailah sesi soal jawab lisan untuk sesi ini ya, sebab sudah pukul 12.00 tengah hari, hampir.

*[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

**[18 Julai 2018]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk menyambung berucap. Yang Berhormat mempunyai 52 minit saja lagi.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** 52 minit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** 52 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Elok saya, sebab semalam Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak gangguan. Saya fikir elok kita tamatkan pukul 1.00 petang sebagaimana peraturan Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pohon kerjasama semua ya, kita kurangkan gangguan ya, kalau tidak boleh dihapuskan sama sekali. Silakan Yang Berhormat.

**11.57 pg.**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung apa yang telah saya lontarkan semalam. Namun kita harus melihat kepada aspek hutang negara. Keberhutangan ini bergantung kepada apa yang disebut dengan izin, *domestic borrowing*. Ertinya 97 peratus hutang negara kita adalah berdasarkan kepada pinjaman yang dibuat dari institusi kewangan di dalam negara. Cuma ada satu peratus sahaja hutang luar negara yang dibuat dalam mata wang Yen dan dua peratus hutang dibuat dalam mata wang US Dolar. Dalam keadaan ini jika ada hajat untuk menukar *domestic borrowing* ini dengan menggunakan mata wang Yen, ertinya kita membuka satu ruang yang luas biarpun kadar pinjaman ataupun *interest rate* mengikut KLIBOR berada di bawah paras BLR di negara kita atau dengan izin, *Base Lending Rate*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ucapkan selamat datang kepada Timbalan Yang di-Pertua yang baharu. Satu negeri dengan saya.

*[Dewan tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Jadi kalau pinjaman mahu ditukar dari mata wang tempatan kepada mata wang asing khususnya Yen, kita lihat dengan izin, ada *fluctuation*, ada unsur *inflation* yang akan berlaku dan ini cara jangka panjang *effective cost* adalah lebih.

■1200

Oleh yang demikian saya fikir jika ini berlaku, ianya akan mengundang kepada keterbukaan terhadap risiko yang akan kita alami dalam jangka panjang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Bagan Datuk, Pontian?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Sikit lagi, sikit lagi. Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kepala Batas walaupun tidak membantu saya. So dalam keadaan itu kita lihat cara *comparative* cara perbandingan pada tahun

1986. Hutang Kerajaan Malaysia pada waktu itu berada di tahap 103 peratus daripada KDNK. Apabila ianya ditambah baik dengan hanya 50 peratus sahaja hutang negara daripada KDNK, kerajaan yang terdahulu dilemparkan tuduhan bahawa kerajaan telah muflis, kerajaan telah bankrap, rakyat terpaksa menanggung.

Tahun 1986, kita lihat ianya tidak bankrap pun. Kita lihat juga Jepun mempunyai kadar keberhutangan sebanyak 250 peratus dari KDNK negara itu tidak bankrap. Kita lihat juga bahawa di dalam situasi yang berada sekarang ini apabila hutang negara bersandarkan kepada mata wang asing, maka kita akan mengundang keparahan yang amat hebat.

Kita lihat juga bahawa hutang yang dilakukan dulu berdasarkan kepada Bon Security Malaysia atau Malaysian Government Securities (MGS). Biarpun kadarnya berada di sekitar 3.5 peratus sehingga 4 peratus tetapi ianya datang daripada bon yang diterbitkan dan melalui institusi-institusi kewangan yang ada seperti KWSP, KWAP dan sebagainya. Ini memberikan keberuntungan kepada institusi kewangan yang di bawah naungan kerajaan. Sila Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Ya, terima kasih Ketua Pembangkang dan terima kasih kepada sepatutnya Tuan Yang di-Pertua bila mana Yang Berhormat Bagan Datuk menceritakan berkaitan keberhutangan negara dan ini sememangnya yang dititahkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku untuk kita membuat pendedahan angka-angka yang sebenar bagi tatapan rakyat secara *transparent*. Walaupun dibentangkan RM1 trilion kita boleh berbeza dan berbahas tentang kaedah formula sebagaimana piawai antarabangsa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau semalam. Akan tetapi kita juga tidak boleh menyembunyikan fakta-fakta yang lain yang akan memberi pandangan dan perlambangan tentang kedudukan kewangan negara yang jauh lebih tepat.

Sebanyak mana yang kita sebut hutang dan liabiliti kita juga kena sebut aset, *the net worth asset*. Saya hendak maklumkan bahawa pada Dewan yang mulia bahawa hakikatnya dalam tempoh 8 tahun pemerintahan kerajaan yang lalu telah menyaksikan lonjakan yang amat tinggi. *Net worth* Tuan Yang di-Pertua, contohnya Bank Negara Malaysia RM31.8 bilion pada tahun 2008 lonjak sehingga RM136 bilion iaitu kenaikan hampir 400 peratus. Petronas *net worth* RM247 bilion pada tahun 2008 naik kepada tahun 2017 RM432 bilion kenaikan hampir 100 peratus. Khazanah RM33 bilion melonjak sehingga RM115 bilion, kenaikan 300 peratus.

Demikian juga simpanan, Tabung Haji daripada RM20 ke RM70 bilion, kenaikan 250 peratus. Ini menunjukkan bahawa hakikat kedudukan kewangan yang amat kental.

Tetapi malang dan menggusarkan saya adalah tentang pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan terutamanya dalam usaha untuk memansuhkan perkara-perkara yang dianggap sebagai *social safety net* atas kononnya kekangan akibat keberhutangan. Contohnya, BR1M yang diterima oleh hampir 5 juta. Kemudian bantuan saraan nelayan, apakah Yang Berhormat Bagan Datuk bersetuju pendekatan ini barangkali selain daripada kebenaran yang saya cerita tadi sesungguhnya adalah suatu benda yang tak wajar dan tentu sekali akan memberi kehidupan rakyat yang lebih derita.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Datuk, Pontian sikit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Yang pasti Tuan Yang di-Pertua, sudah Datuk kah, belum? Sudah ya. Sekejap lagi sebab jadi kerajaan, ada la dapat Datuk tu. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kepala Batas dan saya ingin menyambung apa dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau semalam. Kita lihat bahawa hutang yang disebut trilion, RM1 trilion itu apabila agensi penerapan antarabangsa menyebut bahawa hutang itu bukan RM1 trilion. Mana mungkin hutang GLC dan hutang swasta biarpun dijamin oleh kerajaan termasuk atau dimasukkan di dalam jumlah hutang kerajaan. Jadi ini tidak mengikut piawaian yang digunakan mengikut perkiraan antarabangsa.

Kita lihat di Singapura, China, Taiwan dan banyak negara-negara yang lain hutang syarikat berkaitan dengan kerajaan dan hutang syarikat untuk pembinaan produk infrastruktur yang jamin kerajaan tidak pernah dimasukkan ke dalam statistik hutang negara. Hutang GLC dan firma yang boleh jaminan oleh pihak kerajaan tidak pernah disembunyikan. Malah ianya dimuat turunkan di dalam laman sesawang kita. Termasuklah semua statistik atau perangkaan Bank Negara atau Kementerian Kewangan dan semua orang boleh akses kepadanya. Kita lihat contoh, umpamanya kalau mahu menuduh bahawa negara kita bankrap. Kita lihat contoh Singapura, hutang sektor korporat adalah tertinggi di Asia.

Hutang mereka ialah RM257 peratus berbanding dengan KDNK ataupun GDP mereka. Itu tahun 2015 dan kita lihat bahawa di Singapura dengan izin ekonomi mereka is GLC *driven economy*. Sekiranya hutang GLC yang dimaksudkan sebagai hutang pastinya hutang republik itu akan meningkat kepada 110 peratus berbanding dengan KDNK. Kita lihat jika ini berlaku maka tuduhan mereka yang bersepakat dengan kesepakatan, lemparan kebencian dan fitnah menyebabkan kepercayaan itu dilakukan.

[Tepuk]

Dalam keadaan itulah saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepala Batas dalam hal ini dan sila masukkan pandangan beliau itu di dalam ucapan saya. Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Tiap-tiap tahun ketika Menteri Kewangan yang lepas membentangkan bajet, telah disebut bahawa peratusan yang tertentu daripada bajet tahunan itu diguna untuk membayar hutang. Contohnya tahun 2016, 10 peratus untuk bayaran khidmat hutang, 11.1 peratus tahun 2017, 11 peratus tahun 2018. Hutang ini sebenarnya terkawal mengikut Bank Dunia menyebut bahawa hutang Kerajaan Malaysia ini terkawal kerana 97 peratus daripada hutang itu bersumberkan daripada dana tempatan. Saya kira apa yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini sebenarnya hanya untuk mencari alasan.

Mereka mencari alasan untuk tidak melakukan banyak perkara kerana mereka hilang hasil yang banyak apabila mereka menghapuskan GST. Itu sebenarnya dan menuduh hutang kerajaan yang sebenarnya terkawal dan hutang kerajaan yang diakui oleh Bank Dunia tidak membebankan kerajaan yang ada. Saya ingin tanya pada Yang Berhormat Bagan Datuk, mana ada dalam dunia ini negara, ialah Korea Selatan pernah, yang minta derma untuk membayar hutang. Kerajaan yang berhutang, kerajaan yang bayar. Apa hal pula rakyat kena bayar.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kadang-kadang untuk menjadi kerajaan yang populis, maka dana diminta daripada rakyat, rakyat terbeban dengan pelbagai cukai. Selepas itu minta pula derma daripada rakyat. Ini merupakan langkah populis. Saya fikir rakyat tolaklah perkara itu. Saya persilakan Yang Berhormat Ketereh.

#### ■1210

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Tuan Yang di-Pertua, nampak *handsome* pakai songkok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Jarang saya nampak Tuan Yang di-Pertua pakai songkok, nampak *handsome*. *Alhamdulillah*. Cuma hari ini ada Timbalan Menteri pakai songkok terbalik Tuan Yang di-Pertua, logo dia ke belakang.

Saya hendak bertanya kepada Ketua Pembangkang, kalau sekiranya benar dakwaan yang cuba dimomokkan menyatakan negara Malaysia adalah *a failed state*,

negara Malaysia diambang kebangkrapan, setuju tidak Yang Berhormat kalau saya katakan kalau itu terjadi, negara kita akan mencipta satu rekod dunia di mana negara bankrap dalam keadaan *Fitch Ratings* nya *A- stable*. Oleh sebab *Fitch Ratings*, apabila dilakukan, dia telah mengambil kira segala aspek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bila saya nyatakan pada tahun 80-an di awal pentadbiran Yang Berhormat Langkawi, kadar pinjaman seperti mana Yang Berhormat sebut mencecah 103 peratus daripada KDNK, dalam tempoh 10 tahun yang pertama itu rizab negara pada ketika itu berada pada kadar kira-kira RM93 bilion dan pada tempoh itu juga negara kehilangan secara benar akibat daripada *forex trading*, mencecah lebih daripada RM30 bilion.

Ertinya dalam keadaan hutang negara 103 peratus pada KDNK, dalam keadaan rizab yang tidak sebesar sekarang iaitu tidak sampai RM100 bilion dan negara hilang *real money* bukan *paper lost*, *real money* melebihi RM30 bilion pun waktu itu negara belum bankrap. Berbanding dengan keadaan yang terbaharu terkini di bawah pentadbiran Barisan Nasional, rizab negara melebihi RM400 bilion, kadar pinjaman *against* KDNK berada pada tahap kira-kira hanya 50 peratus kepada KDNK dan penarafan antarabangsa *Fitch Ratings* berada pada A-. Adakah Yang Berhormat bersetuju menyatakan Malaysia sedang mencipta rekod baharu kalau teori kerajaan sekarang ini betul?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Teori itu, Yang Berhormat Ketereh, luar daripada teori Adam Smith iaitu bapa kepada ekonomi moden.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dan tentunya apa yang sedang berlaku sekarang ini adalah satu hipotesis kajian baharu, teori pelik ekonomi berdasarkan hipotesis apa yang berlaku sekarang ini.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Datuk

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kita lihat bahawa apa yang sedang dihadapi sekarang bila berlaku kemerosotan bukan hanya pertukaran mata wang, kemerosotan dari segi *composite index*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, ada pencilahan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dan kemerosotan yang lain seperti semalam Yang Berhormat Ketereh menyebut bukan hanya tomato yang turun, banyak lagi yang turun termasuk barang-barang yang tua juga tidak pernah

naik apabila turun. Jadi dalam keadaan yang begitu, kita lihat bahawa apabila kerajaan yang terdahulu dituduh bankrap, maka apabila 9 Mei ketika tragedi ngeri berlaku, tentu pasaran kewangan, tentunya aliran wang keluar, tentunya pelaburan keluar. Selepas itu, dikatakan ekonomi Malaysia kukuh, *fundamentally strong*. Boleh *overnight*.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua ini seorang peguam tetapi faham ekonomi. Jadi dalam keadaan yang demikian, jangan menggambarkan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat, Pendang. Minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Yang terdahulu itu tidak baik dan yang sekarang baik.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ketua Pembangkang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Bila harga turun, bila komoditi turun...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Bila kadar lain turun, maka sekarang baik, dahulu tidak baik dalam tempoh kurang daripada seminggu. Ini dasar *flip-flop* ini. Sebab kebencian ditanam, *the center of gravity*— ini orang dia. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Pekan]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir apa yang harus dilakukan adalah kalau ada kelemahan dulu, *improvise* dengan izin, lakukan pembaikan. Tetapi kita tidak nampak sebarang pembaikan sebagaimana yang disebut.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dalam keadaan itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya izinkan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk beri laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ucap tahniah kerana Tuan Yang di-Pertua dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Sahabat saya daripada negeri Perak ini. Peristiwa dahulu kita lupakan lah ya. *[Ketawa]* Kita buka buku baharu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Baca perkara 24, terus masuk tajuk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Datuk, setuju kah kalau saya katakan bahawa kerajaan kita dahulu membuat pinjaman bukan tujuan untuk berjoli tetapi kita buat pinjaman untuk pembangunan negara? Projek-projek yang dibuat semua untuk pembangunan kesejahteraan rakyat. Bagaimana membangunkan sebuah negara dan juga membangunkan ekonomi rakyat kalau tidak ada projek-projek yang hendak dilaksanakan— dan kita hendak pergi sesebuah negara maju, kita mesti mewujudkan kekayaan baharu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kapal *Equanimity* pembangunan kah? Intan, cincin permata? *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, kapal layar pembangunan kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, jika hendak celah, kena minta laluan dari daripada pembahas. *[Dewan riuh]* Saya akan berlaku adil kepada dua-dua pihak. Sekarang adalah masa Ketua Pembangkang berucap. Dia berikan laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak tetapi Yang Berhormat Pasir Salak jangan jadikan pertanyaan untuk helah berbahas. Masa dia tinggal 33 minit sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih atas teguran Tuan Yang di-Pertua. Jadi pinjaman yang dibuat adalah untuk membangunkan sebuah negara Malaysia menjadi negara maju. Tidak akan menjadi negara maju kalau tidak ada kekayaan baharu. Kita hendak membina sebagaimana yang dirancang oleh mantan Perdana Menteri dahulu. Yalah, kita hendak mewujudkan kekayaan. Berapa? RM1 trilion, RM3 trilion. Baharulah pendapatan rakyat dapat ditingkatkan. Kalau kita potong projek itu, projek ini, macam mana kita mengangkat pendapatan rakyat? Tolong beritahu— dan pastinya pinjaman yang dibuat itu telah diambil kira risikonya, *risk calculator*. Orang kata *no ventured no gained*.

Sekarang ini PH sebuah kerajaan yang takut hendak melaksanakan projek itu dan projek ini. Jadi saya rasa apa yang telah dilakukan oleh PH sebelum ini ialah untuk mencari populariti supaya mendapat sokongan daripada rakyat. Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk. Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, pencelahan

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak, kebetulan...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Kedah minta pencelahan, adakah Yang Berhormat sudi beri?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Ini jiran saya, sama jiran dengan Tuan Yang di-Pertua.

Kita lihat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak adalah sesuatu yang sedang berada di hadapan kita sekarang ini. Umpamanya apabila sahabat saya sebagai Menteri Ekonomi menyebutkan bahawa tentang kos HSR yang tendernya akan ditutup pada Disember tetapi ada perkiraan yang telah disebutkan dengan jumlah RM110 bilion sedangkan kosnya kurang daripada itu, saya khuatir apabila tender dibuka dan harganya kurang, *"Oh! Kita telah menjimatkan kos"*. Sebenarnya kos...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Yang Berhormat Pasir Salak, biar saya habiskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada orang hendak masuk itu, hendak minta projek.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Sebenarnya kos—begitulah juga semalam, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak memberikan peluang Yang Berhormat Pekan untuk menanyakan soalan mengenai HSR ini, selepas itu soalan saya dijawab, selepas dijawab pembangkang— kerajaan, *sorry*. Memang hendak jadi pembangkang selepas ini. So, dalam keadaan begitu, saya beri peluang tetapi penyindiran dilakukan. *"Yang paling layak menjadi Ketua Pembangkang ialah Yang Berhormat Pekan, bukan Yang Berhormat Bagan Datuk."* Bukan apa yang berlaku di dalam parti beliau, hendak bertanding Presiden takut. Saya rasa elok bertandinglah, walaupun hati kami di sini bersama dengan orang yang begitu. [Dewan riuh] [Ketawa]

## ■1220

Dalam hal itu, saya mahu melihat bahawa sama ada HSR atau ECRL atau LRT. Ini merupakan infrastruktur rakyat yang terbaik tetapi apabila diambil alih, kononnya dulu *excessive cost*.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kosnya terlalu tinggi. Kemudian kononnya dihentikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, ada pencelahan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir jangan populislah. Kalau setakat mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak beri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kalau setakat mahu perbaikan, lakukan perbaikan. Kami terbuka. Dalam keadaan itu, saya fikir kita harus berlapang dada dan kami semua berlapang dada.

Dalam keadaan itulah kita lihat umpamanya apabila GST ditukar kepada SST. Dulu GST kita lakukan, biarpun dimomokkan sebagai suatu bebanan baru kepada rakyat. Tunggu apa yang akan berlaku kepada 1 September. Apabila GST dijadikan, dengan izin, *zero rated*, apa barang yang turun? Apa kos yang tidak naik? Saya tidak mahu sebut lagi perkataan itulah tetapi saya fikir ini adalah satu gimik. Saya mahu lihat, saya mencabar kerajaan yang ada sekarang ini jika ada disebutkan oleh dua orang Yang Berhormat Menteri baharu yang geli-geli duduk di tempat baharu ini. Bahawa kononnya barang turun daripada *0.3 percent to 70 percent*, buktikanlah. Kalau GST dipanggil sebagai *zero rated* dan saya fikir dalam keadaan yang begitu kita harus melihat bahawa aku janji dalam manifesto tetap aku janji. Bukan apabila tidak boleh melakukan dalam tempoh kurang 100 hari dan *insya-Allah* selepas 100 hari pun tidak akan dilakukan, kononnya manifesto atau aku janji ini bukan *bible*, bukan kitab suci. Tidak boleh buat, tidak boleh buatlah. [Tepuk] Jangan hendak memesongkan dan cari alasan. Saya fikir, mengakulah.

Malah, di dalam [Disampuk] media semalam, saya lihat ada pemimpin utama parti itu menyebutkan, "Mestilah berani mengaku gagal Tun M manifesto", bukan kita cakap, orang dia cakap. Siapa dia orang itu? Iaitu ahli majlis pimpinan tertinggi parti berkenaan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *Is price hike?*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Saya sejak kecil belajar satu ungkapan dalam bahasa Arab. *[Dewan riu]* Saya pegang buku ini, *[Sambil menunjukkan sebuah buku]* "Laisa haza Quran". Ini bukan Al-Quran, ini yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Bermaksud, tidak wajib. Kalau kita rasa tidak hendak, kita buang. Kalau rasa boleh, oh kita boleh terima. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Datuk. Apabila kita anggap ini bukan sebagai kitab suci, sebagai rujukan sahaja, apakah implikasinya? Kalau kita dapat undi pada 9 Mei disebabkan kita percaya kepada manifesto ini, apakah itu sebagai satu penyelewengan? Kita tidak memandang serius mesej yang telah dihantar, yang mana mereka telah terima secara bulat-bulat. Akhirnya, mereka terjerat. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Walaupun kita lihat Yang Berhormat Ayer Hitam bukan orang Islam tetapi rujukannya ialah Al-Quran. Apakah ciri-ciri orang munafik? Bila berjanji, tidak ditepati. *[Dewan riu]* Bila bercakap, bohong.

**Seorang Ahli:** Munafik.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Itu orang munafik.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kalau tahu tidak boleh laksanakan, jangan berjanji. Ini menipu rakyat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan, peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Rakyat percaya. Rakyat meletakkan harapan. Akhirnya...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Yang Berhormat, peraturan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kurang daripada 100 hari tidak dapat melakukannya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kita lihat pelbagai...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta laluan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekejap. Yang Berhormat Jelutong, perkara mana yang dirujuk?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya mohon penjelasanlah, saya mohon penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Di bawah peraturan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Mesyuarat 35(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tolong baca.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** “Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan menggunakan bahasa yang kurang sopan”. Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik kenyataan ‘munafik’.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Munafik itu bahasa Al-Quran dengan hadis.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau kenyataan itu dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik kenyataan ‘munafik’.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Tarik balik, tarik balik.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kurang sopan menggunakan perkataan itu.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kurang sopan Yang Berhormat, kurang sopan. Minta tarik balik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta tarik balik kenyataan munafik... *[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sabar.

**Seorang Ahli:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sabar dulu, nanti. Sekarang ini di depan Dewan ini, ada seorang Ahli membangkitkan Peraturan Mesyuarat 35(4). Merujuk kepada perkataan 'munafik'. Sebelum saya buat *ruling*, saya ingin mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tunggu dulu, tunggu dulu. Satu demi satu.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kena berlaku adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *No, no.*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Peraturan Mesyuarat 35(4), Tuan Yang di-Pertua. Ini mengelirukan Dewan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kena rujuk...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Peraturan Mesyuarat 35(4)...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, saya sudah arahkan Yang Berhormat Bagan Datuk. Yang Berhormat Bagan Datuk, berikan penjelasan sebelum saya buat *ruling*. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita berbeza agama tetapi harus difahami...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dengarlah penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ingin jelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dengan izin, "You are with your religion, I am with my religion". You should understand my religion in order for us to respect your religion. [*Tepuk*] Munafik, adalah satu aspek...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Persoalannya— No, perkara yang dibangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...yang saya disebutkan tadi. Kalau bercakap, membohong. Kalau janji, tidak ditepati. Itu ciri-ciri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Maka, ia tidak ditujukan kepada mana-mana Ahli Dewan ya?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tidak ditujukan pada sesiapa. Itulah sifat yang harus dielakkan kalau kita mengaku kita orang Islam.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu jelas sekali telah ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Jadi, dalam keadaan itu...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Jangan sangka jahat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk. Dia buat kenyataan secara *general*, secara prinsip, dia tidak menuju. Dia telah mengaku dia tidak menuju kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka, jika dia buat kenyataan umum macam itu, maka dia tidak prejudis. Tadi mengakukan bukan membuat lontaran...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Betul, bukan kerana kita berjiran tetapi inilah contoh seorang Tuan Yang di-Pertua yang adil. [*Dewan riuh*]

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, teruskan. Teruskan.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, ada 22 minit lagi. Sila teruskan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tidak semestinya dua penggal jadi wakil rakyat...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, ada...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kalau setakat jadi ADUN, ini pertama kali duduk di Dewan Rakyat.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** ...pencelahan dari Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir hormatlah peraturan yang ada di Dewan Rakyat ini. Saya fikir...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Oleh kerana tinggal 21 minit sahaja, saya fikir...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Bagi saya satu minit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ingin bertanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat tidak bagi laluan. Hendak bagi?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Boleh?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk tidak bagi laluan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Okey, saya menghormati.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada lagi satu...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Ada lagi janji-janji yang tidak ditepati...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** *Standing order* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, nanti. Ada— mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(4), “Menjadi kesalahan Ahli-ahli Dewan menggunakan bahasa yang kurang sopan, biadab atau membuat pernyataan yang...” Penjelasan saya begini, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang mana satu dirujuk?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Iaitu perkataan ‘munafik’.  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Sabar dulu, sabar dulu. Maksud saya...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jelaskan tentang ‘munafik’.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Memang tidak disebutkan— Tuan Yang di-Pertua, memang tidak disebutkan secara khusus nama sesiapa. Akan tetapi perkataan ‘munafik’ itu *defamatory* dan ini *innuendo* sebab merujuk kepada Buku Harapan. Disebut ada petikan Tun Dr. Mahathir, pagi tadi merujuk perkara itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sebab itu semua ia *innuendo*.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ini *innuendo*, *defamatory*. Ini perkataan yang biadab...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Oleh sebab itu saya minta dia tarik balik.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Mesti ditarik balik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya minta Ketua Pembangkang tarik balik perkataan ‘munafik’ itu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tarik balik kenyataan 'munafik'.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kalau tidak saya mohon seksyen 36...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya— Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Pasir Gudang membangkitkan perkara yang sama. Saya telah pun dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk.

■1230

Saya terima penjelasan, dia hanya kenyataan umum tidak merujuk kepada Perdana Menteri. Maka, saya cadangkan Yang Berhormat Bagan Datuk ada 20 minit, silakan teruskan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Terima kasih. Saya fikir saya minta sedikit masa, tadi saya lihat Yang Berhormat Baling ada bangun, mungkin Yang Berhormat Jelutong tidak faham bahasa kita. Saya minta jelaskan dalam bahasa yang difahami. *[Dewan Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya rasa dia tidak faham, tidak apalah. Dia tengok saya pun tidak faham. *[Dewan Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua saya...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Bagan Datuk sebelah sini tidak boleh bagikah sekejap? Satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk jangan bazirkan masa, Yang Berhormat Baling tidak minta celah.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Saya ingin bertanya soal janji tadi, apakah janji kerajaan untuk memansuhkan semua hutang peneroka FELDA akan dilaksanakan? Bila tempoh masanya? Saya mahu supaya janji-janji ini ditepati. Begitu juga kita lihat, bahawa walaupun masih terlalu awal untuk kita menilai prestasi mereka dan tentunya 100 hari tidak memadai. Akan tetapi kita lihat bahawa kita dahulu sewaktu dalam kerajaan, aku janji dalam PRU Ke-13 kita telah laksanakan sebanyak 99.6 peratus. *[Tepuk]*

Jadi dalam keadaan yang begitu saya fikir apa yang telah diperlihatkan melalui statistik dan kajian oleh Bank Dunia dan agensi penarafan yang lain ia merupakan satu

*success story*. Kita lihat bahawa apa yang akan kita lakukan sebagai blok di sini, kita bukan menyalahkan apa sahaja yang dilakukan, tidak, kita berlaku adil. Mana yang baik kita sokong yang tidak baik kita lakukan teguran dengan izin, *bil hikmah wal bil hasanah*, dengan penuh kebijaksanaan dan ketatasusilaan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** So, dalam keadaan itulah...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Kita harap jangan bakul sampahkan dasar-dasar yang baik yang telah dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu dan kita...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Bagan Datuk minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Dan kita lihat juga apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, ada minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:**...Apa yang berlaku saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak bagikah?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ada 17 minit sahaja, banyak perkara yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat dia tidak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kita jumpa waktu makan nanti kalau hendak tanya soalan. So dalam keadaan itulah kalau menuduh kononnya kerana terdapat beberapa permasalahan dari segi pendapatan, pekerjaan, peluang membeli rumah dan sebagainya, kerajaan yang dahulu berjanji untuk memberikan peluang pekerjaan dengan jumlah sebanyak tiga juta. Akan tetapi kerajaan sekarang ini cuma berjanji untuk kurang daripada jumlah itu. Saya fikir, saya fikir tentulah sesuatu telah dilakukan untuk menentukan bahawa peluang-peluang pekerjaan ini dirancang untuk diberikan dengan baik.

Peluang-peluang untuk memiliki perumahan termasuk dengan izin, *newly-wed couples*. Begitu juga rumah mampu milik dan sebagainya, ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini dalam kekangan waktu ini saya lihat bahawa apabila

sesuatu organisasi politik terjebak di dalam melontarkan, membaling, menyepak terajangkan dengan pembohongan, lihatlah tidak lama bahawa Allah Taala akan menukar dengan izin, *[Berucap dalam bahasa Arab]* yang saya sebutkan semalam. Menukar siang dan malam, malam dengan siang, *[Berucap dalam bahasa Arab]* Lihatlah, tunggulah.

Oleh yang demikian lihat bahawa anak-anak muda yang terjebak dalam kebencian ini akan merasakan bahawa janji-janji yang dilontarkan dulu telah tidak dapat dilaksanakan malah ada penyesalan yang sedang berlaku di luar. So, di dalam keadaan inilah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Saya harapkan bahawa kumpulan-kumpulan yang telah merasa...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...Merasa untuk diambil kepedulian seperti kumpulan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat dia tidak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...B40 dan kumpulan-kumpulan yang lain harus diambil peranan supaya janji-janji itu dapat dilaksanakan sebagaimana Yang Berhormat Kota Bharu janji hendak bersama dengan kita, memang telah berjanji betul-betul untuk bersama dengan kita sebagai blok pembangkang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk dan saya ucap tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua, kawan saya. Salah satu daripada perkara yang sering kali kita dengar dan dicanangkan oleh kerajaan baru sekarang ini ialah mengenai beban hutang yang ditanggung oleh pihak kerajaan. Akan tetapi kalau kita melihat pendekatan yang dibuat oleh kerajaan baru terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas mengambil tampuk pemerintahan ini ialah membuat pinjaman baru.

Sebagai contohnya pada bulan Jun baru-baru ini semasa berkunjung ke Jepun, Yang Amat Berhormat Langkawi telah mengisytiharkan bahawa Malaysia ingin membuat suatu pinjaman mudah *soft loan* daripada pihak Jepun, kononnya untuk menyeimbangkan kos pinjaman yang ada pada masa sekarang ini. Dikatakan pinjaman tinggi tetapi dibuat pinjaman baru untuk menyelesaikan kononnya pinjaman lama. Jadi

apa pandangan Yang Berhormat Bagan Datuk mengenai tindakan seumpama ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi tentang satu peratus pinjaman Yen dan dua peratus pinjaman US sebelum itu. Mungkin Yang Berhormat pergi ke tempat lain dan tidak sempat untuk mendengar ucapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih tajuk kepada sektor keselamatan dan pertahanan negara yang amat saya minati. Kita lihat apa yang sedang berlaku sekarang ini. Bila kadar jenayah semakin meningkat, ada cadangan-cadangan untuk POCA, POTA, SOSMA dan beberapa Preventive Act ataupun undang-undang untuk pencegahan mahu dikaji, mahu dibatalkan. Saya bukan mendabik dada Tuan Yang di-Pertua, ini satu bukti yang telah dibukukan dan didokumenkan. *[Menunjukkan sebuah buku]* Bagaimana prestasi yang telah dilakukan oleh PDRM dan KDN serta agensi-agensi keselamatan yang lain.

Kita lihat bahawa kadar jenayah telah turun kira-kira 46 peratus dan KPInya pada tahun 2013 sebanyak 93 peratus meningkat pada 139 peratus pada tahun 2014 dan meningkat pada 127 peratus pada tahun 2016 dan meningkat lagi 143 peratus pada 2017, ini bukti. Akan tetapi saya mendapat tahu bahawa terdapat *elite group* atau *elite team* yang telah diwujudkan untuk terus menyelesaikan permasalahan secara terus telah dibatalkan. Kita lihat umpamanya *Special Tactics and Intelligence Narcotics Group* (STING) diwujudkan supaya tindakan dilakukan terus kepada kumpulan sasaran dan kita tidak mahu ada ketirisan dan kebocoran maklumat. Ini mahu dibatalkan. Begitu juga tentang kumpulan-kumpulan lain STAGG umpamanya iaitu dengan izin, *Special Task Force for Anti-vice, Gaming and Gangsterism*.

Semalam disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani keadaan ini berlaku. Kenapa kita lakukan POCA? Ini kerana preventif iaitu tindakan untuk pencegahan dilakukan, bukan satu penganiayaan. Di dalam keadaan yang begini, jabatan-jabatan yang telah diwujudkan oleh pemerintahan yang lalu ini telah memberikan keberkesanan yang tinggi. Begitu juga dengan beberapa *elite team* yang lain seperti *Special Task Force On Organised Crime*. Apa yang dilakukan dulu baik, *please don't dismantle* dengan izin, sesuatu yang baik.

Saya bukan mahu *claim credit* dalam perkara ini. Akan tetapi di bawah pemerintahan Yang Berhormat Pekan dahulu apa yang kita lihat selain daripada pembangunan dan juga pertumbuhan ekonomi yang baik, kita ambil aspek keselamatan sebagai suatu *mauduk* atau suatu perkara yang harus diberikan *aulawiyat, priority* di

dalam perkara ini. Oleh yang demikian saya fikir untuk menghapuskan semua agensi berkenaan kerana ia adalah legasi Menteri Dalam Negeri yang lalu, yang kini tidak lagi jadi Menteri Dalam Negeri dan cukup bernasib baik menjadi Ketua Pembangkang. Akan tetapi tidak semestinya tidak baik apa yang kita lakukan demi rakyat keseluruhannya.

Jabatan Penjara umpamanya disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani semalam. Mungkin Yang Berhormat Sungai Petani baharu, beliau tidak tahu. Akan tetapi saya cukup sedih kerana beliau tidak dapat menjadi Menteri penuh walaupun pemimpin kanan partinya. *[Dewan ketawa]*

■1240

Akan tetapi *insya-Allah* lah jika berlaku perubahan, saya fikir memang beliau dari dahulu hingga sekarang layak jadi Menteri penuh. *[Ketawa]* Begitu juga dengan Yang Berhormat Kuala Langat yang sumpahnya cukup tinggi. So dalam keadaan itu ...

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Oleh kerana saya ada sembilan minit lagi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Iskandar Puteri minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir, perkara-perkara yang telah saya sebutkan ...

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Semua bagi, sini satu tak bagi. Takut nak bagi?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tak, tak. Saya ada sembilan minit sahaja, ada sembilan minit.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Jangan lari.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Penjelasan? Penjelasan?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya fikir jabatan-jabatan dan agensi yang diwujudkan itu harus dikekalkan kerana ianya baik ...

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Tak berani ke?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... dan kita mahu kadar jenayah mesti diturunkan demi rakyat keseluruhannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Begitu juga saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Adakah Yang Berhormat Bagan Datuk akan beri penjelasan kepada Yang Berhormat Iskandar Puteri?

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Takut?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tak, masa saya sedikit sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Jangan takut. Semua dia bagi, saya berdiri, takut?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya tak pernah takut Yang Berhormat tapi saya ada sembilan minit sahaja lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Ketua Pembangkang jangan takut.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kepentingan Sabah dan Sarawak. Kita lihat kerajaan yang terdahulu telah berjanji untuk menurunkan kuasa kepada Sabah ...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ketua Pembangkang tidak berani.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... dan Sarawak serta mengembalikan apa sahaja hak Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia (MA63). Janji kerajaan sekarang yang mahu memulangkan 50 peratus hasil cukai yang dikutip di Sabah dan Sarawak serta meningkatkan kadar royalti kepada 20 peratus sudah pasti akan memberikan implikasi kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya hendak tanya, bilakah janji-janji ini akan ditunaikan oleh kerajaan sekarang? Bagaimanakah kerajaan akan membiayai pembangunan di Semenanjung setelah hasil cukai dan ...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta penjelasan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... royalti diserahkan kepada Sabah dan Sarawak mengikut jumlah yang ditetapkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bandar Kuching minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Buktinya. Buktinya -- saya ada lapan minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Daripada 27 anggota Jemaah Menteri, mungkin sekarang dah lebih sebab ada yang masuk pintu belakang. Hanya empat orang sahaja wakil dari Sabah dan Sarawak berbanding dengan 12 orang

wakil di dalam Jemaah Menteri ketika kerajaan yang lama. *[Tepuk]* Ertinya, mereka diwakili oleh cuma 15 peratus. Jadi dalam keadaan ini, saya fikir keputusan yang sekarang ini adalah keputusan yang akhirnya menjerat leher mereka sendiri.

Begitu juga kita lihat tentang apa yang dilakukan. Saya sebut semalam bahawa kita merdeka 61 tahun tetapi 30 peratus daripada waktu pentadbiran itu ditanggung oleh seorang. Ertinya masanya 30 peratus itu jangan salahkan sebelum itu dan selepas itu kononnya legasi yang dibuat itu adalah terbaik tetapi berapa banyak legasi lama itu yang terpaksa ditanggung.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, 1MDB salah siapa Yang Berhormat? Kelmarin lagi saya telah tanya.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Ditanggung oleh ... itu .. oleh kerajaan yang lalu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berani jawab tak?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dan saya fikir ....

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Skandal 1MDB itu salah siapa Yang Berhormat? Yang Berhormat Bagan Datuk, kalau berani, jawab.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ...dalam keadaan yang beginilah kita harus melihat bahawa tidak semua legasi itu tidak baik. Mana-mana legasi yang baik harus diikuti supaya kesinambungan dapat dilakukan. Dalam keadaan itulah, saya lihat bahawa apa yang harus dilakukan ialah kita jangan harus menoleh ke belakang. Kita harus memandang ke hadapan, kita harus melakukan sesuatu yang lebih baik demi rakyat. Kalau janjinya untuk rakyat, mesti dilakukan untuk rakyat bukan dilakukan untuk kroni-kroni, bukan dilakukan untuk ahli-ahli keluarga ...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Peraturan, peraturan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Jho Low, Jho Low.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Yang Berhormat, peraturan.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dalam keadaan yang begitulah, kita harus sedar bahawa apa yang akan dilakukan ...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat, peraturan. Peraturan Mesyuarat 34(4).

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... adalah sesuatu yang harus diterima oleh rakyat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik kenyataan kroni-kroni.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... bahawa apa yang sedang berlaku ini tidak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sini bising, sana bising. Saya nak dengar siapa? Yang Berhormat Bagan Datuk, lima minit 30 saat lagi.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Yang Berhormat, saya menghormati peraturan-peraturan Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat Bagan Datuk tarik balik kenyataan kroni. Pakatan Harapan tak ada Jho Low, Pakatan Harapan tak ada Jho Low. Saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan kroni-kroni.

**Beberapa Ahli:** Mabuk, mabuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Saya ingin menutup ucapan Junjung Kasih kepada Titah Diraja Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Walaupun saya tahu mungkin Yang Berhormat Gelugor tidak pernah berada di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Silap Yang Berhormat, ini Jelutong. Silap. Belajar dahulu, belajar dahulu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Eh, Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ha baru betul, belajar dahulu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Okey, yang itu saya tarik. Jelutong. Saya tarik ya, Jelutong. Saya lihat dengan izin, *you are very religious today. So dalam ...*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *I'm always religious*, Yang Berhormat. *Thank you very much.*

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, *can you please withdraw* kroni-kroni, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... dengan izin, *you have to act like one.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, tarik balik perkataan kroni-kroni, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Akhirnya, akhirnya ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Datuk mahu menggulung.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** ... saya ingin meminjam bait-bait puisi oleh Ibnu Khaldun. Dunia itu satu kebun, pagarnya negara. Negara itu sebuah kekuasaan, yang hidup dengan kekuasaan itu aturan yang tetap atau sunnah. Aturan yang tetap itu ialah politik atau siasah yang dijalankan oleh pemerintah atau raja. Raja itu peraturan yang disokong oleh tentera. Tentera-tentera itu pembantu yang ditanggung oleh harta. Harta itu rezeki yang dikumpulkan oleh rakyat. Rakyat itu ramai yang dipelihara oleh keadilan, keadilan itu yang disukai. Dengan keadilan, tegaklah dunia.

Meminjam kata-kata Ibnu Khaldun itu, saya fikir biar pun kita berada di sini atau di sana, biarpun kita diizinkan untuk meraikan pendapat tetapi demi rakyat, demi negara, kita ketepikan perbezaan pendapat itu. Kita tegakkan kepentingan rakyat dan *insya-Allah* jika nasib memihak kepada kita, jika peluang diberikan kepada kita, dengan rasa kekesalan dan penyesalan yang sedang berlaku sekarang ini, kami akan buktikan bahawa apa yang dilakukan terutamanya apabila aku janji 99.6 peratus yang telah dilaksanakan. *Insya-Allah* 14 janji dalam manifesto yang menjadi teras kepada 320 sub aku janji yang lain akan dilaksanakan dan *insya-Allah* kita bukan mahu menyanggah, kita bukan mahu menuding jari tetapi sebaliknya kita harus bersikap jujur kepada diri kita.

Jika boleh lakukan, lakukanlah jangan memusingkan fakta. Jangan menipu rakyat, jangan melakukan kemunafikan. Saya betulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Sebab kalau sebut munafik, nanti Yang Berhormat Jelutong marah. Dia pun faham. So dalam keadaan itulah Tuan Yang di-Pertua, berlaku adillah kepada semua biarpun kami berada di sini dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berada di sana. Tunggulah. Biarpun kita sekarang ini bernasib baik jadi Menteri Kewangan, sebutlah sesuatu itu berdasarkan

fakta. *[Ketawa]* Jangan pagi cakap lain, petang cakap lain, esok cakap lain dan harus bersandarkan kepada fakta.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Siapa cakap lain? Siapa cakap lain? Yang Berhormat Bagan Datuk. Siapa yang cakap lain?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Dengan menukarkan sistem percukaian ....

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Dulu zaman Yang Berhormat Bagan Datuk sebelah sana, janji nak bagi Sarawak dia punya MACC fee.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk, duduk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** .... saya harap ianya akan memberikan keutamaan ... kepentingan rakyat.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Apa jadi?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk, duduk, duduk!.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kenapa tak tunai? Apa jadi?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oi, duduk! Oi, duduk!  
Mabuk kah?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Kami di blok sini, kami di blok pembangkang.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Ha, sekarang baru nak bersuara. Dulu dah janji *revolution* apa semua tapi tak ada. Habuk pun tak ada.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia pun mabuk jugalah. Duduklah! Duduk!.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** .... Titah Duli Tuanku di-Pertuan Agong dan kita merasakan bahawa Titah Tuanku harus kita junjung, Titah Tuanku harus kita terus terjemahkan pelaksanaannya agar kita tahu bahawa negara ini terus dijaga. Negara ini harus ditatang. Rakyat harus diutamakan supaya Malaysia terus menjadi *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur*. Mudah-mudahan negara kita aman dan mendapat keampunan daripada Allah Taala. Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Datuk. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Damansara untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Tuanku, selaku Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin buat kenyataan pertama saya dalam Dewan ini.

**■1250**

Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru dan yang lama kerana berjaya dipilih untuk mewakili kawasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang sedia maklum, Parlimen atau Dewan Rakyat adalah kamar perbahasan yang tertinggi serta terutama dalam negara ini. Parlimen merupakan satu institusi paling utama yang memainkan empat peranan penting termasuk menggubal undang-undang, memeriksa dan mengimbang kuasa eksekutif, membawa suara rakyat serta membincangkan segala perkara berkepentingan awam berkaitan dengan masa depan rakyat dan negara kita yang tercinta ini.

Oleh itu, sukacita saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, mengambil iktibar daripada apa yang berlaku pada hari pertama semalam bahawa setiap perkataan yang ditutur oleh Yang Berhormat akan direkodkan dalam *Hansard* dan ia akan mencerminkan watak serta tingkah laku seseorang individu itu.

Jangan lupa, atas bahu Yang Berhormat adalah amanah dan tanggungjawab yang diberi oleh rakyat. Oleh yang demikian, sebagai panduan, saya ingin menjemput semua Ahli Yang Berhormat merenung tiga perkara seperti di bawah.

Pertama, adakah apa Yang Berhormat katakan dalam Dewan ini benar-benar membawa kebaikan kepada rakyat dan negara kita atau sekadar hendak jadi jaguh tetapi tidak berisi?

Kedua, adakah rakyat di kawasan yang diwakili oleh Yang Berhormat akan berasa bangga dengan hujah, ucapan atau tingkah laku Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini atau sebaliknya akan berasa malu dengan kelakuan Yang Berhormat?

Ketiga, adakah hujah Yang Berhormat benar-benar berasaskan kepada fakta dan statistik atau hanya merupakan retorik kosong sahaja?

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merenung sebentar tentang tiga persoalan yang saya kemukakan. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat akan memberikan kerjasama kepada Tuan Yang di-Pertua supaya persidangan Parlimen kita dapat berjalan dengan lancar. Jangan lupa, rakyat di luar sedang menilai tingkah laku kita. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat yang bergelar Yang Berhormat, wajarlah kita menunjukkan teladan yang baik di mana pihak kerajaan yang memerintah mempamerkan sikap bersih, cekap dan penuh berintegriti dan beramanah, sementara pembangkang juga memainkan peranan penting secara konstruktif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingin tegaskan sebagai sebahagian daripada proses *parliamentary reform*, saya akan cuba memberi peluang dan ruang

yang secukupnya kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berhujah dan bertanya. Akan tetapi, jika ada individu yang bersikap degil atau sengaja hendak mengundang kekecohan atau sengaja mengeluarkan bahasa kesat yang bercanggah dengan konvensyen Parlimen, saya tegaskan, saya akan terpaksa menggunakan kuasa saya di bawah Perintah Tetap Perkara 42, 43 dan 44 termasuk menjemput Ahli Yang Berhormat keluar berehat atau digantung tugas tidak melebihi tempoh sepuluh hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perlu saya ingatkan juga Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian Parlimen Penggal Keempat Belas ini— saya memetik Titah Tuanku, *“Ahli-ahli Yang Berhormat harus menggalas tugas dan titipan amanah yang diberikan dengan jujur dan penuh dedikasi. Ahli-ahli Yang Berhormat juga perlu mengambil bahagian dalam perbahasan secara sihat, matang dan dapat merangsang dinamik berfikir. Bukan untuk mencari pihak yang benar tetapi untuk menemukan apa yang baik lagi benar, memberi cadangan, teguran dengan penuh berhemah dan bijaksana, penuh kesopanan, bertatasusila supaya institusi Parlimen terus dihormati, dipandang tinggi oleh rakyat dan dunia luar”*.

Semua Ahli Yang Berhormat juga diingatkan jangan mengemukakan hujah yang berbaur perkauman atau ada pihak yang memperalatkan agama demi kepentingan diri semata-mata. Negara Malaysia milik kita semua. Hargailah kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat majmuk negara kita. Jangan kita sesekali lupa *‘Malaysia, truly Asia’*. Sila ingatkan diri kita *diversity is our strength, unity in diversity is our pillars*. Saya memetik pantun,

*Melihat bangau makan kawan,  
Beli ke danau sambil minum jamu,  
Wahai engkau para wakil rakyat,  
Ingatkah engkau akan janjimu.*

*Ibu-ibu beli terasi,  
Sambil makan kawan,  
Laksanakan acuan demokrasi,  
Dari rakyat oleh rakyat untuk rakyat.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat bersidang dan semoga semua Ahli Yang Berhormat boleh menepati harapan baru rakyat kepada kita semua. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Damansara dijemput untuk mengambil bahagian. *[Tepuk]*

**12.56 tgh.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua yang baru dilantik, tahniah. Saya berucap hari ini dari sebelah yang tidak sama. Dahulu berucap dari sebelah sana. *[Merujuk kepada blok pembangkang]* Antara perkara yang selalu saya bangkitkan, semua orang tahu, yang ada di Dewan sebelum ini ialah isu skandal 1MDB. *[Tepuk]*

Kita semua pun tahu terutamanya dalam dua tahun kebelakangan ini, soalan-soalan 1MDB semua tidak mendapat sebarang jawapan daripada pihak sebelah sini. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Bukan sahaja tidak dapat jawapan yang tepat, tidak dapat jawapan sehingga soalan dibangkitkan dalam Dewan pun terus ditolak sama sekali oleh Tuan Yang di-Pertua yang lalu.

Antara soalan yang kita tanya pada satu tahun yang paling akhir, macam mana 1MDB membayar hutang mereka? Mereka servis hutang. Faedah yang kena bayar setiap tahun sekarang RM1.6 bilion. Macam mana 1MDB bayar? Pada awalnya jawapan yang diberikan, 1MDB membayar hutang ini melalui wangnya sendiri. Tidak tahu wang manalah tetapi dia kata wangnya sendiri. Selepas itu, wang yang akan diperolehi daripada penebusan pelaburan 1MDB.

Akan tetapi kita tidak tahu pelaburan yang mana yang boleh ditebus untuk membayar hutang. Sekarang kita berada di sebelah sini *[Merujuk kepada blok kerajaan]*, kita mendapat maklumat yang tepat daripada pegawai Kementerian Kewangan sendiri. Seperti apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebulan lalu, kita terperanjat dengan jumlah hutang yang telah pun dibiayai oleh Kementerian Kewangan bagi pihak 1MDB. Pada tahun lalu sahaja, satu tahun sahaja berjumlah RM7.12 bilion. Kita yang bayar, rakyat yang bayar. Akan tetapi maklumat ini disembunyikan, disorokkan. Penipuan dijalankan.

Macam mana mereka memperoleh wang ini supaya tidak dikesan oleh rakyat. Dia minta Khazanah tebuskan pinjaman yang telah pun diberikan oleh Kementerian Kewangan kepada Khazanah untuk pelaburan tertentu. Ambil balik wang RM1.2 bilion. *"Saya kena gunakan wang ini untuk bayar hutang 1MDB"*. Selepas itu tidak cukup lagi, minta sama Bank Negara. Bank Negara kata apa? *"Oh! Kita ada berminat untuk membeli sekeping tanah"*. Cepat-cepat beli. RM2 bilion angkat dari Bank Negara selepas itu gunakan wang itu untuk bayar hutang 1MDB.

Sekarang, pada tahun ini sahaja, hujung tahun ini, masih ada RM818 juta hendak kena bayar. Tidak tahu macam mana hendak bayarlah, kena cari wang. Oleh sebab itu saya rasa semua di sebelah sini [*Merujuk kepada blok kerajaan*], rasa tertekan kerana peruntukan semua sekat, tidak cukup wang. Akan tetapi inilah kesan daripada pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Tahun depan pun RM1.6 bilion kena bayar. Hanya bezanya sekarang, kita akan – saya rasa Kementerian Kewangan akan memperuntukkan bayaran ini dalam bajet kita tidak sorok lagi, kita tidak sembunyikan lagi. Kita akan terbuka dan kita akan telus.

Mana pergi wang 1MDB? Semalam laporan *Malaysiakini* ada tunjuk wang antaranya pergi mana.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan, Pendang. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Selepas inilah. Saya habiskan ini dahulu. Apabila sesi petang, saya akan berikan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pasal tengah idea ini. Saya minta sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Damansara, teruskan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya minta laluan sedikit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya teruskan. Petang ini, petang ini. Sudah hendak habis. Pukul satu sudah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekalilah sekarang, sekejap sahaja, sedikit sahaja. Saya hendak *breakdown*. Saya hendak tanya berkenaan dengan *breakdown* hutang-hutang yang telah dibuat oleh 1MDB dan juga ...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Damansara tidak bagi laluan. *This is his floor.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Steady*lah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia sudah kata waktu petang. Kita kena hormatlah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Waktu sudah habis. Saya hendak habiskan ayat ini. Selepas itu saya sambung petang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sebab apabila dapat *breakdown* ini baru penjelasan kita jelas apa yang di...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sepatutnya Yang Berhormat Pekan kena jawab. Yang Berhormat Pekan sudah lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Damansara, teruskan ucapan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Okey, saya ambil satu minit. Selepas itu rehat, Tuan Yang di-Pertua. RM470 juta telah pun disalurkan yang berpunca daripada 1MDB telah pun disalurkan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional dan rakyat kena bayar hutang ini sekarang. Akan tetapi wang pergi kepada parti-parti Barisan Nasional, RM470 juta. Parti yang paling besar, UMNO dapat berapa? RM417 juta dan yang kecil, yang tidak signifikan macam parti MCA, RM16 juta sahaja.

Akan tetapi kita sekarang ini kena minta semua parti komponen Barisan Nasional, kita sudah tahu wang ini berpunca daripada 1MDB, wang ini wang rakyat, pulangkan wang ini kepada Kerajaan Malaysia, pulangkan wang ini kepada rakyat Malaysia.

*[Tepuk]*

Mana maruah? Tidak malu punya parti. Kita mintalah. Ada sudah kalah dalam pilihan raya, ada sedikit perasaan kesal, rasa malu. Pulangkan wang ini kepada Kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat bayar hutang kerajaan. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, sambung. Hendak sambung atau terus?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kita sudah sampai masa. Kita teruskan pada 2.30 petang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mesyuarat ditangguhkan.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Damansara mempunyai baki saya ingat lebih kurang 24 minit ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**2.33 ptg.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya sebut...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Damansara, minta penjelasan. Sikit sahaja. Di sebelah kiri, dari Jelutong.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Belum *start* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum *start* lagi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tadi sebelum kita berhenti bersurai untuk makan tengah hari, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Damansara beri laluan? Ya? Okey.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya beri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Damansara telah menyatakan tentang jumlah dana yang telah diserahkan ataupun disalurkan kepada parti-parti politik. Saya cuma ingin tahu berapakah jumlah yang diterima oleh MIC, Yang Berhormat, daripada wang 1MDB ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya rasa Yang Berhormat dari MIC ada di sini. Saya beritahu. Jumlah wang yang berpunca daripada 1MDB yang disalurkan kepada parti MIC sebanyak RM20.5 juta. Kira haraplah parti-parti Barisan Nasional ini kalau masih ada *conscience* lah, *if you still have conscience*, pulangkan semua wang ini kepada Kerajaan Malaysia. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi mengutuk kerajaan untuk...

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Biar saya habiskan dulu. Saya bagi tapi biar saya habis dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan tidak diberikan. Teruskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Jangan seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Dia mengutuk Kerajaan Pakatan Harapan kerana kononnya memaksa rakyat untuk derma kepada kerajaan untuk bayar hutang. Kita tidak paksa. Ini merupakan satu sumbangan sukarela daripada orang awam. Kita terpaksa tubuhkan dana tersebut kerana permintaan daripada rakyat kerana mereka mahu membantu mengurangkan beban kepada kerajaan. Rakyat pun buat macam itu nak bagi wang kepada kerajaan untuk kurangkan hutang. Tolonglah, parti-parti Barisan Nasional, wang daripada 1MDB pulangkan kepada kerajaan. Biar hutang 1MDB dapat diturunkan. Yang Berhormat Tapah.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulan saya tidak pasti dari manakah Yang Berhormat dapat maklumat bahawa MIC terima dana 1MDB. Apakah buktinya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Sudah diterbitkan di *Malaysiakini* semalam. Kalau tidak betul, sila sampaikan maklumat tersebut.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sumber *Malaysiakini* pula nak pakai.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Sila sampaikan maklumat tersebut kepada pihak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* lah keluarkan bukti, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Takkan Yang Berhormat bergantung kepada *Malaysiakini*? *Malaysiakini* kah saluran yang diikuti Yang Berhormat?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa ini? *Malaysiakini* pula. *Podah!*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Peraturan!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Wang daripada 1MDB telah pun sampai kepada akaun Dato' Sri Najib Tun Razak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Fitnah!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Selepas itu daripada Dato' Sri Najib Tun Razak, wang itu disampaikan kepada parti-parti politik.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Saya tidak sangka Yang Berhormat bergantung kepada *Malaysiakini* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak memberi laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *So*, biar pihak penyiasat siasat dan minta supaya semua parti ini...

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Sepatutnya Yang Berhormat tunggulah habis siasat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita ada banyak kerja lainlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya hendak merujuk kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi mengenai hutang-hutang 1MDB, hutang-hutang kerajaan dipertikaikan, kita tidak lihat kepada aset. Kita tahu sekarang ini hutang 1MDB adalah lebih kurang RM38 bilion. *So* kalau kita lihat kepada aset, apa aset 1MDB ada? Dulu mereka kata kita ada pelaburan di luar negara, 2.32 bilion unit

yang ada di Singapura. Selepas itu ada 1.56 bilion lagi yang dipegang oleh 1MDB Global Development di luar negara. Akan tetapi sekarang bila kita masuk, kita tanya, minta bekas CEO Presiden 1MDB...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Masuk, minta tanya sama dia mana unit-unit ini, Bekas Presiden 1MDB sendiri kata tidak tahu. Dulu dia kata, "*Oh, ada. Ini sah, ini benar. Ini akan ditebus balik. Wang akan pulang dan wang akan digunakan untuk bayar hutang*". Sekarang kita tanya sama dia sama sekali. Dia kata tidak tahu, tanya CFO. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bandar Malaysia, RM200 bilion projek.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa ini? Belum habis lagi cakap sudah bangun. Duduklah! TRX berapa bilion? Dia punya *business plan*. Berapa bilion punya *business*. Jangkaan pendapatan akan datang berapa?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya jawab. Boleh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum habis lagi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Tidak perlu panjang-panjanglah. Saya jawab. Saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* jangan ingat *you* Yang Berhormat pandai berniaga. Bila masa Yang Berhormat berniaga?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya jawab. Saya jawab. Tanah Bandar Malaysia. Tanah Bandar Malaysia mengikut nilai bukan oleh Tony Pua, MP Damansara tetapi penilaian daripada JPPH Kementerian Kewangan, lebih kurang RM10 bilion sahaja. Mana datangnya RM200 bilion?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Sekejap. Saya tidak bagi lagi. Biar saya habis jawab. Selepas itu kerajaan lalu kata, "*Oh, kita akan jual aset ini, akan membawa pembangunan kepada syarikat-syarikat Fortune 500. Seluruh dunia akan ditarik masuk ke Malaysia. Kita buat tender terbuka. Banyak syarikat yang berminat.*" Kita *check* lagi dengan kementerian. Ada sebarang syarikat *Fortune 500* yang tender atau tidak? Kosong. Tidak ada. Tanah itu masih tanah kosong.

Dan kita hendak sebut sekali lagi, walaupun tanah ini memang berharga tetapi tanah ini telah pun diserahkan kepada pihak 1MDB dengan harga yang cukup murah. Keuntungan daripada penjualan ataupun pembangunan tanah ini tidak sepatutnya digunakan untuk menutup lubang-lubang pinjaman hutang pelaburan ataupun pemalsuan akaun yang lain yang telah berlaku dalam 1MDB.

So kita tanya mana pelaburan? Mana pelaburan unit sebanyak USD2.3 bilion? Dolar. Bukannya ringgit. Mana pelaburan sebanyak USD1.56 bilion 1MDB Global Investment? Tidak ada. Sudah hilang dan akibatnya kita sekarang kena bayar hutang 1MDB. Rakyat Malaysia kena tanggung. Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak menjawab soalan pun.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara. Di antara janji dalam Pakatan Harapan dan saya fikir janji ini sama komitmen kita dalam PAS ialah untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat penyelewengan 1MDB. Sehingga kini, kita tidak mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan.

#### ■1440

Sejauh mana hasrat itu dapat diwujudkan dalam suasana - pelbagai pendedahan telah dibuat tetapi suruhanjaya masih belum diwujudkan. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bagi soalan spesifik suruhanjaya, terpulang kepada pihak Menteri untuk menjawab tetapi yang saya tahu, dua buah jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan, satu oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri yang dipimpin oleh Tan Sri Abdul Ghani Patail sebagai bekas Peguam Negara, dan satu lagi oleh *Council of Eminent Persons* atau Majlis Penasihat Negara yang dipimpin oleh Tan Sri Abu Talib. So, dua buah jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk menjalankan siasatan terhadap 1MDB.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Mohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat daripada Damansara bersetuju bahawa detik 9 Mei yang disifatkan oleh Ketua Pembangkang dalam ucapan beliau bahawa satu tragedi dan mimpi buruk sebenarnya kepada rakyat Malaysia yang taat setia, bukan sahaja di tanah air kita tetapi di *world diaspora*, dilihat sebagai satu *liberation* supaya menyelamatkan Malaysia menjadi satu global *kleptocracy*, dan mereka yang tidak buat apa-apa untuk menyelamatkan negara sebenarnya pengkhianat Malaysia... [Tepuk]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Oleh sebab itu saya sebut sekurang-kurangnya parti-parti yang telah pun menerima dana yang berpunca daripada 1MDB, yang dulu mungkin tidak tahu ia datang daripada 1MDB tetapi sekarang sudah tahu, ia datang daripada 1MDB, pulangkan dana ini kepada negara kita. 1MDB merupakan satu skandal yang kita sudah kenali. Hanya maklumat-maklumat yang kita dapat peroleh sekarang tetapi kita...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Minta laluan, Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bila kita masuk kerajaan, kita dapat tahu ada skandal lagi, skandal macam *Suria Strategic Energy Resources*, syarikat yang sebelum ini tidak ada orang kenal tetapi semua orang kenal sekarang. Ia merupakan anak syarikat kepada sebuah lagi syarikat skandal, syarikat *SRC International*. Dahulu anak syarikat sekarang jadi syarikat di bawah Kementerian Kewangan dan dalam syarikat ini, projek sebanyak RM9.4 bilion telah pun ditawarkan kepada syarikat China, *China Petroleum Pipeline Bureau (CPPB)*.

Dua projek, satu projek *gas pipeline* di Sabah dan satu lagi di Semenanjung. Projek hanya siap lebih kurang 13 peratus maksudnya hanya *paperwork*. Kertas-kertas rundingan sudah siap, 13 peratus projek siap tetapi bayaran sebanyak 88 peratus, RM8.2 bilion sudah pun dibayar dalam jangka masa satu tahun. Kenapa bayar? *What type of governance is this?* Kalau kita tidak masuk jadi kerajaan baharu, kita pun tidak tahu skandal macam ini telah berlaku, pemalsuan akaun, penipuan, *fraud* dan sekarang kita kena minta, cari cara untuk macam mana hendak ambil balik wang ini daripada pihak kontraktor asing. Ini semua beban kepada rakyat. Ini semua hutang kepada rakyat. Itu SSER.

Selepas itu adakah kerajaan lalu ada menjalankan, membangunkan projek yang mungkin dapat membawa kebaikan kepada rakyat? Ada, bukan kata tidak ada, ada. Projek macam LRT, LRT baik dan saya sokong. Ada projek LRT3, jajaran ketiga daripada Klang ke Petaling Jaya 37 kilometer, sokong.

Pada awalnya diumumkan projek ini daripada segi pembinaan adalah RM9 bilion, itu pun disebut oleh bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pekan. Dia kata RM9 bilion sahaja tidak ada meningkat tetapi bila kita *check* jumlah kontrak-kontrak pembinaan yang sudah ditawarkan setakat Mac tahun ini sudah mencecah RM15.2 bilion. Meningkatkan lebih daripada RM6 bilion.

Akan tetapi semalam Yang Berhormat Pekan kata, tidak ada, tidak pernah kontrak meningkat sehingga RM15 bilion, yang saya tahu hanya RM9 bilion. Akan tetapi

bila kita *check* kesemua kontrak-kontrak ini perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan di mana Menteri Kewangan sendiri yang mempengerusikan jawatankuasa tersebut untuk meluluskan kontrak-kontrak ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Pendek ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut kah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Yang Berhormat Pasir Salak selepas itu Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Pasir Salak, kemudian Yang Berhormat Tebrau.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, RM9 bilion ialah kos asal projek LRT3. Itu yang telah diluluskan. Apa yang dikatakan sudah menjadi RM15 bilion itu belum diluluskan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu adalah cadangan daripada SPNB dan bekas Menteri Kewangan telah memberitahu bahawa permohonan untuk menambah peruntukan itu tidak diluluskan kerana permohonan itu pun dibawa waktu hampir hendak pilihan raya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Faham, saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa faham? Betul kah tidak? Jawab itu sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jawab.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Yang Berhormat Damansara, tadi *you* sudah mendedahkan berapa banyak parti UMNO, MIC, MCA sudah terima. Bolehkah *you* dedahkan semua parti-parti komponen BN yang sudah menerima, jadi kita boleh tahu berapa banyak parti-parti komponen BN sudah menerima dari 1MDB. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Okey, seperti apa yang disebut pagi tadi RM470 juta disalurkan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional dan saya

hendak jawab Yang Berhormat Pasir Salak. Dia kata RM15.2 bilion tidak diluluskan lagi, salah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Nanti, nanti biar saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi *proof*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya jawab dahulu, saya jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bagi Yang Berhormat Damansara jawab dahulu, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya bagi *chance*, *you* kena bagi saya jawab dahulu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengar dan dia tidak mahu terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah bagi laluan, sekarang bagi laluan untuk dia menjawab.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** RM15 bilion ini merupakan kontrak yang sudah ditawarkan dan diterima. SST sudah ditandatangani, sudah ditawarkan. Apa yang belum diluluskan adalah permintaan daripada Prasarana yang kata pada 30 Mac bahawa kos keseluruhan LRT3 sudah meningkat sehingga RM31.6 bilion, bukan RM15 bilion tetapi RM31.6 bilion. Kenapa? Jawapannya senang sebab yang RM15 bilion itu hanya pembinaan. Tidak masuk lagi pengambilalihan tanah, tidak masuk lagi fi kepada PDP, tidak masuk lagi fi kepada perunding, tidak masuk lagi faedah pinjaman semasa pembinaan. Bila semua kos ini diambil kira jumlah yang dituntut oleh Prasarana merupakan RM31 bilion.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Kita berhadapan dengan masalah sekarang. Berhadapan dengan masalah kerana kesemua kos ini tidak telus masa dahulu. Inilah *hidden cost* yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak semalam mengenai projek-projek yang diumumkan oleh Barisan Nasional tetapi kos yang ada dalam projek ini tidak telus. Apa yang diumumkan hanya *construction cost*, kos pembinaan. Dia tidak sebut tentang kos-kos yang lain yang terlibat yang kian meningkat. *So, cost construction* meningkat, kos yang lain pun meningkat, RM9 bilion menjadi RM31 bilion...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Beri laluan, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Laluan. Kalau sekiranya Yang Berhormat mengatakan bahawa apa yang disebutkan oleh bekas Menteri Kewangan itu tidak betul. Dia kata RM9 bilion tetapi Yang Berhormat Damansara kata sudah tambahan berapa bilion itu telah juga diberikan kontrak yang telah diluluskan.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bawa usul mengatakan Yang Berhormat Pekan telah berbohong, berbohong. Telah mengelirukan Dewan, tolong. Jangan buat tuduhan secara tidak bertanggungjawab. Kalau bertanggungjawab, bawa satu usul mengatakan Yang Berhormat Pekan telah berbohong dan mengelirukan Dewan. Jangan, jangan berdolak-dalik. Saya sokong. Kalau Yang Berhormat Pekan berbohong ambil tindakan kepada dia.

■1450

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya sambut cabaran.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada sudah. Kalau dia bohong, saya sokong, ambil usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya sambut cabaran, asalkan Yang Berhormat Pekan bawa maklumat tersebut dan sebut bahawa kontrak hanya RM9 bilion dalam Dewan ini, saya akan serta-merta membawa usul untuk berkata bahawa Yang Berhormat Pekan mengelirukan Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*]

Dia kena sebut dalam Dewan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia sudah sebut.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Kita kena dengar pada dia saja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pekan sudah sebut, RM9 bilion. Apa lagi. *That is what he said*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, laluan tidak diberikan. Duduklah dulu, duduk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bawa usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Dia sebut dekat luar Dewan, saya tidak boleh bangkit dalam Dewan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua pun dengar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya minta kalau Yang Berhormat Pekan bawa dalam Dewan, kata bahawa kosnya hanya RM9 bilion, saya akan sampaikan usul...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang telah diluluskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Serta merta, okey.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, yang telah diluluskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Nasib baik Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum tahu. Belum tahu lagi. Saya hendak, Yang Berhormat bagi Damansara bawa usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Kerana bila kita ambil alih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau berani, bawa usul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Dewan ini hanya seorang sahaja yang boleh bercakap pada sesuatu ketika. Jadi, laluan tidak diberikan. Yang Berhormat Damansara, teruslah berucap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Cool.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *Cool, cool, cool.*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan di minta.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Biar, biar, biar saya jelaskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sekejap, sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Satu saja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Tidak cukup masa nanti.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sikit, sikit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya ada topik lagi.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Lima saat. Setujukah- tahniah Yang Berhormat Damansara, mendapat majoriti yang terbesar dalam pilihan raya lepas. Setujukah Yang Berhormat, jika saya katakan bahawa PAS adalah merupakan parti

yang tidak pernah menerima apa-apa dana daripada 1MDB berdasarkan data yang ada dalam pengetahuan Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya tidak ada maklumat. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jawab, okey.

Saya hendak sebut, nasib baik Pakatan Harapan mengambil alih. Oleh kerana bila kita melihat kos sudah melambung begitu besar, kita buat siasatan. Mengapa kos meningkat begitu besar? Kita dapat tahu kenapa. Oleh sebab dalam spesifikasi projek, ia tukar spesifikasi daripada stesen LRT, ini projek LRT. Daripada stesen LRT, ia minta stesen dibesarkan macam MRT. Bumbung kasi cantik-cantik...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh? Sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, pohon laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bumbung kasi semua cantik-cantik.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya selalu bagi tapi kejam, saya memang masa singkat sekarang. Bumbung kasi cantik-cantik. *Feasibility study* kata apa? *Two car train* sudah cukup menampung *passenger* sehingga tahun 2050. Akan tetapi spesifikasi yang ditenderkan, *six cars train*, kapasiti dinaikkan tiga kali ganda. Mungkin pada masa itu pegawai hendak beri ruang kepada penumpang hantu, tidak tahulah. Akan tetapi semua ini merupakan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Damansara, minta laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Ciri-ciri kos yang telah pun dinaikkan akibat keborosan, akibat pembaziran, akibat- tidak tahulah, penipuan yang mungkin sudah berlaku.

Oleh kerana kita runding semula, kita semak semula ke semua pelan-pelan ini, kos projek ini, kita dapat menurunkan kos LRT daripada RM31.6 bilion sehingga RM16.6 bilion. Penjimatan sebanyak 47 peratus ataupun RM15 bilion. Ini bermaksud, kita tidak payah angkat lagi tambahan RM15 bilion hutang. Ini bermaksud, kos projek akan lebih rendah, tambang kepada penumpang akan lebih rendah, lebih ramai lagi rakyat yang duduk di antara Klang dan Petaling Jaya dapat menikmati sistem pengangkutan awam yang kita akan sediakan kepada rakyat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, minta laluan sikit?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Tidak boleh. Dua setengah minit.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Ketawa]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Maaf, okey. Ini bukan satu-satu projek saja. Ada banyak projek lagi yang sama.

MRT belum berlaku lagi tapi kita boleh lihat dari segi MRT projek yang kononnya kos RM32 bilion tapi itu sekali lagi hanya kos pembinaan. Tidak mengambil kira lagi banyak kos-kos yang lain yang saya rasa akan meningkatkan kos MRT ke satu tahap melebihi ataupun mendekati RM50 bilion. Semua ini merupakan hutang kepada kerajaan. Akan tetapi tahu tidak hutang LRT, hutang MRT, semua tidak masuk dalam hutang rasmi Kerajaan Persekutuan. Tidak ada. RM687 bilion hutang rasmi itu tidak termasuk RM42 bilion yang digunakan untuk bina MRT, RM26 bilion yang ada dalam syarikat Prasarana. Semua hutang ini yang diservis oleh Kerajaan Persekutuan sekarang tapi tidak masuk. Oleh sebab dia agihkan keluar, dia buat muslihat. Dia buat *government guarantee*.

*Government guarantee*, maksudnya hutang kerajaan bayar tapi tidak masuk sebagai hutang kerajaan. Langsung tidak masuk akal. Lebih pandai lagi, saya kena sebut, Kerajaan Barisan Nasional ini cukup pandai. Hutang tidak boleh ambil lagi, tidak apa. Kita buat *government guarantee*. *Government guarantee* sudah tidak boleh buat lagi, tidak apa, kita cari cara yang lain, kita buat *leasing facility*.

Saya berikan contoh terakhir, okey. Saya hendak bina satu sekolah, RM500 juta katakan. RM500 juta kalau saya buat pinjaman, *aiyoo* susah, nanti Yang Berhormat Damansara ini marah, tidak boleh. Buat *guarantee*, sudah tidak boleh buat *guarantee* lagi, sudah banyak, tidak boleh. So, tidak apa. Saya minta kontraktor datang, eh, *you* hendak bina sekolah kan? Okey, *you* bina dulu, lepas itu saya berikan perjanjian *leasing*. Saya buat sewa ataupun pajakan, *leasing* daripada syarikat tersebut selama 15 tahun dan saya akan bayar balik RM1.5 bilion. *You* ambil kontrak ini, pajakkan kepada pihak bank untuk mendapat pinjaman untuk membina sekolah ini.

So kerajaan, Kementerian Kewangan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Kementerian Kewangan telah pun...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Menawarkan sebanyak RM66 bilion kontrak...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Damansara, minta laluan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Yang mengenakan bayaran balik sebanyak...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sikit saja, Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bayaran balik sebanyak RM201 bilion dalam jangka masa 10 tahun sehingga 20 tahun...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ...Yang tidak termasuk dalam hutang rasmi kerajaan sekarang. Akan tetapi ia merupakan liabiliti dan bayaran yang rakyat sekarang kena tanggung. Itulah sebabnya hutang Kerajaan Malaysia yang sebenar, yang efektif, bukan yang rasmi, yang menyembunyikan segala pinjaman tersebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** ....Adalah RM1 trilion dan bukan RM687 bilion yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Datok sebentar tadi. So, kita di Kerajaan Pakatan Harapan, kita beriltizam, kita tidak lagi akan menipu dan menyorok fakta daripada rakyat. Kita akan menjadi sebuah kerajaan yang telus dan *accountable*... [Tepuk] Kita akan cuba seboleh mungkin untuk mengurangkan liabiliti kerajaan seboleh mungkin melalui *value*...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Menghabiskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedang digulung.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Menghapuskan pembaziran dan meningkatkan penguatkuasaan demi masa depan anak cucu kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

## **2.58 ptg.**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang kepada semua.

Pertama, saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua pada kali ini, dalam suasana kita memulakan sidang Parlimen pada kali ini yang hingar bingar. Ada yang bagi komen bahawa sidang Parlimen macam pasar borong. Saya fikir kita perlu menegaskan soal menjaga hasrat kita bersama untuk melihat Dewan ini menjadi tempat yang mulia. Kita ada peraturan

Parlimen, kita ada peraturan-peraturan mesyuarat tapi peraturan mesyuarat ini tidak ada makna kalau sekiranya kita tidak patuhi. Kita ada Tuan Yang di-Pertua tapi kalau sekiranya arahan Tuan Yang di-Pertua juga tidak diikuti, maka tidak ada makna bagi Dewan yang mulia ini.

Saya menyahut seruan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk melihat Dewan kita ini menjadi tempat perbincangan yang baik.

Perbezaan pandangan adalah suatu benda yang sangat bernilai bagi kita. Namun, perbezaan pandangan ini akan hanya diterima sebagai perkara yang berharga sekiranya kita boleh menerima dengan tenang, dengan berlapang dada terhadap perbezaan tersebut.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan baharu kerana telah pun mengembalikan semula apa yang menjadi suatu perjanjian, khususnya dalam royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu dan kalau boleh tengok, hutang lama pun elok bayar balik.

#### ■1500

Keduanya ialah terima kasih juga kepada kerajaan yang telah pun memberikan peruntukan kepada semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang... *[Dewan tepuk]* Walaupun jumlahnya tidak sama, masih belum berlaku adil. Dalam satu sistem demokrasi kita harus berlaku adil kerana keadilan ini adalah merupakan prinsip yang digariskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Jangankan kebencian kamu pada suatu kaum, lalu kamu tidak berlaku adil pada kaum tersebut. Berlaku adillah kerana adil itu hampir dengan takwa kepada Allah.*”

Suatu hadis yang masyhur... *[Membaca sepotong Hadis]* “*Tujuh golongan yang layak berteduh di bawah naungan Arasy Allah pada hari tidak ada sebarang naungan melainkan hanya naungan Arasy Allah*”, yang pertama kata Rasulullah... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Pemimpin yang adil. Konsep keadilan ini menuntut supaya...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Tanjong Malim. Kiri, kiri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ya, sila.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Boleh minta penjelasan. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kubang Kerian bahawa kita harus memberikan peruntukan yang sama rata kepada ADUN atau Ahli Parlimen pembangkang. Saya cuma nak minta penjelasan, adakah Terengganu dan Kelantan memberikan peruntukan yang sama rata kepada ADUN pembangkang?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kita dapat komitmen untuk bagi. Kita bagi komitmen untuk bagi, *insya-Allah*. Akan tetapi kita tengok PH bagi dulu atau tidak... [*Dewan ketawa*]

Pertama sekali pilihan raya yang lepas, rakyat telah pun membuat satu pilihan dan suatu perjuangan yang panjang oleh PAS untuk menumbangkan UMNO, Barisan Nasional dalam negara kita. Jasa besar keyakinan rakyat untuk mengubah ini berlaku pada tahun 1990 di Kelantan, hingga kekal sampai sekarang. Perkara yang perlu kita ingat bahawa perubahan kepimpinan ini berlaku dalam beberapa isu utama. Pertama sekali isu 1MDB yang menjadi induk kepada isu golongan *middle class* atau golongan pertengahan, dan *upper class*. Manakala isu GST yang menguasai pemikiran rakyat. Pertembungan dua isu ini menyebabkan Barisan Nasional tumbang.

Akan tetapi kita tidak boleh nafikan bahawa strategi tiga penjuror juga menyumbang kepada kemenangan Pakatan Harapan. Sebanyak 22 Kerusi yang dimenangi oleh Pakatan Harapan ialah Kerusi hasil berlaku tiga penjuror. Tanpa tiga penjuror, Pakatan Harapan akan hilang 22 Kerusi di peringkat Parlimen. Walaupun PAS diserang dengan pelbagai tuduhan, kononnya mendapat dana daripada UMNO sejumlah RM90 juta, dan kenyataan daripada Yang Berhormat Damansara tadi yang boleh senaraikan semua parti lain. Akan tetapi bila ditanya tentang PAS, dia tiada maklumat.

Ternyata bahawa pilihan raya baru ini kita berdepan dengan kemelut fitnah yang melampau dalam media sosial, dan fitnah ini merupakan satu benda yang sedang tidur kata Rasulullah.... [*Membaca sepotong Hadis*] "*Fitnah ialah sesuatu yang sedang tidur Allah melaknat sesiapa yang mengejutkannya.*"

Tuan Yang di-Pertua, umat Islam menjadi majoriti bagi negara kita. Berhadapan dengan suatu kemelut ialah pertembungan di antara kewajipan mereka sebagai seorang Muslim dengan peraturan yang ada, dengan kata lain bahawa umat Islam dihalang melaksanakan apa yang menjadi kewajipan dan tanggungjawab dia. Sebagai contoh tanggungjawab untuk menutup aurat beberapa agensi tidak benarkan kakitangan menutup aurat...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, minta laluan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Saya nak menyentuh- tertarik saya dengan isu yang RM90 juta tadi. Setuju kah Yang Berhormat Kubang Kerian kalau saya katakan ada beberapa kaedah dipanggil *methodology of transaction*, dengan izin, dalam pemindahan wang yang berlaku ia mesti ada dua. Pihak yang memberi dan pihak yang menerima. Kedua-dua ini kalau berlaku *transaction*, dengan izin, melalui pemindahan dalam bank- dari bank ke bank dia mesti akaun pemberi dan mesti ada akaun penerima. Itu yang pertamanya berkenaan dengan pemindahan melalui *cash* RM90 juta, lebih kurang satu treler lah kena bawa.

Kalau RM5 juta pun *security* punya van yang pindah wang dari bank ke Bank Negara pun sudah penuh, kalau RM90 juta maknanya lebih kurang satu treler pemindahan berlaku di antara pemberi dan juga penerima. Ia mesti ada polis, ia mesti ada SB yang ikut sebab RM90 juta ini besar. Kalaulah tidak buat satu *follow up*, berselerak tengah jalan, tidak sampai dekat penerima itu. Itu kaedah tunai...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekejap, yang kedua berkenaan dengan kaedah cek.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Boleh ringkaskan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekejap saya ringkaskan terus. Kaedah cek ia ada *account number*, *cheque number*, tarikh, *payee* ataupun penerima pembayar kepada siapa dan juga ia dimasukkan dalam akaun siapa. Kedua-dua ini perlu *account number*. Itu berkenaan dengan pemindahan melalui cek.

Ketiga yang melalui *Telegraphic Transfer* (TT) pun memerlukan akaun pihak yang memberi dan juga pihak yang menerima dan kedua-dua ini perlu dipanggil *knock-off*, *number test code* antara *manager* bank dengan *manager*. Baru boleh dikreditkan masuk dalam akaun yang sebanyak RM90 juta.

Ketiga melalui *Internet* ia tidak lebih daripada- kalau berlaku *transaction* yang melebihi USD10,000 sistem ini akan pindah masuk ke Bank Negara untuk kelulusan duit ini *mai* daripada mana ataupun pembiayaan *terrorist* dan sebagainya. Kita isi *column* ini baru diluluskan, baru boleh masuk dalam akaun.

Ini empat kaedah yang setakat kita dapati. Akan tetapi tidak ada satu kaedah pun berlaku pemindahan ke dalam akaun PAS atau mana-mana individu setakat ini, *wallahualam*. Setuju tidak?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa sebahagian kenyataan beliau tadi masukkan sebagai kenyataan saya.

Saya balik pada apa yang saya sebut tadi soal menjawab sikit pertanyaan yang dikemukakan daripada keterangan daripada Yang Berhormat Damansara tadi jelas bahawa isu ini dalam siasatan.

Jadi fakta-fakta yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini saya letakkan sebagai fakta yang belum pasti betul kerana ia masih dalam siasatan, dan tidak ada suatu pembuktian dapat dibuktikan. Ini kerana siasatan masih berjalan dan kita harapkan siasatan ini akan mendedahkan maklumat betul kepada apa yang berlaku kepada dana negara. PAS- kita mengalu-alukan tindakan untuk penjimatan sebarang projek dan penyelewengan yang berlaku mesti diperbetulkan oleh kerajaan yang diharapkan oleh rakyat membawa perubahan besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung apa yang saya sebutkan tadi, pertembungan isu yang berlaku hari ini ialah umat Islam berdepan dengan masalah mereka tidak boleh mengamalkan perintah agama ke atas diri mereka di waktu mana rakan-rakan yang agama lain bebas beramal tuntutan agama mereka. Ini masalah besar dalam konteks pelaksanaan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Contoh, sebagai umat Islam mereka ada kewajipan untuk menutup aurat. Akan tetapi pelbagai agensi menyekat kakitangan daripada menutup aurat sebagai contoh agensi penerbangan berdepan dengan masalah besar kakitangan yang ingin menutup aurat. Begitu juga di jabatan-jabatan ataupun di agensi-agensi lain.

Kita berdepan dengan komentar daripada rakyat khususnya yang bekerja di syarikat-syarikat swasta yang dihalang untuk solat Jumaat. Di waktu yang sama isu yang menjadi kecoh Rang Undang-undang 355 yang telah pun dibentangkan, telah pun disokong dan kita harapkan Kerajaan Pakatan Harapan menunaikan janji bahawa Rang Undang-undang 355 adalah tanggungjawab kerajaan untuk membawa ke Parlimen, bukan tanggungjawab pembangkang pada waktu itu.

Saya ingin tegaskan bahawa menjadi tanggungjawab umat Islam untuk membetulkan perkara yang tidak betul di Mahkamah Syariah. Untuk makluman, Mahkamah Syariah hari ini berjalan tidak menepati kehendak syarak. Tidak menepati dalil yang ditentukan oleh Al-Quran atau hadis Nabi SAW. Setelah lebih 60 tahun kita merdeka kita perlu perbetulkan undang-undang ini. Kita harapkan Rang Undang-undang 355 bukanlah pelaksanaan hudud sebagaimana yang digambarkan oleh sebahagian dikelirukan dalam media sosial.

#### ■1510

Akan tetapi yang penting ialah bagaimana undang-undang tersebut diperbetulkan dengan tuntutan syarak. Sebagai contoh, tuduhan ke atas penzina tanpa

bukti, Al-Quran menyarankan, Allah menyarankan hukuman ialah 80 kali sebatan syarak, bukan enam kali. Hari ini Mahkamah Syariah hanya ada bidang kuasa enam kali, enam kali tidak ada dalil. Tidak ada satu dalil hadis atau tidak ada satu dalil Al-Quran yang menjadi sandaran kepada pelaksanaan undang-undang tersebut.

Oleh sebab itu kita menuntut supaya, umat Islam sebagaimana juga agama-agama lain bebas mengamalkan kehendak dan peraturan agama mereka dan ini mesti diberi keutamaan khususnya di kalangan Kerajaan Harapan, kerajaan baharu yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian soal keresahan rakyat, berhubung dengan pelbagai kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan dalam media sosial yang memerlukan satu kawalan segera daripada pihak kerajaan. Kita mengetahui bahawa negara kita merdeka dengan bom jangka yang ditinggalkan oleh penjajah. Penjajah telah pun mengagih-agihkan kaum-kaum di Malaysia di mana masyarakat India diletakkan di kawasan estet, masyarakat Melayu di luar bandar dan sebahagian di antara Masyarakat Tionghoa di kawasan bandar.

Ini bom jangka yang boleh mencetuskan dan merosakkan keharmonian perpaduan negara yang kita cintai. Ia mesti diurus dengan penuh hemat dan cermat. Sehubungan dengan itu, semua kenyataan-kenyataan yang boleh menyentuh sensitiviti bangsa dan agama mesti ditangani secara segera. Kita akui bahawa kegagalan bilamana parti-parti politik diwujudkan di atas platform perkauman, dia tidak mencetuskan, ia tidak melahirkan suatu natijah yang baik bagi perpaduan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang jawapan yang saya terima, berhubung dengan jumlah pekerja dari negara India dalam sektor IT dan semi konduktor negara seramai 12,213 orang. Pada 28 Jun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kerajaan mengalu-alukan lebih ramai warga asing yang berkemahiran terutama dalam bidang IT dan sedia menawarkan kewarganegaraan kepada mereka yang layak. Sehingga ke hari ini sebanyak 12,213 orang yang dibawa masuk ke negara kita. Soalnya ialah, apakah kita gagal melahirkan pakar-pakar dalam bidang IT dan semi konduktor? Berapakah graduan bidang IT yang berjaya dilahirkan setiap tahun sehingga kita terpaksa bergantung kepada pihak luar? Mengambil kesempatan di atas bidang yang mempunyai pendapatan yang agak tinggi, yang sepatutnya dikuasai oleh pekerja tempatan berbanding sektor-sektor pembuatan dan sebagainya.

Kecenderungan warga asing yang diberi kerakyatan untuk bergantung melatih membawa orang mereka ke Malaysia, tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Kerajaan

perlu melihat jumlah pas pekerja yang dikeluarkan dalam bidang IT dan semi konduktor ini untuk dikawal, diselia bagi memberi ruang dan peluang kepada warga dan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah EP yang dikeluarkan ataupun permit pekerja yang dikeluarkan yang diberikan dengan syarat yang sangat longgar? Sehingga syarikat-syarikat tempatan, bukan syarikat asing yang berpangkalan di sini tidak menghadapi sebarang tekanan untuk menggaji pekerja tempatan untuk melatih dan mereka memilih jalan pintas untuk menggaji warga asing tanpa had.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kerajaan memberi perhatian kepada isu ini kerana jumlah mereka ini semakin hari semakin besar dalam keadaan kita sebenarnya mempunyai kemampuan untuk menyediakan tenaga mahir dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua di antara janji yang disebut dalam janji 100 hari Pakatan Harapan ialah berhubung dengan usaha penghapusan hutang peneroka FELDA. Saya ingin menarik perhatian bahawa isu ini merupakan satu isu besar dan mereka menanti janji tersebut. Peneroka FELDA dipaksakan hutang yang tidak sepatutnya dikenakan kepada mereka dan disembunyikan tanpa pengetahuan mereka. Bagi saya janji untuk menghapuskan hutang peneroka FELDA merupakan satu janji yang perlu disegerakan sebagaimana dalam tempoh yang diperuntukkan oleh kerajaan Pakatan Harapan.

Di waktu yang sama kita juga mendapat aduan bahawa peneroka FELDA yang tanam dengan FELDA menghadapi masalah bayaran sara hidup sebanyak RM1,500 sebulan yang tidak dibayar kepada peneroka yang tidak mempunyai hasil, tidak sebagaimana sebelum ini. Kita harap isu ini dapat di atas dengan segera kerana ia melibatkan masyarakat rakyat kita yang berdepan dengan kemelut ekonomi yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, satu konsortium telah ditubuhkan. Sebuah syarikat Sinergi Perdana Sdn Bhd. (SPSB) yang menggabungkan tiga syarikat, tiga agensi iaitu FELDA, FELCRA dan RISDA telah pun mendirikan sebuah kilang bagi mengeluarkan baja yang menelan kos sebanyak RM47 juta. Semua agensi FELDA, FELCRA dan RISDA memerlukan penggunaan baja sebanyak 420 ribu tan setahun. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana kilang ini berjaya mencapai matlamat dan berapakah kemampuan sebenar pengeluaran baja yang mampu dikeluarkan oleh syarikat tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian soal membetulkan semula agensi FELDA sebagaimana yang diasaskan oleh Almarhum Tun Abdul Razak. FELDA ditubuhkan untuk memberi peluang penjana ekonomi kepada rakyat yang

tidak ada tanah. Sayangnya kita dapati FELDA telah pun lari daripada fungsi asal dengan jumlah hampir 360 ribu hektar ladang FELDA yang sudah tidak lagi dimasukkan peneroka, sebagaimana tujuan asal ia dibina.

Saya menyampaikan hasrat untuk kerajaan baharu ini mengembalikan semula fungsi FELDA, dengan memasukkan peneroka-peneroka di tanah-tanah rancangan peneroka sejumlah 360 ribu hektar tersebut yang saya yakin mampu untuk menjadi pemangkin kepada ekonomi rakyat kita yang miskin khusus di kawasan luar bandar.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, minta laluan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sila.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin untuk mendapat penjelasan, adakah kalau daripada jumlah 360 ribu hektar yang diperuntukkan kepada FELDA ini, jikalau dibuka semula untuk peneroka dapat menyelesaikan permasalahan generasi kedua, ketiga dan mungkin keempat FELDA? Bagi menyelesaikan permasalahan yang kronik melibatkan tanah yang diperlukan untuk penjanaan ekonomi generasi FELDA. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Yang Berhormat Dungun. Saya lihat isu yang kita hadapi di peringkat FELDA ialah isu generasi kedua, ketiga dan keempat.

#### ■1520

Memang kerajaan tidak mampu menampung kesemua anak-anak peneroka Felda. Di waktu yang sama mereka ini mendapat perhatian serius daripada kerajaan, pelbagai imbuhan berbanding masyarakat kampung yang langsung tidak dapat sebarang perkara termasuk duit hari raya, duit lebihan hasil dan sebagainya. Cuma saya lihat bahawa kalau 360,000 hektar ini diambil dan dimasukkan peneroka, kita sebenarnya telah berjaya meningkatkan suatu sumber pendapatan rakyat yang sangat baik walaupun mungkin tidak boleh menampung kesemua.

Isu kita sekarang ini ialah FGV yang menjadi penghalang kepada hasrat tersebut dan kegagalan FGV juga adalah satu bebanan yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan baharu dan kita akui bahawa ini *problem* besar. Oleh sebab itu kita menentang pengapungan FELDA yang pada waktu itu tidak ada satu keperluan pun bagi FELDA untuk diapungkan di pasaran saham. Namun sekarang ini menjadi suatu bebanan besar...

**Dr. Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** [Bangun].

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Walau bagaimanapun, kita harapkan usaha dapat diberikan perhatian serius. Di samping satu lagi cabaran besar di peringkat hasil ialah...

**Dr. Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Yang Berhormat, izin laluan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sila.

**Dr. Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya di UiTM juga. Apa-apa Yang Berhormat nyatakan dalam ucapan ini menyatakan tentang masalah-masalah yang wujud. Maksudnya apa yang ditanggung oleh rakyat. Inilah yang kami rasai dan apabila tadi Ketua Pembangkang mengatakan kami adalah golongan populis, menipu dan memfitnah tetapi apa yang terjadi di bawah sana, rakyat menderita. Jadi inilah yang kami perjuangkan.

Jadi apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi, bermacam-macam masalah yang dinyatakan, adakah maksudnya apabila sedar- kalau di dalam istilah undang-undang, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *res ipsa loquitur* yang bermaksud, "*Let the thing speaks for itself*". Jadi apa yang berlaku ini bukannya ia disebabkan oleh salah tadbir urus kerajaan yang dahulu dan kita tertanya-tanya mengapa Yang Berhormat dan juga sahabat-sahabat boleh menyokong kerajaan terdahulu yang telah menjadi pembangkang sekarang. Sila jelaskan... [Tepuk]

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Pertama sekali, kenyataan itu tidak betul. Kalau kami menyokong, kami bersama mereka. Kami melawan mereka habis-habisan dan kami berjaya mengalahkan BN di Kelantan, Terengganu termasuk PH tidak ada satu Kerusi pun di Kelantan, Terengganu... [Tepuk]

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kita bahagi-bahagi dan rakyat boleh menilai kerajaan mana yang paling baik untuk dipilih pada Pilihanraya Umum Ke-15.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sila, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian berkenaan dengan harga kelapa sawit ini. Jangan gelak ini Yang Berhormat Kapar. Harga kelapa sawit sekarang ini merudum dan menjejaskan ekonomi FELDA. Masa kita memerintah dahulu, walaupun macam-macam tuduhan, masa itu FELDA dapat harga kelapa sawit yang sangat lumayan sampai RM7,000, RM10,000, RM15,000 sebulan, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Akan tetapi sekarang ini mengeluh sebabnya harganya jatuh. Ada beberapa sebab, boikot di Eropah dan sebagainya. Saya tidak mahu bercakap panjanglah tetapi saya hendak bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian? Dalam hal ini, apa yang patut Kerajaan Pakatan Harapan buat untuk memastikan bahawa harga kelapa sawit dapat distabilkan, ditingkatkan supaya ekonomi peneroka FELDA pada hari ini terjamin? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Pontian hendak mencelah sedikit, boleh?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey, okey tetapi masa saya ada lagi tinggal tiga minit. Sila, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, bukan hanya tentang sawit. Sebahagian daripada peneroka FELDA juga ada terlibat dengan getah.

Saya ingin tanyalah Yang Berhormat Kubang Kerian, apa kerajaan yang ada sekarang ini membantu pekebun getah, bukan hanya di FELDA tetapi juga pekebun kecil getah? Pekebun kecil sawit ini ada 600,000 orang, FELDA ada 121,000, yang lain adalah orang-orang kampung biasa. Getah pada kerajaan yang dahulu, kita ingin mengesyorkan supaya pembinaan jalan-jalan baru sebahagiannya menggunakan getah asli di campur dengan bahan-bahan yang sedia ada. Jadi saya tidak nampak ada kerja kuat daripada kerajaan yang ada ini. Ya, memanglah baru lagi untuk membantu pekebun sawit dan pekebun getah ini. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey, terima kasih kepada semua yang minta dijelaskan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey, okey, sila.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tumpat minta laluan. Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan soalan ataupun kenyataan daripada Yang Berhormat Tangga Batu yang mana yang menyatakan bahawa ataupun soalan yang mengatakan kenapa pihak Yang Berhormat Kubang Kerian ini bersama dengan UMNO, Barisan Nasional ini dalam kerajaan yang lalu, saya kira oleh kerana soalan itu ataupun kenyataan itu dibuat mungkin kerana kita tidak bersama dengan mereka sebelum pada pilihan raya yang lalu. Sebelum pada pilihan raya yang lalu dahulu pun di antara perkara yang jelas yang dapat kita lihat bahawa di Parti Islam Se-Malaysia ini sentiasa *consistent*, istiqamah dalam mempertahankan Islam. Apa-apa sahaja isu yang berbangkit tentang Islam, maka kita memihak kepada apa yang mempertahankan Islam.

Di antara perbezaan yang berlaku ataupun hujah-hujah yang berbeza di antara pihak kita dengan pihak Yang Berhormat Tangga Batu itu ialah di mana mereka menyatakan bahawa buat sama sekarang ini, di kala mana kita belum menjadi kerajaan dan inilah hujah yang dinyatakan dan dipengaruhi anak-anak muda dan juga mereka yang berminat dengan perjuangan Islam dan sebagainya, mereka menyatakan sekarang ini kita belum jadi kerajaan.

Jadi kita tidak perlu lagi menyuarakan Islam dan sebagainya hanya setelah kita menduduki kerajaan barulah kita perjuangkan Islam, melaksanakan Islam dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat Kubang Kerian meyakini hari ini setelah mereka menjadi kerajaan, maka mereka istiqamah untuk memperkasakan Islam sebagai anggota kerajaan pada hari ini.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Pertama sekali saya ingin masukkan bahawa sebahagian daripada ucapan beliau itu sebagai ucapan saya.

Cuma saya ingin jelaskan soal harga kelapa sawit dan getah yang ditimbulkan. Dalam tempoh 60 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, tidak semua tinggi. Ada masa dia rendah juga. Jadi dia permintaan komoditi utamanya bergantung bukan hanya soal masalah dalam negara. Kadangkala melibatkan soal permintaan daripada luar dan kita berdepan dengan satu cabaran besar bagi kerajaan baharu iaitu bagaimana untuk menstabilkan harga sawit bila mana kita berdepan dengan program kempen boikot sawit yang dibuat di negara-negara Eropah dan sama juga harga getah yang perlukan satu stok penimbal bagi menstabilkan harga getah di pasaran antarabangsa.

Saya lihat bahawa apa yang kerajaan baharu ini buat, saya fikir itu kerajaan akan jawablah. Saya lihat bahawa hingga setakat ini, mungkin kita perlu masa, orang baharu. Tuan Yang di-Pertua, orang baharu ini macam kereta yang baharu Tuan Yang di-Pertua.

Kereta baharu beli tiap-tiap hari basuh walaupun tidak kotor. Orang baharu pun sama baru-baru kahwin selalu mandi.

Akhirnya, saya ingin menarik perhatian kita semua kepada satu surat daripada Sayidina Ali bin Abu Talib yang dihantar kepada Malik bin Haris Astar, satu nasihat yang sangat berguna untuk kita semua. Walaupun surat ini bertarikh 655 Hijrah, panjang tetapi saya akan petik beberapa poin yang penting.

Pertama, Sayidina Ali menasihati pegawai gabenornya, *“Jika kamu dilantik ke jawatan yang mempunyai kuasa dan merasa megah atau sombong, ingatlah kuasa dan keagungan Yang Maha Esa ke atas alam ini yang kamu langsung tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap kekuasaan-Nya. Kekalkanlah keadilan dalam pentadbiran dan sematkan semangat ini dalam jiwa kamu dan dapatkan persetujuan orang ramai kerana rasa tidak puas hati rakyat jelata mengatasi rasa puas hati segelintir masyarakat yang menikmati keistimewaan.*

#### ■1530

*Kamu boleh dapat orang yang lebih baik, iaitu orang yang dianugerahkan kepintaran dan pandangan yang jauh serta tidak dinodai oleh dosa. Tidak pernah bersubahat dengan orang yang zalim melakukan kezalimannya atau penjenayah dalam melakukan jenayahnya. Berhati-hati dalam memilih pegawai. Sahkan jawatan mereka bilamana mereka telah menjalani ujian dan kelayakan. Takutlah kamu kepada Allah, apabila berurusan dengan masalah orang miskin yang tidak mempunyai siapa untuk berlindung, terbiar susah dan tidak bermaya dan kusut fikirannya kerana menjadi mangsa kepada takdir yang berlaku dan sistem yang tidak memberikan peluang kepada mereka...”*

Akhirnya, *“...laksanakanlah keadilan secara sama rata tanpa mengira sama ada seorang itu bersaudara dengan kamu atau tidak. Jika ada saudara mara dan kawan-kawan kamu yang melanggar undang-undang, laksanakanlah hukuman yang ditentukan walaupun ia pahit bagi kamu.”* Ini kerana ia adalah untuk kebaikan sebuah negara. Kami, mewakili- saya ingin menegaskan bahawa, PAS- kita bersedia menyokong apa-apa sahaja dasar Kerajaan Pakatan Harapan yang tidak bercanggah dengan dasar Islam dan menguntungkan rakyat. Kami akan bersedia menentang kamu sekiranya bercanggah dengan agama dan merugikan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin menjemput Yang Berhormat Santubong?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Eh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan. Mengikut senarai saya, Yang Berhormat Santubong. Oh, Yang Berhormat Kapar? Yang Berhormat Kapar dulu. Sila Yang Berhormat Kapar.

**3.32 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillahirabbil'alamin... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk permulaan bicara Peraturan 37 tidak membenarkan pencelahan selama setengah jam. Pengalaman saya dengan Tuan Yang di-Pertua lalu tahun 2004, ketika Tuan Yang di-Pertua menjatuhkan hukum saya RM30,000 denda. Tuan Yang di-Pertua, atas ketegasan itu maka saya ingin bermula di atas ikrar sumpah janji yang telah kita lakukan pada hari pertama persidangan iaitu mengangkat kedaulatan perlembagaan. Memastikan *rule of law* sebagai panduan utama untuk kita mereformasikan agenda utama pilihan raya.

Maka saya mengambil peluang ini untuk menegaskan sekali lagi bahawa saya tidak akan berkompromi dengan mereka yang cuba mengkhianati perlembagaan. Maka, saya ingin menyarankan kepada kerajaan hari ini, bahawa, perlembagaan itu mesti diletakkan tahap satu. Tidak boleh dikompromikan. Mana-mana pihak yang cuba mencampuri urusan pentadbiran itu sudah melanggar perlembagaan. Maka, *rule of law* harus mengambil tempat untuk memastikan bahawa tiada siapa yang boleh mengatasi *rule of law*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan penambahbaikan. Kita bina semula negara ini. Jangan kita pandang ke belakang sebagai alasan atau rujukan. Apa yang penting hari ini, Kerajaan Pakatan Harapan harus merujuk pada laporan-laporan kebobrokan yang berlaku sebelum ini. Kita harus meletakkan asas, iaitu audit negara telah melaporkan pada tiap-tiap tahun kerugian-kerugian dan ketirisan berlaku dalam setiap kementerian. Maka, apakah yang boleh dilaksanakan oleh kementerian-kementerian ini untuk memastikan bahawa ketirisan dan juga penyelewengan tidak akan boleh berlaku lagi di atas sifat kawal selia tata kelola yang baik. Maka saya ingin menyinggung beberapa kementerian dalam laporan maklumat yang saya terima seperti mana yang saya diberitahu dalam Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar. Saya telah pun mendapat laporan beberapa perkara yang perlu

diambil perhatian diberikan siasatan terperinci dan segera dilaporkan kepada pihak SPRM untuk penjenayah-penjenayah ini dapat diberikan kehakiman yang setimpal.

Maka yang demikian, persoalan pertama yang akan saya ajukan kepada kementerian ialah beberapa perkara yang berlaku sebelum ini. Satu, *Incentive-Based Regulation (IBR) and Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* tarif naik LPC- oleh sebab sekarang saya mengambil inisiatif untuk membicarakan soal tarif elektrik yang menjadi kerisauan kepada rakyat hari ini yang dilaporkan ianya akan meningkat dari segi industri tetapi akhirnya rakyat akan terbeban. Maka, untuk itu, beberapa perkara yang perlu dikaji semula untuk kita menilai dan kita memastikan bahawa tindakan perlu diambil.

Pertama, ia harus kita gazetkan melalui Parlimen *review*, kemudaran rakyat as *advantage*, merana kerana harga naik. Maka, saya memohon supaya kementerian tidak sahaja menumpukan kepada IPP. Mereka harus menilai dan mengkaji semula perkara-perkara yang akan saya bangkitkan sebagai rujukan.

Kedua, fuis IPP, TNB monopoli untuk TNB dan IPP hanya mendapat *business* atau perniagaan ini terletak dalam kumpulan kroni ataupun mereka yang berdekatan dengan mereka-mereka yang terlibat dalam kementerian.

Ketiga, saya juga ingin menyinggung *electric wholesale* daripada market EWM untuk rakyat tarif *built purchase* yang lebih efisien untuk rakyat.

Keempat, *Electricity Rechain Market (ERM)* tarif pakej yang lebih efisien dan murah. Saya lihat bahawa impak tindakan yang kita ambil daripada *Germany* dan kita guna pakai teknologi *blockchain*. Kita juga mengambil daripada *Singapore*, Australia dan ini adalah cadangan untuk rakyat bersama-sama untuk menjadi peserta dalam memastikan tarif itu tidak di pakej kan untuk dinaikkan.

Kelima, *IPP Gas Hydro RE, re-organize, re-negotiate*. Hari ini kebanyakan syarikat-syarikat yang dapat adalah mereka yang mendapat kontrak *direct-nego*. Jadi, ini tidak boleh berlaku dan kementerian harus memandang serius.

Keenam, *TNB full service, re-organize* balik, tukar mandat kerana ini melibatkan *board of director*. Ini juga memberikan kesan kepada soalan apakah *board of director* sebelum ini yang kita sedia maklum, yang dimaklumkan sekitar 17,000 orang mereka yang terlibat dalam lantikan politik. Mereka ini harus ditukar ganti supaya yang betul-betul ahli dalam tenaga ini sahajalah mereka yang akan meng-*organize*kan atau yang akan mengendalikan tata kelola dalam kementerian ini.

Ketujuh, *game energy* Amerika Syarikat. Kita melabur di Turki, dengan kos USD 255 juta. Rugi! Ini juga harus dikaji semula dan tindakan memberhentikan lebih contoh

55 peratus lagi menghabiskan beras namanya. Kita mahu *re-evaluate* balik daripada soal penggunaan atau perjanjian pelaburan di sana.

Kelapan, GMI *energy limited*. Kita juga mengambil daripada negara India, melabur di India dengan minoriti dan juga perbelanjaan sebanyak USD 300 juta. Ini juga memberikan persoalan bahawa kementerian harus peka dan menilai kembali daripada kontrak-kontrak. Ini kerana kita tidak mahu yang kita tanggung beban di sana, rakyat akhirnya merata kerana mereka terpaksa menerima hakikat tarif elektrik naik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Dan juga saya ada 15 perkara termasuklah TNB...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** TNB Gold, TNB Platinum...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar? Mahu bagi laluan? Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tidak apa. Tidak apa. Saya minta-Banyak ini. Banyak ini. Sekejap. Sekejap. Banyak ini. Saya sudah kata Peraturan 37 Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua memang cukup sinonim dengan peraturan-peraturan ini sebab dia ialah pakar dalam perlembagaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan Peraturan 37. Jadi, *TNB Gold* oleh sebab dulu cadang mahu jadi speaker, tidak dapat. Jadi, TNB Gold, TNB Platinum juga harus di *evaluate* balik dan terpaksa *direview*-kan kerana implikasi tindakan hanya syarikat tertentu yang memperkasakan keuntungan dan memberikan kesan kepada rakyat termasuklah melatih insan harus di-*review* kembali. Sembilan, Persatuan Sekerja Junior CA, perjanjian bersama- saya juga ingin memohon kementerian supaya menilai kembali atas *benefit* yang ada dalam perjanjian bersama yang baik untuk anggota-anggota mereka termasuklah mendirikan perumahan kepada anggota TNB, pekerja mereka untuk memastikan setelah mereka bersara mereka ada sedikit harta untuk mereka lalui di zaman persaraan.

#### ■1540

Nombor 13, rumah pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) termasuk yang saya katakan sebentar tadi. Ada 15, Tuan Yang di-Pertua. Tenaga Nasional Berhad (TNB) *management reshuffle* balik, *organization* pengurusan. Ini saya mohon supaya kementerian melihat daripada soal *legality*. Jangan ada di kalangan mereka-mereka tertentu. Bila kita kata hendak pecat itu bermaksud pecat tanpa mengikut prosedur.

Tidak begitu, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya ialah harus ada siasatan. Harus ada tindakan untuk memastikan aplikasi daripada undang-undang tidak tercacat. Maka, saya mohon kementerian dan jangan ada mereka yang cuba panggil ke pejabat dan mengatakan kamu dipecat. Ini namanya diktator. Kena ada siasatan dan pastikan penyelewengan dan salah laku berlaku. Ini saya hendak tegur kerana beberapa perkara yang saya dimaklumkan tidak menggunakan prosedur yang sepatutnya dalam pemecatan sedemikian.

Akhir daripada tenaga ialah invitasi *regional with ASEAN* dan ini juga harus diberikan perhatian kerana kita menghendakkan bahawa tenaga ini berkiblat kepada fokus untuk dalam negara. Di luar negara itu setelah mendapat hasil untung yang banyak, saya takut nanti bila laporan diberi kerugian dipaparkan, rakyat yang sengsara dan merana.

Kedua, saya ingin menyinggung iaitu isu cadangan perkhidmatan *prisoners treatment* dan sistem maklumat pengurusan pesalah berpusat. Ini juga saya ingin menyinggung kerana saya hendak melihat negara ini ke depan dalam soal kita bina semula negara ini. Dalam itu, saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya memikirkan bagaimana untuk kita hendak menjadikan pesalah ataupun mereka yang dihukum ini apabila keluar mereka dilahirkan sebagai berkemahiran. Kalau mereka mempunyai kesalahan yang sederhana, salahnya ataupun salah yang ringan mereka diberikan peluang untuk keluar sebagai orang yang berkemahiran dan dipandang tinggi.

Maka, demikian cetusan idea mencadangkan projek *prisoners treatment* dan sistem maklumat pengurusan pesalah berpusat dari penjara seluruh negara dan agensi berkaitan terjadi setelah melihat statistik jumlah tenaga kerja pesalah yang dibazirkan penggunaan sepenuhnya. Selama ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengeluarkan modal dana untuk perbelanjaan pesalah akan tetapi hari ini kita hendak membangunkan pembangunan modal insan bagi mengisi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan, memberi kemahiran agar dapat bersaing dengan masyarakat apabila keluar dari penjara.

Idea penambahbaikan ini adalah dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan hukuman ringan, parol dan pelatih pusat pemulihan. Hasil pendapatan yang diperolehi akan digunakan seperti berikut, potongan *ransom* sebanyak 15 peratus, bayaran sewaan sel sebanyak 20 peratus, simpanan wajib atau *compulsory savings* sebanyak 40 peratus. Yuran pengurusan penjara sebanyak dua peratus, insurans lagi

dicadangkan khusus dalam bentuk hibah, hadiah potongan sebanyak lima peratus jika tahanan hilang daya upaya bekerja semasa dalam penjara.

Cetusan idea ini adalah untuk melahirkan pesalah keluar dalam berbentuk kemahiran sebab hari ini TVET dibuat untuk menjadikan kumpulan anak muda sebagai berkemahiran dan wibawa dalam bersaing dengan pekerja asing dan hari ini kita lihat kedudukan pekerja asing sudah dalam kedudukan yang amat kritikal. Sebanyak 1.7 juta yang dilaporkan yang berdaftar, yang tidak berdaftar berjuta-juta, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang serius tetapi penyelesaian tidak pernah terfikir. Maka, ini salah satu daripada alunan cara bagaimana kita hendak mengatasi ataupun kita hendak mengurangkan beban negara yang berbilion di peruntukan dalam penjara.

Maka, untuk memendekkan bicara dalam isu ini, saya juga ingin memastikan bahawa semua yang terlibat itu termasuk bekalan dalam segi maklumat dan data dan tarikh pada tahanan yang meliputi pelbagai sabitan kesalahan dimasukkan dalam pangkalan SPPB dan untuk proses kemas kini perkongsian strategik kementerian yang terlibat. Melibatkan semua kementerian dan inilah salah satu daripada kita bina semula negara ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyinggung beberapa isu yang saya dapat maklumat daripada mereka yang mengadu kepada saya. *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Cakap seorang mana syok. Bagilah kawan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Walaupun ini benda yang kecil. Walaupun kita lihat benda ini nampaknya terlalu terpinggir isunya. Akan tetapi, saya mendapat daripada seorang sahabat yang datang berjumpa saya. Dia kata namanya Mohd Zaki bin Mohd Salleh. Anak dia dihantar ke satu institusi yang dikategorikan sebagai OKU dan dia telah pun mendapat tahu bahawa sijil anaknya tidak laku dan dia telah membuat pengaduan kepada sumber pembangunan kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian yang terlibat dalam pendidikan termasuk pelajaran.

Apa yang saya lihat di sini ialah tidak ada tindakan susulan dalam kita hendak pastikan pentadbiran hari ini efisien, tidak kira kumpulan mana mereka datang. Yang penting setiap masalah dalam segi pentadbiran, birokrasi harus tidak ada halangan dan pastikan tindakan penganiayaan dan kezaliman itu wajib diselesaikan sebab rakyat pilih kita atas agenda reformasi. Maka, rakyat ingin melihat agenda reformasi itu diangkat martabat dan darjat harakatnya. Maka, saya ingin mengulas daripada aduan yang dibuat oleh Encik Mohd Zaki bin Mohd Salleh...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Berapa harakat?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Kementerian yang terlibat harus mengambil tindakan segera. Saya ingin mendengar laporan dari kementerian mana yang menjadi tanggungjawab mereka. Kalau tidak ia akan menjadi penyakit yang akan membawa barah dan barah tahap empat, Tuan Yang di-Pertua, tunggulah di liang lahad.

Seterusnya, saya ingin menyinggung beberapa perkara yang saya lihat– Oh! Cepatnya, 15 minit dah. Saya ingin menyinggung iaitu isu MAS. Isu kesatuan NUFAM dan pekerja syarikat. Perkara ini amat mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua. Seramai 6,000 pekerja telah dibuang. Kemudian kita pula hendak beli pula *Boeing* sampai RM10 bilion menggunakan duit EPF. Apa ini? Tolonglah. Ini duit pekerja. Bila pencen itulah akhir mereka akan bawa pulang. MAS ini saya kaitkan kerana saya melihat Akta MAS ini satu penganiayaan apabila mereka 6,000 dibuang kemudian diambil pekerja-pekerja yang baru untuk diisikan. Apa yang kita hendak buktikan? Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan, kaji semula lembaga-lembaga pengarah yang mementingkan diri mereka.

Salah satu daripadanya, pihak eksekutif dan lembaga pengerusi MAB Tan Sri Md Nor dan Khazanah Nasional Tan Sri Azman Mokhtar harus dipertanggungjawabkan dengan masalah kerugian MAS yang menjadi lambang keagungan negara semenjak tahun 2002 dan mereka harus meletak jawatan segera setelah MAB merekodkan kerugian buruk sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2016 dan 2017. Khazanah Nasional gagal mengendalikan MAS dengan baik sehingga menukarkan enam CEO dalam masa 14 tahun.

Saya hendak mengungkit sejarah silam di mana Tan Sri Abdul Rahman yang telah memberikan token ataupun menyediakan dana MAS sebelum dia bersara sebanyak 5,000 juta. Akan tetapi, akhirnya MAS terpaksa membuang 6,000 pekerja. Kita nafikan hak pekerja. Kita nafikan hak kesatuan dan kita bubar MAS dan kita lantik, kita masuk dalam Dewan dan bersetuju untuk buat MAS...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Kapar. Boleh minta laluan. Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa minta laluan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya tidak akan beri laluan mengikut Peraturan 37.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Kawan. Sama geng di sini takkan tidak bagi.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, seorang pakar Perlembagaan. Saya minta ia di-*sustain*-kan. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebenarnya boleh diberikan laluan kalau dia minta penjelasan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Dan juga gaji pengerusi dan pengurusan cukup tinggi sehingga menyebabkan ketirisan dalaman, lembaga pengerusi kaya raya dan harus disiasat sehingga boleh beli kereta mewah bateri lagi dan kereta mahal walhal pekerja-pekerja mereka tidak dapat kenaikan gaji sehingga hari ini. Mana mana sistem demokrasi keadilan untuk pekerja jika syarikat seperti MAS masih diberi kuasa tinggi untuk membuat apa yang mereka suka. NUFAM iaitu kesatuan, mencadangkan tarikh kuasa sementara lembaga pengurusan MAS dan tubuhkan lembaga baharu yang adil dan saksama dan juga, *union busting* terhadap kesatuan NUFAM dan fail semakan hakim ke atas proses undi sulit NUFAM. MAB masih menentang hak kesatuan. Malah dia tentang pekerja. Dia tentang kesatuan. Apa!–Hendak mencarut tidak boleh.

Jadi, kita ini *backbenchers*. Jadi, kita kata tidak berkemanusiawi dan masih menentang hak kesatuan, menggunakan wang berjuta ringgit dan berjuta ringgit syarikat, proses pengiktirafan Kementerian Sumber Manusia ke atas NUFAM. Mengapa sebuah syarikat GLC diberi kelonggaran oleh pihak kerajaan dan harap kerajaan Pakatan Harapan memberi sedikit keyakinan kepada mereka.

#### ■1550

Saya terus melanggar isu kes pekerja, kes PERWAJA dan Megasteel. Saya telah rujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum pilihan raya. Kes ini kes pengkhianatan dan kezaliman. Mereka dibuang tanpa memberi pampasan, segala bentuk potongan tidak dibuat dalam EPF, SOCSO dan juga potongan-potongan insurans. Dikutip gaji mereka, tidak dibayar gaji mereka dan ini tidak boleh dikompromikan. Sebagai Kerajaan Pakatan Harapan, kita berpegang pada prinsip tidak ada kezaliman, kita saksamakan semua rakyat Malaysia dan kita hendak angkat kedudukan rakyat.

Maka, saya hendak sarankan pada kementerian, harus rujuk kembali kes PERWAJA dan Megasteel yang pada dua, tiga tahun yang lalu, telah dibuang beramai-ramai dan pampasan mereka tidak dapat sampai ke hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Kewangan, mainlah

peranan, sifatlah keadilan, tonjolkan kewibawaan sebenar dalam kita menzahirkan kepada rakyat, kita Kerajaan Pakatan Harapan.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Nombor dua, Pindaan Akta Kerja 1955...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Minta laluan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa minta laluan. Tidak mahu bagi?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan yang mana saya telah pun berkali-kali bicara soal tentang Akta Kerja 1955 di bawah seksyen 37. 37 juga. Ini Peraturan 37, saya tidak benarkan- 37.

Akta Kerja 1955...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sikit saja Yang Berhormat, lima saat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Menegaskan bahawa cuti wanita, kaum ibu, lahir, bersalin adalah tiga bulan iaitu 90 hari. Sehari ini saya tidak lihat pindaan itu dibuat. Maka, Tuan Yang di-Pertua arif soal ini. Kalau Parlimen telah pun mengumumkan, pindaan itu wajib disegerakan. Di sana, di luar sana syarikat masih tidak mahu mengikut arahan kerana akta ini tidak dirubah. Kita belanjakan berjuta untuk kita dapatkan *concessor* dalam segi dasar kerangka roh ILO itu, *International Labor Organization* diberikan kedudukan, perhatian menyamai untuk kita *apply* IPP- bukan, *sorry*. Apa nama ini- TTTPA yang mana kita sudah bersetuju, kita belanja berjuta tetapi saya tidak tengok pindaan sampai ke hari ini.

Maka yang demikian, saya menyarankan kepada kerajaan hari ini, pakatan yang sentiasa ada harapan supaya pindaan akta ini tidak boleh dilewatkan. Rakyat di luar sana, ibu-ibu yang bersalin masih dalam keadaan yang terpinga-pinga. Adakah mereka mendapat 60 hari ataupun mereka dapat 90 hari? Saya telah bicara lebih awal daripada proses Dewan yang lalu dan saya tidak nampak lagi pindaan itu di atas meja saya. Begitu juga dengan pekerja asing.

Nombor tiga - pekerja asing. Hari ini pekerja asing diramalkan dalam *total* lebih kurang dalam 1.7 juta. Saya tengok daripada pengangguran ataupun yang tidak bekerja, berjumlah lebih kurang dalam 511,000 orang. Ini juga memberikan satu isyarat bahawa

segerakan TVET, pastikan mereka yang jadi penganggur itu dapat peluang pekerjaan dalam *skill* mereka sendiri, dalam kebolehan deskripsi mereka sendiri.

Maka, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya sektor-sektor yang bagi keluasan pada hari ini seperti sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan, kalau boleh berilah peluang kepada pekerja tempatan. Oleh kerana kita tidak mahu anak mati kelaparan, kera kita susukan di hutan. Ini tidak boleh berlaku. Saya mohon Kementerian Sumber Manusia supaya mengkaji, mencari *solution* bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah 511,000 orang ini tidak menjadi sengsara dalam negara yang dianggap sumber yang cukup mewah dan kaya.

Begitu juga nombor empat, saya ingin menyinggung tadi isu JTK. Kita bercakap tentang statistik yang saya dapat 1.274 juta, 723 syarikat yang menjadi *monitoring* ataupun yang dikawal selia oleh JTK. Ini Yang Berhormat Pokok Sena ada, jadi Yang Berhormat Pokok Sena kena ambil *point* ini untuk saya pastikan bahawa sebelum Dewan ini bubar pada PRU13 yang lepas, kita telah pun bersetuju untuk mengumpulkan 400 tambahan pegawai inspektor yang dipanggil *labor inspector*, pegawai siasatan ini yang saya lihat hari ini mengawal 1.2 juta, 400 orang, Tuan Yang di-Pertua. *Convention ILO*, dua tahun sebagai syarat wajib, kita tujuh tahun pun tidak dapat menyiasat kembali atas laporan awal.

Maka, kita sebenarnya berada jauh ke belakang. Oleh sebab itu, saya cadangkan sekali lagi, JTK bertanggungjawab dalam 12 akta. Oh, dahsyat Tuan Yang di-Pertua. Ada 12 akta, pekerja 400 orang, hendak jaga 1.2 juta, rasional lah sedikit. Sebelum ini tidak apa, kita anggap mereka tidak mahu melihat pegawai-pegawai itu bekerja mengikut kemampuan. Akan tetapi hari ini, kita Pakatan Harapan, harapan rakyat, termasuk mereka yang menjadi penentu kepada sistem yang ada, mereka juga perlu diberikan penyelesaian. Maka, dengan tegas saya menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia, walaupun Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya diberitahu MOF dan juga JPA tolak. Oleh sebab dia kata ini kementerian yang tidak ada sumber. Memanglah tidak ada sumber tetapi kita hendak pekerja efisien, menjaga hak, memastikan bahawa semua rakyat akan diangkat keadilannya. Maka, saya cadangkan tidak boleh dikompromikan. Ayuh Kementerian Sumber Manusia, ini waktu yang membuktikan bahawa kita berbeda.

Maka, isu yang terakhir dalam kawasan Kapar, Tuan Yang di-Pertua, lima minit waktu yang paling emas bagi saya. Pertama, saya hendak bicarakan soal hospital. Hospital di Kapar tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Hendak pergi ke Klang, Klang ya *Allah*, *jammed* teruk. Kemudian bila hendak jalan pula, ya *Allah* sendat, yang sakit pun,

kemungkinan hendak melahirkan anak, sudah terlahir dalam ambulan. Itu yang berlaku di Kapar. Saya hendak sarankan kepada Kementerian Kesihatan, dengan jelas dan terang, Kapar amat memerlukan hospital. Hospital ini adalah keperluan yang tidak boleh kita nafikan. Maka yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan jangan tinggalkan Bajet 2019 ini, Hospital Kapar menjadi kenyataan didirikan.

Begitu juga dengan jalan raya Klang. Ini Jabatan Kerja Raya, pastikan jalan Klang, Meru dan Kapar. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Kapar, pergi ke jalan Klang, tidak payah *massage* balik rumah, sudah *massage* sudah... [*Menunjuk aksi jalan bergegar*] Sampaikan saya sendiri pun sentiasa segar dan sakit. Oleh kerana apa? Tidak ada jalan yang mampu saya katakan 'jalan' waktu moden ini. Maka, saya cadangkan kepada Kementerian Kerja Raya supaya pastikan dalam bajet ini, Klang ke Meru ke Kapar, jalan utama, *main road*, mesti wajib dinaiktarafkan dan dibesarkan. Jangan sengsara lagi penduduk Kapar. Saya mohon Kementerian- JKR ambil *note* dalam soal ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ambil pendekatan sekolah pelajaran. Saya hendak beritahu dengan Menteri Pelajaran, sekolah di Meru, di Kapar, 1 kelas sampai 40 lebih, 50 lebih, murid padat, sekolah lama, sekolah bangunan lama, tidak boleh pakai di Batu 6, Sementa. Begitu juga di Kampung Jawa, sekolah buruk, anak belajar dengan begitu padat. Saya mohon sekolah-sekolah bawah Kementerian Pelajaran harus mengambil iktibar, menengok sendiri, melihat aduan daripada kesatuan, daripada sekolah-sekolah di Kapar supaya naik taraf, beri *fasiliti* dan *privilage*, dengan izin, supaya anak murid dapat pelajaran dalam keadaan selesa. Maka, *insya-Allah* mereka akan menjadi insan madani.

Keempat, IPD Klang Utama Tuan Yang di-Pertua. Balai Polis IPD rumah kedai, hendak pergi penjara - belah sana, hendak pergi buat laporan - belah sana. Saya kata, "Apa ini?". Tidak ada kah tanah untuk didirikan? Ini Menteri Dalam Negeri, mereka sekarang ini- tidak apa, Timbalan Menteri, dia ada.

#### ■1600

Saya hendak beritahu bahawa ini bukan cara untuk kita berdepan dengan soal keselamatan. Polis juga harus diberikan keutamaan.

Akhir bicara saya yang tidak pernah saya lekang daripada isu semasa iaitu anggota-anggota penjara. Penjara adalah tempat terakhir hukuman setelah mahkamah. Dilonggokkan segala macam manusia di sana tetapi anggota penjara tidak dilihat, tidak diberikan keselesaan dalam penggajian mereka.

Maka yang demikian, Timbalan Yang di-Pertua sudah masuk. Jadi saya ada setengah jam lagi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi saya mengambil ini untuk menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri walaupun saya tidak pernah sepi dan saya tidak pernah terlepas isu untuk mengangkat kedudukan anggota-anggota penjara, selamat datang Timbalan Yang di-Pertua, *I got half an hour... [Rakaman tidak jelas]*

Jadi saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Satu minit lagi.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** 10 minit lagi, cantik Timbalan Yang di-Pertua.

Jadi saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa anggota-anggota penjara tidak boleh dilepas pandang. Mereka harus diberikan sedikit keselesaan. Kalau tidak pun biarlah setaraf dengan anggota-anggota polis. Sekurang-kurangnya mereka tidak terbeku ataupun tidak dalam kelompok dalam situasi keluarga penjara yang melayani setiap penjenayah dan sebagainya di hukum tetapi juga mereka mendapat inisiatif atas tugas berat yang mereka lakukan. Kalau hendak dideskripsikan tugas mereka sampai pagi pun tidak habis- Dato, *insya-Allah*, Dato lah itu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya melihat bahawa deskripsi kerja mereka ini amat membebankan dan mereka wajib diberi gaji yang sesuai dengan tanggungjawabnya. Ini kita jangan biarkan kesengsaraan anggota tentera dilepaskan sebegitu. Saya mohon Menteri Dalam Negeri ambil peranan utama untuk melihat semua sudut di bawah deskripsi mereka.

Akhir bicara Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas tekun mendengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Suara lantang yang sentiasa berkumandang di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat dari kawasan Santubong. Dipersilakan.

#### **4.03 ptg**

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Selepas Yang Berhormat tadi, saya nampak *very mild and very soft*. Akan tetapi, itulah orang Sarawak Yang Berhormat. Jadi saya bukan

sahaja mencerminkan sikap saya sendiri tetapi untuk mencerminkan sikap keseluruhannya masyarakat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan satu perkara dahulu supaya kita boleh melihat apakah yang saya bincang selepas itu ada hubung kait dengan apa yang saya sebut ini nanti. Ini bahawa saya ingin memperjelaskan satu perkara masih ada selepas beberapa puluh tahun Malaysia ditubuhkan orang bertanya kepada saya, '*saudara ini daripada Sarawak, kami di Malaysia ini macam ini, macam ini,*' saya masih rasa tersinggung apabila perkara ini berlaku.

Nampaknya banyak kebodohan masyarakat bahawa termasuk wakil-wakil rakyat yang sini Malaysia, yang sana Sarawak dan Sabah. Sepatutnya berpuluh tahun sudah kita sudah menjadi satu negara Malaysia kita tidak lupa benda ini sedemikian. Walaupun kecil kepada orang Sarawak, yang kecil itu jangan longgok jadi bukit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesan daripada itu maknanya masih banyak lagi orang tidak mengetahui bahawa Malaysia ini mempunyai kawasannya seluas 330,803 *square kilometer* dan Semenanjung Malaysia 132,726 *square kilometer*. Di Sarawak 124,451 *square kilometer*. Maknanya Sarawak itu hampir sama luas dengan Semenanjung dan ia mempunyai kekayaan yang luar biasa.

Jadi daripada sudut itu kita kena lihat apabila Sarawak bersetuju menjadi sebahagian daripada negara ini dan menubuhkan negara Malaysia pada tahun 1963 bukan untuk menjadi miskin, bukan untuk menjadi jauh di belakang, bukan untuk menjadi negeri mundur dan bukan untuk tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang sewajarnya daripada Kerajaan Pusat.

Jadi dalam keadaan sedemikian, Sarawak bersetuju dengan hakikat apa yang dijanjikan pada zaman itu tahun 1963 kita realisasikan ke zaman ini. Akan tetapi, malang sekali walaupun Sarawak sebesar itu, seluas itu- cakap orang Sarawak guna perkataan besar, istilah Sarawak ini jangan diubah. Kalau tidak faham tanya dengan saya. Walaupun Sarawak sebesar itu tetapi dia mempunyai kekayaan.

Kekayaan Sarawak yang pertama yang kita ketahui ialah hutannya. Kedua, minyaknya. Saya dimaklumkan 50 peratus daripada *revenue* Malaysia adalah daripada Petronas, minyak dari Sarawak. Akan tetapi, malang sekali sebahagian kecil sahaja dihantar ke Sarawak untuk membangun Sarawak. Padahal hakikat sebenar apabila kita menjadi satu negara dahulu ialah untuk menyelaraskan kekayaan kita menggunakan dan membangunkan tempat-tempat yang tidak terbangun, Sarawak, Sabah bahkan juga Kelantan.

Jadi dalam keadaan sedemikian kita cuba menerima hakikat orang Sarawak ini dia- ada seorang penulis buku mengatakan *hunters is always very patient*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak bagi penjelasan dalam buku peraturan kita itu tidak payah sebut Timbalan Yang di-Pertua ini, sebut Tuan Yang di-Pertua sudah cukup sebab peraturan itu mengatakan *Speaker and Deputy Speaker* itu sama, Menteri dan Timbalan Menteri itu sama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memperingatkan bahawa tugas dan tanggungjawab Kerajaan Pusat perlu merealisasikan impian rakyat Sarawak. Kita memahami bahawa peringkat awal Malaysia daripada tahun 1963 sehingga ke tahun 1980-an kerajaan tidak begitu berkemampuan. Kita faham, kita menerima hakikat.

Akan tetapi, selepas tahun 1990-an bahawa keghairahan untuk membangun Kuala Lumpur buatlah *Twin Tower* sepatutnya ada orang Sarawak kata satu *Twin Tower* itu patut dihantar ke Sarawak, yang satu sahaja itu tinggal di Kuala Lumpur... [Tepuk]

Akan tetapi, saya kata saya tidak perlu, tidak mahulah satu *Twin Tower* itu dihantar ke Sarawak sebabnya ia kosong. Lubok Antu nanti tidak ada hantu lagi semua pindah ke situ sebab tidak cukup penghuni di tempat itu. Saya tidak mahu. Akan tetapi, kalau dapat sewa-sewa daripada *Twin Tower* itu satu dia hantar ke Sarawak sebab sebahagian daripada kami punya.

Jadi ini bukan percakapan yang perlu. Sebenarnya realiti. Rakyat Sarawak kata sepatutnya yang satu itu bagi kepada kita...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu, mohon mencelah?

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tunggu kejam, saya ada setengah jam sahaja ini. Minta maaf.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, tidak apa.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya tidak hendak sebutlah 37 macam Yang Berhormat Kapar tadi. Akan tetapi yang kedua kita buat Sepang punya *circuit*. Pada kita itu mewah sahaja, sekarang tidak berjalan lagilah. Selepas itu kita buat lagi Putrajaya- indah. Saya menyokong dulu semasa ia dibina.

Contoh macam di Brasilia, kita buat ibu pentadbiran baru, Kuala Lumpur sudah begitu padat dan kita buat Putrajaya, saya setuju.

■1610

Akan tetapi jangan lupa Sarawak, jangan lupa Sabah. Kenapa duit Petronas dibuat *Twin Tower* lah, buat *Selangor Circuit* lah, buat KLIA lah, buat Putrajaya lah tetapi

Petrajaya tidak buat? Petrajaya ini di Sarawak. Jadi dari situ saya hendak sebutlah sedikit keluasan Sarawak itu tidak mampu negeri Sarawak itu buat sendiri sebab hasil mahsulnya telah banyak dibawa ke pusat. Orang di sini patut terima kasih kepada kita, Sarawak. [Tepuk]

Jadi pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, *mean household income* kita masih di bawah *the national average* yang mana kita mempunyai RM5,389 sementara *national general income* ialah RM6,958. Jadi, dengan sendirinya menunjukkan bahawa kita masih jauh perbezaan. Daripada itu pula, yang *urban and rural* di Sarawak itu jauh perbezaan hampir RM2,000 lebih. RM6,548 di *urban centre* tetapi RM3,695 di *rural area*. Itu kawasan-kawasan kita di semua *rural* ini semua. Tanya dengan sini semua— *rural*. Tetapi tidak ada pembelaan yang secara holistik untuk membangun dan membantu mereka ini.

Rakyat kita akan meningkat. Sekarang hanya 2.8 *million* dan akan meningkat, *insya-Allah*, pada tahun 2020 mengikut jangkannya kepada 3.3 *million* di Sarawak. Jadi kalau kita hendak berangan-angan orang Sarawak merancang untuk menjadi *developed state* dan juga mempunyai *high income*, kita punya *per capita income* mesti sampai ke RM65,000 yang mana sekarang RM50,000 sahaja, kalau tidak ada bantuan dan sumbangan yang secara holistik untuk membantu pembangunan di negeri Sarawak.

Akhirnya, bukan kita salahkan masyarakat di Semenanjung sebabnya apabila Semenanjung berlari, kita pun berlari juga. Akan tetapi lari kita sama— lari manusia ini kurang lebih sahaja sebab kita bukan *champion* daripada Olimpik. Jadi kita semua berlari macam sama. Jadi *the gap* di antara Sarawak dan Semenanjung itu akan terus membuka atau jurang *gap* dia— pembangunan dia. Jadi oleh yang demikian—

Ini dilihat, Tuan Yang di-Pertua. Apabila perlembagaan dibuat pada tahun 1963, ia dilihat dan itulah kenapa ada *provisions* yang tertentu. Dengan izin, saya guna bahasa Inggeris sedikit. Ada *provision* tertentu di dalam *Constitution* ataupun Perlembagaan Malaysia memberi ruang dan peluang secara *constitutional* supaya Kerajaan Pusat memberi sumbangan yang *over and above*, dengan izin, yang diberi kepada negeri-negeri di Semenanjung.

Hal ini kerana— contoh saya beri. Kalau orang hendak buat ECRL lah contohnya kita nak laksanakan, ataupun HSR, ini akan menerusi Johor, Melaka, Selangor begitu juga kalau ke *East Coast* menerusi Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Akan tetapi jalan *federal* ini tidak boleh sampai ke Sarawak melainkan memang ada peruntukan untuk Sarawak khusus ataupun untuk Sabah khusus. Saya dah sentuhlah Sabah itu. Jadi itu juga kenapa dalam Perlembagaan, orang yang mendraf *the*

*Constitution* itu melihat perkara ini supaya mengkoordinasi *growth* atau pembangunan infrastruktur itu diselaraskan, dibuat dan *additional provision* dibuat.

Contoh di sini kalau kita lihat, Sarawak— itu sebab saya sebut berapa luas Sarawak tadi, berapa luas Semenanjung. Semenanjung dengan Sabah 73,000 *square kilometers*. Sarawak hanya mempunyai 35,517 kilometer jalan sahaja. Sementara seluruh Semenanjung atau *West Malaysia* mempunyai 177,569 kilometer iaitu hampir lima kali ganda lebih banyak jalan-jalan di Semenanjung dibandingkan dengan Sarawak.

Jadi begitulah keseluruhannya daripada sudut kemiskinannya, Sarawak masih yang tertinggi. Sebab-sebabnya ialah oleh sebab prasarana infrastruktur kita belum mencukupi sama ada jalan dia yang akan mencetuskan pembangunan ekonomi di luar bandar belum lagi rata-rata dibuat.

Jadi saya hendak tanyalah soalan Pan Borneo yang kita harap sebagai *game changer* di Sarawak, kerajaan teruskan kah ataupun macam mana? Pada orang Sarawak, kalau tidak teruskan Pan Borneo, itu mencari permusuhan dengan orang Sarawak secara *financial* kerana itulah yang boleh mencetuskan ekonomi di luar bandar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga perkara-perkara lain saya hendak sebutkan. Sarawak berhasrat untuk menjadi negara maju dan *high income state* pada tahun 2030 iaitu 12 tahun lagi. Kita perlukan RM150 bilion. Tidak banyak sebenarnya ini. Tanya dengan Petronas, pejam mata Petronas boleh keluar duit ini. Akan tetapi janganlah buat Twin Tower sana sini lagi, hendak buat *tower* tinggi lagi dan lupa negeri Sarawak padahal perut bumi Sarawak digali diambil minyak.

Kita hendak untuk jalan dan jambatan RM51 bilion. *Human capital development education* RM33 bilion. *Water supply* kita masih jauh di belakang. Masih banyak di luar bandar Sarawak masih tidak dapat *fresh water supply*. Pembangunan pertanian kita perlu hampir RM10 bilion. *Industrial development* kita perlu RM9 bilion. *Electricity supply* yang masih lagi menghantui masyarakat di negeri Sarawak termasuk beribu sekolah yang belum dapat *electricity* lagi, kita perlu RM7 bilion. *Transport* dan logistik kita perlu RM6 bilion. *Medical facilities, hospital*—

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh soalan hospital sedikit. Kalau kita lihat soalan hospital ini, program dahulu ada dibuat Klinik 1Malaysia. Saya tidak setuju Klinik 1Malaysia itu dahulu— konsep dia. Saya setuju klinik itu tetapi saya tidak setuju dengan metodologi yang *diadopt*. Sebabnya, Klinik 1Malaysia itu *serve* di *urban centre* tetapi di *rural area* tidak ada kedai, tidak ada rumah hendak disewa, klinik itu tidak buat. Jadi orang Sarawak, orang Sabah teraniayalah oleh sebab itu. Jadi kita buat bantahan. Saya

hantar surat dua tiga kali, saya kata buatlah nama lain. Nama itu pun boleh pakai tetapi sistem dia mesti dapat diguna pakai juga di Sarawak, Sabah ataupun di *rural area* yang tidak ada kedai untuk disewa.

Jadi untuk *housing*, kita perlukan RM36 bilion. Untuk membangunkan *digital facilities* kita di seluruh Sarawak, bukan sahaja soalan *agriculture, e-commerce, government* dan industri, kita hendak ini dibangunkan selaras dengan apa yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan seluruh dunia, ini kita perlu RM10...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Di mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, ada yang minta pencelahan.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Oh? Bagilah orang Sarawak. Kalau tidak, dia pukul belakang nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, dipersilakan.

#### ■1620

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Yang Berhormat sebab saya takut Yang Berhormat bercakap kepada sektor lain. Ini sebab tadi Yang Berhormat ada menyentuh mengenai dari segi pembangunan di negeri Sarawak. Kalau kita rujuk kepada *Federal Constitution*, dengan izin iaitu Artikel 112D di mana kalau ada diperuntukkan di bawah sana di mana kita boleh iaitu diadakan *financial review*, dengan izin. Kalau dilihat kepada apa yang telah diputuskan sebelum ini, saya sebelum ini semasa menjadi *Cabinet Members*, saya adalah salah seorang daripada Menteri yang bertanggungjawab untuk *devolution of power* untuk negeri Sarawak. Jadi sebab itu, kita telah membincangkan mengenai bagaimana *Federal Government* dengan *state government* telah bersetuju untuk mengadakan *financial review* di bawah Artikel 11D di bawah *Federal Constitution*.

Jadi saya hendak tahu Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat Santubong boleh membawa perkara ini juga di bawah ucapan Yang Berhormat untuk ditanya kepada kerajaan sama ada mereka hendak meneruskan ini juga. Selain Yang Berhormat sendiri Yang Berhormat Santubong tadi telah menyentuh bagaimana negeri Sarawak di mana perutnya diambil dan yang lain, orang lain yang dapat menikmati apa yang telah diperolehi daripada negeri Sarawak. Akan tetapi Sarawak sendiri kemunduran. Jadi kita telah menjadi mangsa kepada rakyat kita sendiri yang marah kerana kita tidak membangunkan negeri sendiri.

Akan tetapi kita sendiri menyedari bahawa negeri kita begitu besar sekali tetapi perolehan kita tidak mencukupi untuk kita membangunkan negeri kita sendiri. Mungkin Yang Berhormat Santubong boleh menyarankan ataupun membawa kepada seperti apa yang di hujah pada hari ini, boleh dimasukkan sekali untuk memastikan bahawa Kerajaan Persekutuan hari ini akan meneruskan agenda untuk mengadakan *financial review*, dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tadi *under* kerangka besar satu sejarah. Kedua dia punya *geographical make up* Sarawak *in relation to* Semenanjung dan selepas itu saya ada mengatakan *the need* untuk 12 tahun hingga 2030.

Jadi, apabila saya sudah beri gambaran ini, baru saya hendak sebut soalan apa langkah-langkah yang kita hendak ambil. Itulah kenapa maka Kerajaan Barisan Nasional di bawah Dato' Sri Najib dahulu bersetuju untuk *devolution of power* ini iaitu apa kekurangan, apa hak-hak Sarawak sama *advertently* atau *inadvertently*, dengan izin telah diambil oleh pihak Pusat, diberi balik kepada Sarawak. Peringkat perbincangan ini telah dibuat semenjak bulan Februari tahun 2016.

Banyak kemajuan telah dicapai. Yang Berhormat daripada Batang Sadong sendiri mempengerusinya bersama jawatankuasa ini telah membuat pencapaian secara *administrative* pada 13 perkara. Saya tidak buang masa lah untuk hendak baca semua 13 perkara yang telah dipersetujui. Akan tetapi yang penting di sini dari sudut *finance* dan kewangan iaitu apa Yang Berhormat daripada Batang Sadong sebut tadi iaitu di bawah Artikel 112D dan juga di bawah akta. Di bawah 112D ini memang ada *review*, tetapi malangnya *review* ini telah tidak dibuat, telah tidak dibuat berapa lama daripada tahun 80-an lagi, 70-an lagi tidak dibuat.

Jadi kita minta ia dibuat *review* ini supaya hasil daripada pendapatan itu nanti kerana kos yang diberi *the last one* yang kita dapat daripada tahun 1968 adalah RM16 juta, kecil sahaja, RM16 juta. Akan tetapi daripada sudut pembangunan *requirement* sekarang ialah sudah meningkat kepada 1,000 lebih peratus. Jadi dengan sendirinya kos ini juga dinaikkan secara relatif kepada *requirement* pembangunan itu sendiri. Dengan keadaan sedemikian, maka secara prinsipnya, Kerajaan Pusat telah bersetuju semasa Kerajaan Barisan Nasional dahulu kepada prinsip yang dibawa di bawah Perlembagaan ini.

Saya balik kepada apa yang disebutkan tadi mengatakan kita kena akur dengan Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan Pusat akur kepada

Perlembagaan, melihat keperluan-keperluan kewangan ini, perlu diberi balik kepada negeri Sarawak.

Kedua, apabila akta iaitu ASEAN Tariff Agreement dilaksanakan pada tahun 1991 dan mengambil kesannya 1991. Semenjak itu pendapatan daripada cukai eksais duti petroleum produk telah menurun, yang sepatutnya kita menerima kalau tidak ada akta, kita patut menerima RM2.8 bilion tetapi selepas akta, kita hanya menerima RM1.6 bilion. Jadi janjinya ialah sebab ini mengurangkan pendapatan Sarawak. Kenapa Sarawak tidak diganti rugi oleh sebab akta itu dipersetujui oleh Kerajaan Pusat. Semasa Kerajaan Pusat membuat persetujuan perbincangan perniagaan kawasan ASEAN ini, ganti rugi kepada kehilangan Sarawak itu tidak diambil kira, sepatutnya diganti semenjak 1991. Jadi saya juga bertanya dan bermohon kepada pihak Kerajaan Pusat supaya ini tidak dilupakan oleh Kerajaan Pusat.

Cari cara dia macam mana hendak bagi sumbangan kerana kita hendak *achieve the developed-nation status* juga pada tahun 2030 itu. Kita bukan tahun 2020, 2030, bagi peluang lagi dengan Kerajaan Pusat. Sebabnya kita realistik. Orang Sarawak ini baik hati. Kita realistik walaupun perut bumi kita digali, walaupun minyak kita diambil, kita masih baik hati. Kita bagi peluang kepada 2030 supaya Kerajaan Pusat memberi balik kehilangan daripada tidak ada *review* di bawah Artikel 112D dan juga tangani AFTA dengan seluruh ASEAN itu yang menghilangkan kebolehan Sarawak, sumber kewangan daripada negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri hendak menyentuh sedikit perkara iaitu berhubung dengan Petronas. Kita hendak mengambil alih kuasa untuk *licensing* dan sebagainya, semua kita punya sumber asli. Sebenarnya, sumber asli ini kepunyaan negeri. Tanyalah mana-mana negeri. Saya bekas Menteri Sumber Asli dulu. Itu saya tahu tetapi minyak ini di *cap out*, diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah *Petroleum Act* itu. Dengan sendirinya, bahawa minyak itu juga diletak di situlah kita nampaknya kehilangan. Akan tetapi orang Sarawak percaya bahawa ini salah sebabnya di Sarawak, undang-undang ini tidak terpakai kerana undang-undang ini kena dibaca bersama dengan beberapa undang-undang lain iaitu dibaca bersama dengan undang-undang *Petroleum Mining Act 1966*, *Federal Continental Shelf Act 1966* yang dipinda dan *Emergency Ordinance 1969*, *Petroleum Development Act 1966* ini terpaksa dibaca bersama, baru kita melihat gambaran sebenar.

Bahkan ada orang menyentuh mengatakan bahawa UNCLOS ataupun *United Nations Convention on the Law of the Sea*, apabila konvensyen itu ditandatangani oleh negara Malaysia bahawa kita menguncupkan *boundary* Sarawak itu sendiri iaitu kepada

daripada yang asal diisytiharkan di bawah *Continental Shelf Declaration* dibuat oleh *Queen Elizabeth* pada tahun 1958 yang masih diguna pakai di Sarawak.

■1630

Apabila PDA digubal, tidak adapun pindaan ataupun *repeal* kepada akta-akta ini. Tidak ada, kalau undang-undang lain dia kata kalau macam umpama contoh 1993, apabila kuasa memberi lesen kepada *gambling* dibuat di negeri Sarawak, tiga *ordinances* Sarawak *direpeal* untuk memindahkan kuasa kepada Pusat supaya Pusat mempunyai hak *absolute* memberi lesen perjudian. Disebut dalam akta itu sendiri mengatakan bahawa *three ordinances gambling* Sarawak *direpeal*. Akan tetapi di bawah PDA tidak ada. Maknanya hakikat sebenarnya, PDA ini masih mengiktiraf bahawa Undang-undang Sarawak, Undang-undang *Mining* Sarawak, Undang-undang *Land Code* Sarawak yang terpakai untuk semua jajahan tanah bawah Sarawak itu di bawah kuasa negeri Sarawak.

Jadi dalam keadaan sedemikian, bukan hal *resources* tetapi soalan *licensing*. Ini dua perkara. *Resources* itu lain, *licensing* itu lain. Soalan *licensing*nya masih di tangan negeri Sarawak. *Insyallah* Kerajaan Negeri Sarawak akan melaksanakan *licensing* ini mungkin dapat sedikit sumber kewangan daripada situ untuk melaksanakan agenda Sarawak tadi yang saya sebut, yang kita hendak jadi negeri maju juga tahun 2030 itu. Walau di belakang sikit, kemudian sikit banding dengan Semenanjung, kita hendak jadi negeri maju juga. Jadi dalam keadaan demikian, penglibatan negeri Sarawak juga kita ambil kira. Pembangunan, *petroleum and gas industry* di Sarawak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin Kerajaan Pusat di bawah Kerajaan Pakatan Harapan ini, janganlah *do anything less than what* Barisan Nasional *have done*. Kalau *you* buat *anything less than what* Barisan Nasional *have done*, makna *you* sudah tidak pakai, *you must do a lot more to convince a Sarawakian*, dengan izin, *that you can do better*.

Bukan sahaja daripada sudut– saya tidak sebut manifesto, saya tidak sebut. Saya tidak hendak sebut manifesto. Apa hak kita di bawah Perlembagaan, apa hak kita di bawah *Agreement 1963*– sudah habiskah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Menggulunglah, menggulung.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Satu minit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Hendak yang gulung ini. Hak kita di bawah Perlembagaan, hak kita di bawah *Agreement 1963*, hak kita di bawah *Intergovernmental Agreement* itu hendaklah direalisasikan. Kalau Barisan Nasional semenjak tahun 2017 boleh berjanji buat *devolution of power*, kenapa pula Pakatan Harapan yang membuat janji bulan dan bintang, tidak boleh melaksanakan jauh lebih baik daripada itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai dalam perbahasan titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan kali ini adalah persidangan pertama selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Rakyat Malaysia telah mencatatkan satu sejarah yang mana suatu perubahan pentadbiran dan peralihan kuasa telah pun berlaku pada Pilihan Raya Umum ke-14 tersebut. Ini sejurusnya telah mengelakkan Malaysia daripada terus digelar sebagai satu negara kleptokrasi sedunia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakyat Malaysia yang telah pun mencipta sejarah dan yang telah pun membuat satu keputusan yang begitu berani dan bijak. Kepada pengundi-pengundi saya di kawasan Ipoh Timur yang telah pun memberikan mandat kepada saya untuk mewakili Ipoh Timur di Dewan yang mulia ini untuk lima tahun yang akan datang, menunaikan tanggungjawab patriotik impian Malaysia bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur kerana dapat bersama-sama dengan rakan sejawat dan seperjuangan saya yang duduk di Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita. Tanggungjawab kita dalam lima tahun yang akan datang ini bukan sahaja sebagai penggubal undang-undang *per say, legislature per say* dengan izin. Akan tetapi kita juga memikul satu tanggungjawab patriotik kepada negara kita demi suatu impian Malaysia bersama.

Malaysia telah digelar sebagai satu negara kleptokrasi sedunia sejak dua tahun yang lepas. Bermula dengan tindakan oleh *US Department of Justice (DoJ)* untuk menyita harta bernilai lebih daripada USD1 bilion di United States, UK dan Switzerland yang bersangkutan paut dengan skandal 1MDB. Sejak hari itulah nama Malaysia bukan

sahaja di cemar, tetapi telah dirosakkan in total bukan kerana tindakan yang diambil oleh DoJ semata-mata tetapi adalah disebabkan oleh penafian dan pemalsuan semata-mata yang berterusan daripada ahli-ahli kerajaan pada ketika itu yang gagal untuk melaksanakan tanggungjawab patriotik mereka. Sejurusnya turut membenarkan skandal 1MDB perlanjutan melanda pentadbiran, ekonomi dan imej negara.

Walaupun kita sekarang ada dengar suara-suara yang menyatakan bahawa ada kekesalan kerana tidak berterus-terang dengan pimpinan kerajaan pada ketika dahulu dan juga ada pengakuan secara terbuka bahawa punca kekalahan kerajaan sebelum ini adalah kerana sikap menidakkan pelbagai skandal terutamanya 1MDB, akan tetapi jelas kesemuanya ini sudah terlambat dan kerosakan telah terjadi terhadap tanah tumpahan darah kita ini. *The damage is done*, dengan izin.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ya, sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya tertarik dengan perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat berkenaan dengan Peguam Negara kita di mana kita lihat terdapat laporan baru-baru ini daripada Kerajaan Switzerland mengatakan bahawa Peguam Negara enggan memberi kerjasama kepada permohonan bantuan daripada Kerajaan Switzerland untuk menyiasat skandal 1MDB.

Kita juga maklum umum mengetahui bahawa keterangan-keterangan yang begitu jelas yang telah dikemukakan oleh pihak yang menyiasat walaupun terdapat keterangan-keterangan tersebut, pihak Peguam Negara yang lama bukan Peguam Negara yang sekarang, telah mengeluarkan kenyataan bahawa tidak ada sebarang keterangan yang boleh membawa kepada pertuduhan terhadap pihak-pihak yang terlibat. Apakah pendapat Yang Berhormat berkenaan dengan isu ini? Sama ada Peguam Negara kita ataupun Peguam Negara yang lama, Apandi Ali juga patut diambil tindakan yang tegas supaya amanah yang diserahkan kepada Peguam-peguam Negara tidak disalahgunakan.

Kita lihat juga bahawa, kita mengetahui bahawa baru mendapat tahu bahawa Peguam Negara ini, yang lama telah ditawarkan untuk menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih pendapat dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Jelutong.

Berkenaan dengan satu usaha pembaharuan institusi yang mana untuk memastikan bahawa Jabatan– *the AG Chambers* dengan izin, Jabatan Peguam Negara adalah adil dan saksama akan dihuraikan dalam perbahasan saya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada hari ini harus mengambil iktibar daripada perkara dan pengalaman sedemikian dan tidak membenarkan diri untuk terperangkap dengan sikap penafian dan pembisuan yang sama, yang mana akan membawa kemudaratan kepada negara. Selaku Ahli-ahli Dewan, setiap kita adalah memikul satu tanggungjawab yang sangat besar, satu tanggungjawab patriotik bukan sahaja untuk membersihkan nama negara kita daripada situasi kleptokrasi sedunia tetapi juga untuk membina semula negara yang bersatu padu, demokratik, adil dan merealisasikan impian Malaysia sebagai satu negara kelas pertama untuk 50 tahun yang akan datang.

#### ■1640

Tuan Yang di-Pertua, perubahan dan peralihan kuasa yang dicapai pada 9 Mei 2018 tidak akan membawa satu makna yang besar sekiranya tidak didukung ataupun disusuli dengan pembaharuan institusi atau *the institutional reform*, dengan izin. Kita akan mengalami kegagalan sekiranya pembaharuan institusi ini tidak dilaksanakan dengan membina dan memenuhi harapan rakyat demi membawa satu perubahan yang bermakna untuk kehidupan mereka.

Kita boleh mengambil langkah pertama pembaharuan dengan memulihkan kemerdekaan dan kecekapan institusi kerajaan yang telah pun dirosakkan dan juga dicemari oleh kesilapan terdahulu. Sebagai contoh *dignity* parlimen ini, Dewan Rakyat yang sepatutnya menjadi satu medan pertanyaan dan satu medan perbahasan untuk mencari kebenaran telah pun dicemari apabila kesemua persoalan berkenaan dengan 1MDB ditolak dan perbahasan usul untuk isu-isu berkenaan dilarang. Sedangkan pada masa yang sama *House of Commons* di United Kingdom, Parlimen di Switzerland telah pun membenarkan Ahli-ahli Parlimen mereka membahaskan isu 1MDB. Segala pembisuan ini pada masa itu adalah bertujuan semata-mata untuk melindungi kerajaan pada masa tersebut tetapi selanjutnya telah menjadi faktor kegagalan dan kekalahan kerajaan tersebut. Kita tidak boleh...

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Baru-baru ini dalam laporan *Malaysiakini* ada satu laporan bahawa lima hari sebelum PRU14, Ketua Bahagian *Research* Jabatan Perdana Menteri ada tulis surat kepada CIA untuk meminta kerjasama, sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional terhadap menentang Pakatan Harapan. Yang

Berhormat daripada Ayer Hitam seorang Menteri nanti dia akan ucap, bolehkah dia tahu dengan perkara ini? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tindakan semacam ini bukan satu tindakan yang taat setia. Menunjukkan bahawa pengkhianatan oleh penulis surat itu dan harap Yang Berhormat Ayer Hitam boleh jelaskan perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri dan saya memohon supaya pandangan tersebut boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah Parlimen ini membuktikan bahawa Malaysia mampu memiliki satu *first world Parliament* dengan izin, yang menjalankan tugasnya dengan efisien dan bebas dan haruslah keputusan-keputusan Tuan Yang di-Pertua yang tertakluk kepada pertikaian diperiksa dan dipantau oleh satu jawatankuasa khas yang berperanan untuk menerima aduan-aduan daripada Ahli-ahli Dewan. Hanya dengan wujudnya satu *first world Parliament* kita boleh mencapai satu *first world nation*, dengan izin.

Skandal 1MDB juga telah menampakkan bahawa institusi-institusi penguatkuasaan telah pun dilumpuhkan. Dalam masa setahun yang singkat, kita boleh nampak Peguam Negara, Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah, Gabenor Bank Negara telah pun dibersarakan untuk tujuan yang jelas. Demi memperbetulkan kesilapan yang lepas kerajaan kini telah melaksanakan tindakan yang penting dan betul yang mana sembilan agensi penting termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan yang lain-lain telah pun dikeluarkan dari Jabatan Perdana Menteri dan melaporkan secara terus kepada Parlimen.

Dalam konteks ini Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Parlimen atau *Parliamentary Select Committee* hendaklah ditubuhkan dalam masa terdekat untuk memantau pentadbiran kesemua agensi-agensi ini. Ahli-ahli Dewan perlu diberikan tanggungjawab yang lebih besar dalam memastikan bahawa agensi-agensi tersebut berfungsi dengan bebas dan efisien.

Saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pepatah terkenal daripada Lord Acton dengan izin, "*Power tends to corrupt, absolute power corrupts absolutely*". Mana-mana bentuk pemusatan kuasa kepada seseorang pemimpin ataupun sesebuah institusi pada akhirnya akan memudaratkan pentadbiran ini. Akibat negatif pemusatan kuasa dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah pun dapat digambarkan oleh Indeks Persepsi

Rasuah, *Transparency International* 2017, yang mana kedudukan Malaysia terjunam ke tangga yang paling rendah dalam masa 23 tahun iaitu bertempat di kedudukan 62 daripada 180 negara dengan skor CPI 47 sahaja.

Kita tidak mahu balik ke jalan lama lagi. Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini untuk mengarahkan supaya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Menteri Besar berserta dengan Timbalan-timbalannya dan juga Ahli-ahli Dewan Kerajaan untuk mengisytiharkan harta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan SPRM adalah satu langkah ke hadapan yang baik. Rakyat akan menjadi pemantau yang paling penting dalam memastikan bahawa anggota-anggota pentadbiran tidak mengkayakan diri mereka sendiri dengan jawatan yang sedia ada.

Pada masa yang sama saya menyarankan supaya skop pengisytiharan harta ini juga boleh diperluaskan kepada kesemua Ahli-ahli Dewan dari kedua-dua belah Dewan ini untuk memastikan satu pentadbiran yang telus dan bersih. Tidak begitu penting...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Minta laluan, Pasir Mas. Pasir Mas, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Pasir Mas, ya sila.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pengisytiharan harta tersebut haruslah dimulakan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlebih dahulu yang akan mengepalai pengisytiharan harta yang dicadangkan?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Saya percaya bahawa kesemua pengisytiharan harta ini akan dilakukan secara serentak yang mana pada dulunya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu melaporkan harta mereka kepada SPRM tetapi sekarang beliau turut hendak mengisytiharkan harta beliau kepada SPRM. *[Tepuk]* Ini adalah satu pembaharuan institusi di bawah kerajaan yang sedia ada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, minta...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tidak apalah, masa sudah suntuk ada banyak lagi, nanti. Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu penting sama ada kita boleh duduk di sebelah sini untuk selama-lamanya tetapi adalah lebih mustahak untuk kita semua menunaikan tanggungjawab patriotik kita supaya satu sistem yang baik boleh ditubuhkan dan dilanjutkan dalam masa yang akan datang sebagai tonggak pentadbiran yang penting untuk negara yang tercinta ini dalam masa 50 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut bertitah bahawa anggapan kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang wujud di negara ini adalah percikan bunga api yang akan membakar hangus kedamaian dan kestabilan hidup telah meleset sama sekali. Saya amat bersetuju dengan titah Tuanku tersebut. Pengalaman saya sendiri, saya mengikuti pelajaran sekolah rendah saya di SRJK(C). Kemudiannya di SMJK dan di SMK. Selanjutnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Latar belakang saya yang dibesarkan di SRJK(C) tidak menghalang saya daripada berintegrasi dengan rakan-rakan lain saya yang berbilang kaum di SMK. Identiti saya selaku seorang pelajar bukan Islam di UIAM turut tidak menghentikan rakan-rakan Melayu dan rakan-rakan Muslim saya untuk menawarkan bantuan yang seikhlas-ikhlasnya kepada saya untuk membiasakan diri saya dengan kehidupan di kampus UIAM. Ini adalah Malaysia yang dinamik, ini adalah Malaysia yang sebenar-benarnya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kepelbagaian kaum, agama dan budaya di negara yang tercinta kita sememangnya harus menjadi satu daya kepada negara kita untuk maju ke hadapan dan bukannya satu rintangan kepada kita semua. Tidak ada satu negara yang lain di dunia ini yang mempunyai kelebihan seperti Malaysia dengan kepelbagaian bangsa, kepelbagaian budaya dan kepelbagaian cara hidup yang unik. *This is our advantage* dengan izin. Walau bagaimanapun memang terdapat puak-puak yang mahu merosakkan hubungan antara kaum demi kepentingan atau tujuan politik mereka dengan kata-kata palsu dan bohong dan tidak berasas langsung.

#### ■1650

Dengan kata-kata palsu dan bohong dan tidak berasas langsung. Contoh yang saya bagi, contoh yang terbaru bahawa terdapat dakwaan palsu beberapa hari lepas yang mana Kerajaan Pakatan Harapan hendak melaksanakan agenda pengkristianan DAP yang mana jelas bahawa tiada agenda tersebut langsung dalam perjuangan DAP sekian lama ini. Tohmahan sebegini merupakan tohmahan ulangan yang mana sebelum ini DAP sudah biasalah didakwa dengan tohmahan palsu seperti anti Islam, anti Melayu, ahli komunis dan sebagainya. Namun, DAP telah berjaya membuktikan bahawa kami adalah sebuah parti yang memperjuangkan nasib rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, latar belakang dan agama. *[Tepuk]*

Kesemua tohmahan palsu ini adalah jelas dengan satu tujuan sahaja iaitu untuk mengungkit politik perkauman, agama, kebencian dan ketakutan di kalangan pengundi-pengundi pelbagai kaum. Mereka yang selalu mempermainkan sentimen dan isu

perkauman ini harus sedar bahawa apa yang kamu rosakkan, bukan ke atas pihak lawan politik kamu tetapi adalah ke atas dasar pembinaan negara yang telah pun diusahakan sejak merdeka lagi. Mujur, jelas tohmahan tersebut tidak lagi terpakai dan diterima. Tindakan patriotik dan keputusan berani yang dibuat oleh rakyat Malaysia pada 9 Mei 2018 menunjukkan kesemuanya.

Masa sekarang adalah masa yang terbaik untuk kita membina semula negara dan mengukuhkan perpaduan rakyat pelbagai suku dan bangsa dalam negara ini. Tabung Harapan yang dilancarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada bulan Mei 2018, lanjutan daripada inisiatif perseorangan aktivis Shazarina Bakti, telah membara semangat patriotisme dan sikap bersatu padu rakyat Malaysia ke satu tahap yang paling tinggi. Semangat patriotisme sekarang tidak lagi terhad kepada kibaran Jalur Gemilang ataupun nyanyian lagu patriotik tetapi juga ditunjukkan secara realitinya dengan mendukung agenda perubahan pada 9 Mei 2018 dan melakukan apa yang perlu dalam daya upaya sendiri demi menyelamatkan Malaysia. Kita semua rakyat Malaysia.

Saya mengimbas kembali ayat kitab suci Al-Quran yang telah pun saya belajar semasa zaman universiti saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“O you who believe, indeed we had created you from a single male and female and made you into tribes and nations that you may know each other, verily the most noble of you in the sight of God is the most righteous of you”*. Rakyat Malaysia sudah mengundi untuk satu pembaharuan dan tidak ada rakyat Malaysia yang mahu kembali ke era politik lama dan gasar yang berlandaskan kaum, agama, kebencian dan ketakutan. Sudah sampailah masa kesemua rakyat Malaysia berganding bahu tanpa mengira kaum untuk membela semula negara kita dan menjadikan Malaysia satu negara yang cemerlang dalam semua bidang. Satu negara yang bersatu padu haruslah bermula daripada tahap pimpinan dengan *zero tolerance*, dengan izin, kepada politik perkauman dan kebencian, merupakan impian *Malaysian* yang diingin-inginkan.

Tuan Yang di-Pertua, masa ini juga satu masa yang mana kerajaan yang sedia ada harus menangani masalah *brain drain*, dengan izin, yang dialami sepanjang masa ini. Semangat patriotik untuk menyumbang kepada negara ini akan menjadi satu faktor yang penting untuk menarik balik golongan ini dan berkhidmat kepada negara. *Brain drain* adalah dianggarkan berada di satu tahap yang amat tinggi. Lebih daripada 330,000 orang pada tahun 2010, meningkat daripada lebih kurang 200,000 orang pada tahun 2000. Pada masa yang sama, dua daripada sepuluh warga Malaysia yang memegang sijil pendidikan tinggi telah pun memilih untuk pergi ke Singapura ataupun negara-negara *Organization for Economic, Cooperation and Development (OECD)*.

*World Bank Malaysia Report* tahun 2014 melaporkan bahawa lebih kurang 169,000 orang yang tinggal di negara-negara OECD ini memiliki sijil pendidikan tinggi ataupun yang lebih tinggi. Faktor-faktor utama *brain drain* selain daripada tahap gaji, ekonomi ataupun kualiti kehidupan adalah perasaan ketidakseimbangan sosial yang mana kerajaan sekarang perlu menggunakan gelombang patriotik yang kita ada ini, ditambah dengan harapan yang besar yang ditaruhkan oleh rakyat selepas PRU14 untuk membuktikan bahawa kerajaan yang baharu ini mampu untuk menunaikan janji-janji dan membawa pembaharuan kepada keseluruhan sistem dan menjamin satu pentadbiran yang telus, adil, bersih dan peluang yang saksama kepada mereka yang layak.

Saya berharap bahawa usaha-usaha harus dipergiatkan oleh kerajaan sekarang untuk mencapai matlamat membawa balik golongan ini. Dalam pada itu, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Tampin yang telah pada hari semalam menyatakan pendirian beliau untuk menyokong pengiktirafan sijil UEC. Sememangnya pengiktirafan sijil UEC ini telah pun dijanjikan dalam manifesto PH dan juga dikatakan telah pun dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional walaupun dengan penggunaan perkataan yang mengelirukan. Perkara ini tidak seharusnya dijadikan isu radikal perkauman dan saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam perkara ini untuk mengambil tindakan supaya menunaikan janji ini dalam masa yang terdekat seperti juga dengan janji-janji yang lain yang telah pun ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada pembaharuan yang *long overdue*, dengan izin. Pada 13 tahun yang lepas iaitu pada tahun 2005, Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM yang tebalnya 433 muka surat dengan jilid tambahan dan juga ekshibit eksekutif masing-masing 25 dan 149 muka surat telah dikemukakan oleh pengerusinya, Tun Mohamed Dzaidin Abdullah yang mengemukakan 125 cadangan untuk tujuan tersebut. Antaranya, satu cadangan yang amat penting adalah penubuhan satu *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*, dengan izin IPCMC untuk membantu memastikan kepatuhan dikuatkuasakan dengan ketat dan ketidakpatuhan dikesan dengan segera.

Dalam saranan Laporan Suruhanjaya Diraja PDRM tersebut telah dinyatakan bahawa IPCMC adalah sebuah badan luar yang bebas bertujuan menerima aduan dan mencegah salah laku dalam PDRM. Bagi anggotanya pula, dicadangkan pelantikan tujuh orang pesuruhjaya bagi tempoh tiga tahun dengan pengerusinya dilantik di kalangan mereka yang mempunyai latar belakang perundangan ataupun kehakiman.

Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, badan bebas sebegini adalah tidak asing di negara-negara yang lain. Di England dan Wales, kita ada *Independent Office for Police Conduct* (IPOC), dengan izin, yang ditubuhkan pada Januari 2018 yang dahulunya dikenali sebagai *Independent Police Complaints Commission*. Sejak penubuhannya melalui *Police Reform Act 2002*, dengan izin.

IPOC ini memantau kesemua sistem aduan terhadap pegawai-pegawai polis di England dan Wales dan membuat keputusan bebas daripada pihak polis, kerajaan dan mana-mana golongan yang mempunyai *interest*, dengan izin. Di Scotland, badan yang bersamaan telah pun ditubuhkan pada tahun 2013 dinamakan *Police Investigation and Reveal Commission* (PIRC), dengan izin. Di New Zealand, *Independent Police Conduct Authority* (IPCA) ditubuhkan sejak tahun 1989. Begitu juga di Australia, New South Wales, *Law Enforcement Conduct Commission* telah pun ditubuhkan pada tahun 2015. 13 tahun sudah berlepas setelah Laporan Suruhanjaya Diraja dikemukakan dan telah pun berlakunya kes-kes yang sedih seperti kes-kes A Kugan, Aminurrashid Hamzah yang melibatkan PDRM. Kes Teoh Beng Hock, Ahmad Shabani Mohammad yang melibatkan SPRM dan juga kes-kes yang lain. Namun, penubuhan IPCMC seolah-olah telah pun dilupakan oleh kerajaan yang sebelum ini dan jelas ia adalah disebabkan kekurangan keazaman politik pihak pimpinan negara untuk merealisasikannya. Kerajaan sekarang patut memberikan penekanan ke atas penubuhan IPCMC yang disyorkan sejak 13 tahun dahulu. Pembaharuan sistem pemantau PDRM ini tidak langsung bertujuan untuk menghukum anggota-anggota PDRM yang menjalankan tugas tetapi apa yang penting adalah untuk memastikan bahawa ini merupakan satu usaha yang penting untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap PDRM. Kita hendak melihat negara ini melangkah ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,...

#### ■1700

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Maaf, sudah tidak ada masa. *Sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia tidak beri laluan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Manifesto Pakatan Harapan telah menitikberatkan berkenaan masalah dan kebajikan anak-anak muda. Dalam menunaikan janji dan manifesto Pakatan Harapan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan pembayaran balik PTPTN hanya akan bermula sekiranya peminjam memperoleh satu gaji lebih daripada RM4,000 sebulan. Telah pun dilaporkan bahawa seramai 433 orang peminjam yang namanya sebelum ini disenaraihitamkan

oleh pihak Imigresen telah pun dibersihkan daripada sistem. Ini merupakan satu langkah yang baik untuk demi menunaikan janji-janji kita dalam manifesto kita.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa ini masih belum mencukupi untuk memaparkan semangat sebenar tawaran ini dalam manifesto. Telah dilaporkan bahawa nama-nama penghutang PTPTN tetap akan disenaraikan dalam sistem CCRIS.

Justeru itu, ia akan menghalang penghutang-penghutang tersebut daripada memperoleh *facility* bank. Ini tidak sepatutnya diteruskan, Tuan Yang di-Pertua. Penyenaraian nama penghutang-penghutang di CCRIS khasnya mereka yang masih mengambil gaji pada tahap kurang daripada RM4,000 ini merupakan satu jenis hukuman yang tidak wajar dan tidak patut.

Kenapa golongan ini masih perlu disenaraikan dalam CCRIS padahal mereka adalah dikecualikan daripada membayar balik PTPTN buat sementara waktu? *When there is no duty to pay, there is no wrong committed and there should not be any penalty towards the sin*, dengan, izin Tuan Yang di-Pertua.

Harus juga kita memahami keluhan anak muda. Betapa ramai anak muda yang tidak mampu untuk memiliki rumah mereka walaupun sudah bertahun-tahun bekerja. Untuk mereka yang mampu sekurang-kurangnya untuk mengeluarkan wang deposit, wang pendahuluan untuk membeli rumah idaman mereka yang pertama. Sekiranya usaha mereka ataupun impian mereka dibatasi oleh kerana nama mereka tersenarai dalam CCRIS ini selaku seorang penghutang PTPTN, ini adalah tidak adil untuk mereka.

Perkara sebegini adalah tidak adil dan kita kerajaan baru ini mempunyai satu tanggungjawab kepada anak-anak muda kita untuk memastikan bahawa setiap mereka boleh mempunyai satu kehidupan yang baik dan setiap mereka boleh memiliki rumah idaman mereka sendiri pada awal tahun pekerjaan mereka.

Maka dengan ini, sekali lagi saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan pada petang ini. Saya menggunakan kesempatan ini untuk sekali lagi menegaskan bahawa tanggungjawab kita dalam lima tahun yang akan datang merupakan satu tanggungjawab patriotik dan kesemua kita biarpun kita yang duduk sebelah sini ataupun sebelah sana adalah tanggungjawab kita untuk merealisasikan satu impian Malaysia yang diinginkan oleh rakyat Malaysia. Dengan itu, sekian daripada saya. Saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam.

**5.04 ptg.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan untuk saya berbahas. Saya ucapkan tahniah kepada pihak sana kerana telah menang dalam PRU-14. Secara ikhlas. Kerana kita tahu apa yang ditawarkan oleh pihak sana nampaknya lebih menarik perhatian rakyat. Ini juga satu amanah yang patut dipikul oleh pihak sana.

Jadi secara ikhlas saya akan bagi pujian sekiranya sesuatu dasar itu baik. Kalau sesuatu dasar itu mendatangkan kecacatan, maka saya akan tegur secara konstruktif ataupun bersertakan dengan formula dan cadangan. Terpulang kepada kerajaan hendak terima atau tidak.

Tadi sebelum bangun sahaja, Yang Berhormat Iskandar Puteri tiba-tiba menunjukan soalan kepada saya. Akan tetapi yang sedihnya, beliau lari. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong minta jangan lari tetapi yang tanya soalan— pagi saya tanya soalan, bersabar saya tunggu anaknya jawab, hari ini dia tanya soalan, dia terus lari. Saya tidak dapat jawab.

Akan tetapi saya tetap akan jawab. Sebagai anak jantan, saya tidak lari. Bagi mana-mana pegawai termasuk daripada Jabatan Perdana Menteri, kalau kakitangan awam itu melakukan suatu tindakan yang melanggar tata tertib, sila ambil tindakan dan hak mutlak ada pada kerajaan yang memerintah sekarang. Jawapan saya jelas, tidak payah ragu-ragu. Saya tidak lari.

Kedua, saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, saya sokong penstrukturan semula institusi Parlimen. Itu satu cadangan yang baik. Ada yang telah termaktub dalam Buku Pakatan Harapan. Ada sebahagian yang kita terima dan kita tahu bahawa ini menunjukkan satu demokrasi yang subur dan matang. Jadi dalam konteks ini, semak dan imbang, dengan izin, iaitu *check and balance* yang merupakan teras penting dalam sistem demokrasi berparlimen patut kita perkukuhkan lagi.

Jadi sehubungan dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa penstrukturan semula dan pemerkasaan institusi Parlimen sebagai badan yang menggubal undang-undang adalah langkah yang penting agar institusi Parlimen tidak dipengaruhi oleh badan eksekutif. Ini saya sokong.

Untuk tujuan ini, saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini wujudkan bahagian penggubalan rang undang-undang sendiri iaitu *drafting committee* atau *drafting section* supaya Ahli-ahli Parlimen dapat menentukan serta menggubal undang-undang mengikut kesesuaian daripada perspektif kita dan kita tidak semata-mata bergantung kepada AGC atau Jabatan Peguam Negara.

Saya juga mengesyorkan agar Parlimen memainkan peranan yang lebih menonjol dalam menjalankan fungsinya sejajar dengan doktrin pengasingan kuasa untuk memerintah negara pada peringkat Persekutuan. Sudah sampai masanya untuk kami melaksanakan langkah-langkah pengawasan dan imbalan untuk melindungi kepentingan awam daripada penyalahgunaan kuasa.

Pada masa ini, peranan pengawasan Parlimen berbentuk soalan yang kita tanya dan perbincangan isu-isu pematuhan urusan kewangan melalui PAC. Ini tidak cukup. Ini kerana kualiti perbahasan ataupun apa yang dibincangkan dalam PAC ini sebenarnya bergantung kepada penjawat awam bagi input pada kita sama ada mereka hendak bagi atau tidak. Jadi skopnya agak terhad kepada laporan pengurusan kewangan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berminat mendengar hujah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi khususnya mengenai reformasi ataupun satu penambahbaikan institusi Parlimen. Sebagaimana yang kita tahu bahawa dalam negara kita ini, kita mengamalkan konsep *separation of power* atau pengasingan kuasa di antara eksekutif, legislatif dan *judiciary*.

Adakah Yang Berhormat boleh setuju kalau saya katakan bahawa di negara kita sekarang ini, *separation of power* sebenarnya tidak wujud di mana ketua kepada majlis legislatif adalah Perdana Menteri dan ketua kepada eksekutif pun Perdana Menteri? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya setuju. Oleh sebab itulah saya kata kita perlu wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas. Itu yang kita perjuangkan sejak dahulu pun. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan dimasukkan sebahagian daripada teks saya. Saya menganggap jawatankuasa pilihan itu boleh kita tentukan bidang kuasa...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Isu-isu apa yang kita hendak perjuangkan termasuklah pendidikan, tentang kesihatan, keselamatan dan juga dasar luar negara. Semua ini kita boleh bicara dan bergantung kepada kesesuaian yang ada.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Penjelasan dari Bukit Bendera. Penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap. Biar saya cepat dahulu. Saya hendak cepat, saya ada 27 muka surat. Saya minta supaya kerajaan

memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang mana telah dimansuhkan pada tahun 1992. Ini membolehkan Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua untuk kita mengawal tenaga ataupun pentadbiran kewangan kita sendiri. Bukannya sekali kalau kita Ahli Parlimen hendak pergi melawat ke Parlimen lain, kita bergantung kepada keputusan eksekutif. Itu tidak kena. Jadi saya rasa kita kena pulihkan akta ini supaya kita diberi kuasa.

Begitu juga saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat, saya terima baik apabila Pakatan Harapan merombak semula sembilan agensi dan antaranya SPRM, SPR, Jabatan Audit, SUHAKAM, SPA, SPK dan SPP ke dalam Parlimen.

■1710

Ini satu langkah permulaan yang baik tetapi persoalannya, pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan pengerusi suruhanjaya masih lagi tertakluk kepada akta yang ada iaitu bergantung kepada Perdana Menteri atau Menteri tertentu. Jadi saya minta supaya *answerable* kepada Parlimen ini. Biarlah kita wujudkan satu jawatankuasa pilihan untuk mereka...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Penjelasan. Penjelasan ya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kita mempunyai dua pihak di sebelah sana...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Minta laluan dari Bukit Bendera.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Sekejap. Sana dan sini. Kita sama-sama bincang dan kita tentukan siapa yang mengetuai dan menganggotai suruhanjaya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Ipoh Timur minta.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau saya minta...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Sekejap sahaja. Sekejap sahaja jadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh ya.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam kerana memberi laluan. Saya amat tertarik dengan ucapan dari Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya penggal pertama datang ke Parlimen tetapi Yang Berhormat Ayer Hitam sudah lama. Walaupun Yang Berhormat Ayer Hitam dulu menjadi pemimpin utama dalam Kabinet dan pemimpin kanan dalam Parlimen tetapi Yang Berhormat Ayer Hitam terima idea bagus Pakatan Harapan. Yang Berhormat Ayer Hitam *adopted the idea-idea* baharu daripada Pakatan Harapan dan saya juga hairan kenapa Yang Berhormat

Ayer Hitam dahulu tidak mengemukakan cadangan-cadangan tersebut semasa menjadi *Cabinet Minister*? [Tepuk]

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini Yang Berhormat, penggal pertama, buat tuduhan yang bukan-bukan. Saya sudah mulakan dalam tahun 2004. Ketika itu Datuk Seri Shahrir Samad, kita sudah mula hendak pulihkan sistem ini. Kalau tidak ada, semak *Hansard*. Yang Berhormat jangan buat tuduhan liar. Pada penggal lalu, saya sebagai seorang yang masuk dalam Jawatankuasa Aturan Mesyuarat. Jawatankuasa Pilihan pun kita cadangkan. Kalau tidak setuju, kalau tidak tahu, pastikan wakil pembangkang dulu ada, tanya mereka. Ini yang kita buat. Jadi jangan buat satu tuduhan liar. Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jawatan Pengerusi PAC dipegang oleh parti pembangkang adalah satu langkah pembaharuan yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Oleh sebab itu saya kata yang baik, saya sokong. Tidak kira idea datang dari mana, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kedua. Pengasingan peranan Peguam Negara iaitu penasihat undang-undang dengan Ketua Pendakwa Raya. Saya ucapkan tahniah kepada Tommy Thomas kerana menjadi orang ketiga bukan Islam yang dilantik. Bagi saya tidak jadi masalah. Berpandukan kepada pengalaman selama 40 tahun. Itu saya tidak pernah mempertikaikan *capability*nya sebagai orang peguam. Akan tetapi di sini pula saya hendak tanya, kalau berdasarkan kepada Buku Harapan, manifesto Pakatan Harapan menyatakan jawatan Peguam Negara dan pendakwa raya akan diasingkan untuk mengelakkan konflik kepentingan. Apa yang dijanjikan oleh Buku Harapan iaitu Peguam Negara akan dilantik di kalangan Ahli Parlimen dan juga akan dijadikan Menteri manakala pendakwa raya akan disandang oleh individu bebas. Bebas tanpa kepentingan politik.

Saya hendak bertanya. Seperti yang kita sedia maklum, pendakwa raya dan juga – dia ini kalau kita kata sekarang masih belum kita pisahkan. Saya hendak tanya, kita tahu bahawa Tommy Thomas ini sebenarnya bagaimana beliau menjalankan tugas dua sekali? Pendakwa raya dan Peguam Negara sedangkan beliau mempunyai rekod sebagai peguam bela kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang terlibat dalam kes penghinaan mahkamah *contempt of court* yang mana kes asalnya masih lagi di mahkamah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan, Yang Berhormat. Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Beliau juga wakil peguam kepada keluarga-keluarga mangsa MH370 dan MH17 yang sedang mendakwa kerajaan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Penjelasan. Penjelasan. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Jelutong minta penjelasan. Boleh?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua benarkan saya lanjutkan masa, saya tidak ada masalah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat setuju bahawa Tommy Thomas bukan ahli mana-mana parti politik? Seperti Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta masa kecederaan. Saya hendak terangkan di sini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Setuju atau tidak? Tommy Thomas bukan ahli politik mana-mana parti dalam Pakatan Harapan seperti Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali? Setuju atau tidak? Kalau berani, beri penjelasan. Kalau berani beri penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Waktu itu jangan tutup ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, biar dia jelaskan dahulu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini *floor* saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya akan benarkan dia buat penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya cuma hendak tanya. Kenapa hendak melenting? Ini kata Naib Presiden PKR, Tian Chua, iaitu pada malam 9 hari bulan, Tommy Thomas juga membantu Pakatan Harapan di belakang tabir dalam hal-hal menubuhkan Kerajaan Persekutuan baharu. Itu bukan kata saya. Kalau tidak betul, tanya dengan Tian Chua. Mantan Ahli Parlimen Batu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi Yang Berhormat setuju Tommy Thomas bukan ahli mana-mana parti politik?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak kata dia parti politik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jawab soalan saya, Yang Berhormat. Adakah Tommy Thomas ahli parti Amanah, Bersatu, DAP ataupun PKR?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Seperti Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali yang merupakan ahli parti politik UMNO? Setujukah Yang Berhormat? Tommy Thomas bukan ahli politik mana-mana parti politik?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*  
...Ahli yang sedang berucap. Kalau hendak mencelah, minta... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sukacita saya ingatkan...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti. Sukacita saya ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Bukan semua. Yang Berhormat Jelutong sahaja. *[Disorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Semualah. Pagi tadi saya sudah memberikan peringatan kepada semua. Siapa-siapa Ahli yang hendak mencelah, haruslah meminta kebenaran daripada mereka yang berucap dan ini terpulang kepada Ahli itu sama ada hendak memberikan laluan ataupun tidak. Jika dia tidak memberikan laluan, maka Ahli itu tidak apa. Saya akan berikan ruang dan peluang untuk Yang Berhormat berucap dan bahas juga dan waktu itu kita bolehlah membawa nas-nas berhujah. Ya, teruskan Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masa berjalan. Saya hendak tanya juga. Apabila dalam keadaan sekarang, kalau ikut manifesto, kalau Tommy Thomas masih bertugas sebagai pendakwa raya di pejabat pendakwa raya, kalau ia telah diasingkan menjadi Jabatan Peguam Negara, adakah beliau akan dilucutkan jawatan dilantik sebagai pendakwa raya semata-mata selepas pengasingan ini dilakukan? Bila akan diadakan pengasingan serta adakah Ahli Parlimen Batu Sapi iaitu Menteri yang menjaga portfolio bahagian undang-undang di Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai Peguam Negara? Ini berpandukan kepada Buku Harapan. Itu persoalan. Sila Menteri jawab. Tidak perlu yang lain jawab.

Saiz Kabinet pada satu ketika dikatakan perlu dkecilkan hanya 20 orang Menteri. Saya perhatikan apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau boleh 20 atau lebih sedikit sahaja. Tidak mahu lebih. Saya masih ingat sekarang kita masih lagi ada 25 Kementerian. Tidak banyak beza dengan kerajaan dulu pun.

Malahan ada dua pula kementerian baharu yang saya akan ceritakan dari segi pertindihan kuasa. Saya hendak tanya Menteri yang berkenaan.

Apakah saiz Kabinet ini 26 campur tiga menjadi 29 orang tidak besar? Saya memetik Ahli Parlimen Pokok Sena pada 20 Januari 2016 yang mengatakan kerajaan dinasihatkan supaya tidak memangsakan rakyat bagi menampung kekurangan pendapatan negara ekoran keborosan Kerajaan Barisan Nasional selama ini. Dia kata, ibaratkan kabinet dapur, Mantan Perdana Menteri. Orang ini sekarang sudah jadi Timbalan Menteri, Ahli Parlimen Pokok Sena. Saya tidak tahulah beliau masih lagi dengan rungutan kabinet dapur. Kalau pada masa itu belum jadi Menteri atau Timbalan Menteri, kata kabinet dapur. Apa bezanya dengan yang ada sekarang?

Jadi pertindihan kuasa. Saya hendak tanya. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Pembangunan Usahawan, kalau dulu tidak ada. Saya cuma hendak maklumkan kepada Dewan persepsi rakyat ialah kuasa Menteri Kewangan telah dikurangkan menjadi *book keeper*. Kenapa? Ini persepsi. Ini kerana mereka melihat agensi-agensi yang dahulunya di bawah Kementerian Kewangan telah diasingkan dan dimasukkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang lebih mempunyai kuasa. Mempunyai kuasa yang lebih. Itu perlu dijawab kerana semua GLC *answerable* kepada Menteri baharu dan bukan lagi Menteri Kewangan. Dahulunya syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan sekarang nampaknya sekarang mereka ada dua bos. Dua Menteri. Jadi siapa yang sepatutnya menyampaikan mesej kepada mereka dan kepada siapa mereka patuh sesuatu arahan? Jadi saya rasa ini satu.

Kita lihat pembangunan usahawan. Saya hendak tanya. Kalau dahulunya kita kata hal ehwal ekonomi, takkanlah pembangunan usahawan bukan ekonomi? Jadi saya hendak tanya kalau dalam keadaan sekarang, apa sudah jadi dengan SME Corp? Pada satu ketika, saya jaga Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia, membantu peniaga-peniaga IKS Cina. Apa statusnya? Apakah telah dihapuskan? Kalau TERAJU masih ada, di mana ia diletakkan? Saya rasa SEDIC tadi sudah ditanya. Kita ada Menteri yang bertanggungjawab untuk membantu SEDIC. Saya hendak tanya, kalau PKS ini dulu 15 kementerian, 64 agensi yang terlibat, siapa yang jaga? Menteri Kewangan, Menteri Pembangunan Usahawan ataupun Menteri Hal Ehwal Ekonomi? Itu yang perlu dijawab. Saya hendak tanya, apabila berlakunya perkara sebegini dan kita ditambah KPDNKK, fungsinya sudah ada untuk *domestic trade*, nampaknya pertindihan kuasa yang amat sangat dalam beberapa kementerian itu.

## ■1720

Saya boleh mengibaratkan bahawa Yang Berhormat Gombak menjadi Menteri *super power* kerana nampaknya kalau Kementerian Kewangan cukup mempunyai kuasa yang luas, sekarang sudah dikurangkan. Itu persepsi sama ada diterima atau tidak.

Satu perkara yang saya rasa bimbang ke atas kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Julai 2018. Beliau kata, saya *quote*, “...*Mahu sayap pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Berhad kembali kepada tujuan asal penubuhannya iaitu meningkatkan pemilikan saham bumiputera*”.

Saya ingin hendak membawa Ahli Parlimen sekalian tentang apa yang tertera dalam objektif Khazanah ini iaitu membantu menyumbangkan daya saing ekonomi Malaysia, melaksanakan pelaburan pemangkin yang strategik untuk melonjakkan ekonomi negara, membangunkan modal insan, sosial dan pengetahuan secara aktif untuk Malaysia. Itu yang tertera.

Akan tetapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta supaya Khazanah balik kepada fungsi dahulu, masih kita ingat apa yang berlaku kepada Renong Berhad, Tajudin Ramly? Kita masih ingat dan saya petik apa yang pernah diucapkan oleh Yang Berhormat Iskandar Puteri. Itu sudah banyak bahan untuk kita kemukakan dan jangan sekali-sekali kita balik kepada era iaitu kroni kapitalisme. Ini yang tidak boleh.

Saya setuju kalau kita hendak membantu bumiputera dengan cara apa. Jadikan ia sebagai *sovereign fund* seperti Temasek di Singapura, tidak ada masalah. Dapat keuntungan, kita bagi dividen kepada kerajaan, kita bantu B40 yang majoritinya mungkin orang Islam ataupun orang Melayu, tidak ada masalah. Akan tetapi untuk mengkayakan beberapa individu, itu pun tidak kena pada waktu ini. Apatah lagi ia dilaungkan oleh pihak sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] selama ini. Jadi saya hendak bertanya, adakah pihak di sana bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini? Adakah itu cadangan daripada beliau sendiri ataupun telah di-*endorse* oleh Jemaah Menteri?

Saya hendak tanya, tidak boleh pegang saham untuk individu bumiputera tertentu. Ini sangat bahaya. Hendak bantu, bantu semua tidak kira siapa. Ini yang kita hendak utarakan. Kita lihat aset pada tahun 2008, aset Khazanah ialah RM33.7 bilion dan pada tahun 2017, ia telah melonjak kepada RM115.6 bilion. Ini satu anjakan yang cukup besar dan tidak usahlah balik ke zaman dahulu.

Ini tentang harga barangan selepas GST disifarkan. Saya rasa banyak kenyataan dibuat, saya tidak hendak ulang. Akan tetapi cuma satu sahaja, turun atau tidak turun,

bukan semata-mata pegawai yang bagi data. Pergilah buat semakan harga, adakah betul-betul 70 peratus daripada barangan sudah turun. Saya rasa ini berkisarkan kepada penguatkuasaan oleh bahagian-bahagian tertentu. Kita kena semak. Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan kata SST dijangkakan mengutip RM21 bilion. Apabila ditanya tentang *threshold*, dia kata akan dibentangkan. Kalau dikatakan sudah tahu RM21 bilion, sudah tentunya skop adakah ia diperluaskan. Saya rasa kesemua ini kita berkeinginan satu jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan juga.

Jadi berbalik kepada isu penjimatan kos di mana saya dapati banyak *downsizing* telah dibuat dengan izin iaitu kita lihat satu kes LRT3. Pada mulanya RM9 bilion itu yang kita tawarkan kepada kontraktor pada tahun 2015 tetapi tiba-tiba Yang Berhormat Menteri Kewangan kata RM31.5 bilion. Saya pun tidak tahu dari mana datangnya RM31.5 bilion itu dan tiba-tiba *we cut half the cost* dan seterusnya jadikan RM16 bilion. Saya tidak tahu macam mana kita hendak buat justifikasi ini? Adakah seolah-olah peniaga ini dia hendak jual satu barangan, dia kata barang ini RM5 dahulu dijual. Dia kata sekarang ini harga bukan RM5, sebenarnya RM10. Selepas dia kata, "*Tengok, saya begitu pandai sekali. Saya minta diskaun 50 peratus, saya sudah berjaya membuat cost savings sebanyak 50 peratus*". Ini kerja kelentong Dewan yang mulia ini.

Jadi saya hendak beritahu banyak lagi. Satu lagi perkara yang saya hendak tanya ialah tentang projek kereta nasional. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, kita hendak buat satu lagi syarikat kereta nasional. Saya hendak memetik kenyataan Profesor Jomo pada 33 tahun yang lalu dia kata tidak boleh. Ini kerana kalau kita lihat satu analisa yang telah dibuat oleh Gunasegaran, apa yang dia cakap? Dia kata selama ini, rakyat telah menanggung lebih daripada RM300 bilion semata-mata untuk memberi *protectionism* kepada kereta Proton. Ini yang telah kita bayar selama ini melalui apa? AP kita kena bayar. Kemudian apa? *The excise duty* kita kena bayar. Kita kena bayar *import tax* yang lebih tinggi dan kesemua ini membebankan rakyat.

Saya minta supaya kerajaan mengkaji semula, kalau inilah pendirian kerajaan – saya tidak tahu sama ada telah dibincangkan di Kabinet atau tidak. Kalau ia belum dibincangkan, sila tolaklah. Kita tidak ada kemampuan kerana untuk pembuatan kereta ini, kita dengan jumlah yang tidak banyak, penduduk yang tidak ramai, ia akan merugikan. Itu kata Profesor Jomo 33 tahun yang lalu.

Satu perkara lagi saya hendak bertanya iaitu tentang komoditi, tentang harga sawit yang semakin merosot. Saya agak rasa risau juga kerana permintaan komoditi kelapa sawit dikatakan telah menurun 20 peratus untuk bulan pertama Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan. Apakah ini berkisarkan ataupun ada kena mengena

dengan hubungan kita dengan pihak China? Itu saya hendak tanya. Saya perhatikan Li Keqiang baru-baru ini pergi ke Indonesia. Mereka membeli lebih banyak, setengah juta tan matriks setahun dengan Indonesia. Apakah ini satu signal yang dihantar kepada Malaysia? Kita kena kaji betul-betul kerana demi manfaat 650,000 pekebun kelapa sawit di Malaysia. Rakyat kita, pengundi kita yang minta kita – harga sekarang merudum sehingga RM2,157. Ini satu penurunan 15 peratus dan dari segi harga purata yang menurun lebih daripada lima peratus, ini akan berterusan apabila adanya *trade war* antara Amerika Syarikat dengan China. Ini yang berlaku.

Kita lihat juga, penangguhan arahan dan Resolusi Kesatuan Eropah 2016/2222 ini iaitu dasar pengharaman penuh penggunaan sawit sebagai bio bahan api. Memang pada waktu ini melegakan kita tetapi itu bukan satu kaedah jangka panjang dan kita minta mempelbagaikan penggunaan sawit dan meningkatkan lagi penggunaan biodiesel B7 dan B10 di pasaran domestik dan kita kena memperluaskan lagi eksport sawit kita ke negara-negara ASEAN. Itulah harapan saya terhadap Menteri baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai konsistensi kerajaan. Kalau tidak jadi kerajaan dahulu macam-macam boleh janji. Selepas jadi kerajaan nampaknya terlalu banyak *flip-flop*. Saya hendak bagi beberapa contoh apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan beliau sendiri menjadi Menteri Pendidikan, nampaknya dua veteran Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Ahli Parlimen Iskandar Puteri kata boleh, walaupun telah termaktub dalam sini, Menteri Kewangan tidak boleh dengan Menteri lain boleh. Akhirnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bijak membuat keputusan, dia melantik orang lain dan ini nampaknya *flip-flop* yang pertama.

Saya hendak petik satu lagi contoh, isu Menteri Wilayah Persekutuan. Dahulu Ahli Parlimen Seputeh kata tidak perlu ada Kementerian Wilayah Persekutuan, Ahli Parlimen Cheras pun dia kata tidak perlu. Apa sudah jadi selepas mereka menjadi kerajaan?

Isu pengiktirafan UEC. Saya masih ingat Ahli Parlimen Bagan kata, "*Bagi saya 30 hari, kita akan pegang tangan MCA untuk kita mengiktiraf sijil UEC*". Sudah 72 hari. Adakah 30 hari sudah lepas, kenapa masih lagi tidak nampak. Kalau tidak boleh buat, jangan janji. Saya masih ingat pada 9 April tahun ini, Timbalan Menteri Pendidikan sendiri dalam satu *YouTube* kata apa? "*Kita telah membuat secara hitam putih sejeurus sahaja kita menjadi kerajaan, kita akan terus mengiktiraf dan membenarkan mereka masuk ke universiti*". Ini janji mereka pada pengundi saya, pengundi lain-lain di kawasan lain terutamanya masyarakat Cina. Akan tetapi nadanya berlainan apabila dengan masyarakat lain, itulah saya hendak bongkarkan kalaulah...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Ayer Hitam...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Dahulunya orang yang sama...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Ayer Hitam sebelum ini...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak ada masa kecuali...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap, tidak apa, saya cakap dahulu.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Ayer Hitam sebelum ini menjadi Timbalan Menteri Pendidikan...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *You have your floor, let me finish...*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** *Cannot deliver in 60 years.* 60 tahun tidak boleh *deliver* UEC.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Boleh atau tidak?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya cuma hendak kata— saya tidak habis, duduk, duduk. *Lesson number two.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Hendak bagi dulu ya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak habis lagi. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, dia kata hujung tahun, Yang Berhormat Menteri tegur tidak boleh. Ini pasal kedudukan bahasa Malaysia, ini ada kena mengena dengan keharmonian masyarakat. Eh! Saya tidak tahu macam mana mereka boleh menggunakan perkataan, "*Kita sudah mengiktiraf tetapi baru hendak membuat kajian*". Itu terbalik prosesnya.

#### ■1730

Jadi, cuma pendek kata jangan kita janji, janji bukan-bukan, akhirnya baru hendak kaji. Itu prosedurnya tidak betul dan saya hendak sentuh lagi isu Zakir Naik, ini Menteri...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Minta penjelasan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Isu UEC...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Ipoh Barat dahulunya pernah kata, pernah mengutuk kerajaan iaitu kononnya kita ini tidak betul, kita tidak mengusir keluar orang ini.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, jangan takut.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim minta penjelasan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** 60 tahun tidak boleh *deliver*.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Duduk, duduk dulu. *Lesson number 3*, duduk, duduk, duduk.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Ipoh Timur minta penjelasan. Bagi tidak bagi?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak bagi. Saya akan teruskan. Yang Berhormat Ipoh Barat sendiri kata...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim minta penjelasan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Kerajaan patut mengusir Zakir Naik keluar. Saya tahu persepsi masyarakat Islam dengan bukan Islam itu lain-lain. Tapi saya hendak kata, sudah jadi Yang Berhormat Menteri, tukar posisi, otak pun tukar. Sebab dulu kata kena usir. Tapi dulu orang yang sama juga dia kata saya akur dengan keputusan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, tidak perlu sindirlah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak perlu sindirlah. Berbahas sajalah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya minta rujuk balik apa yang telah dicakap.

Satu lagi contoh isu skandal FOREX Bank Negara. Saya masih ingat pada tahun 2013, Yang Berhormat Iskandar Puteri kata, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dari Langkawi telah merampas atau merompak RM100 bilion daripada kekayaan negara. Dia syorkan supaya RCI itu ditubuhkan untuk siasat Perdana Menteri pada masa itu. Kalau tidak percaya, semak balik apa blog yang dia tulis dulu dan sekarang dia kata apa...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu dulu Yang Berhormat. Sekarang kita cakap tentang RM2.6 bilion, 1MDB Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekarang pula mengorek...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita cakap tentang RM2.6 bilion, 1MDB sekarang, sekarang.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kata Pakatan Harapan melibatkan usaha kerajaan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Skandal RM2.6 bilion, 1MDB Yang Berhormat, tolong jawab.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya minta... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** 2 minit 30 saat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang dikacau oleh mereka dan masa berjalan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu dikacau, bahas saja.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya minta waktu kecederaan Yang Berhormat, tidak boleh macam ini. Pakatan Harapan menyifatkan usaha kerajaan dahulu sebagai mengorek semula bangkai gajah. Kenapa *flip flop* lagi? Isu sekolah wawasan. Kalau masa pilihan raya kecil di Lunas, kita kalah. MCA kena belasah teruk, fasal apa. Fasal pembangkang termasuk pemimpin DAP kata kenapa hendak sokong sekolah wawasan. Saya masih lagi ingat iaitu Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bertanding dan kita kalah. Fasal apa, diungkit tentang sekolah wawasan. Kita menggadaikan nasib pendidikan orang Cina dan itu yang disebut dan Timbalan Perdana Menteri yang ada sekarang pada tahun 2000 juga berkata berkaitan pula dengan penegasan Kementerian Pendidikan meneruskan projek sekolah wawasan sementara, konsepnya mungkin dipertahankan...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Tetapi cara memaksa konsep tersebut tanpa perundingan muafakat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Tanjong Malim minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Dengan semua kaum akan memberi kesan negatif bertentangan dengan hasrat... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tanjong Malim minta pencelahan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak bagi kecuali Tuan Yang di-Pertua kena bagi masa.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Saya hendak sokong ini.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya diganggu. Saya cuma hendak kata TPM masa itu dia membantah dan sekarang pula nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, dia lain daripada lain. Semua pemimpin DAP kutuk kita, sekarang dia kata konsepnya baik. Jadi kita sudah kena lanyak 20 tahun tetapi selepas dia, baru dia rasa.

Saya hendak kata isu cukai pelancongan juga tahun lalu, Yang Berhormat Pandan sekarang iaitu TPM kata, Akta Cukai Pelancongan akan dimansuhkan sekiranya Pakatan Harapan menang dalam PRU14 tetapi jawapan terbaru oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan kata *the Ministry's review of tax which charges RM10 per night, per room was still ongoing but if scrubbing the tax, will cost to the nation to lose out, then we will not do so. Flip flop* lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya kita betul-betul. Janji kita pegang. Pembinaan SJK(C) baru, perpindahan kita teruskan. *The sky is the limit*. Kita tidak terbatas pada 16. Kalau Pakatan Harapan dapat 20 lagi campur dengan 10 perpindahan, saya sokong dengan tangan dan kaki, tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam minta...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Akan tetapi janji perlu ditepati, bukan janji dicapati. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 23 Julai 2018.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 17.34 petang]**